

Sumbangan daripada:

Yg. Bhg. Tan Sri Dato' Seri Ahmad Sarji b. Abdul Hamid
Ketua Setiausaha Negara

8/00
Sajinah

Daud Ibrahim

Pindaan Perlembagaan
antara
Kebal
&
Bebal

Daud Ibrahim

Pindaan Perlembagaan

antara
Kebal
&
Bebal

Hadiab

733783

320.95.95

DAU

- 6 OCT 1994

Perpustakaan Negara
Malaysia

Cetakan pertama Februari 1993

©Daud Ibrahim 1993

Hakcipta terpelihara. Mana-mana bahagian dalam penerbitan ini tidak boleh disalin semula, disimpan kekal atau dipindah sebarang bentuk atau sebarang cara sama ada cara elektronik, sawatan, salinan foto, rakaman dan sebagainya tanpa terlebih dahulu mendapat izin daripada penerbit secara bertulis.

Diterbitkan oleh

Wajah Kota (M) Sdn. Bhd.

5-1, Jalan Dewan Sultan Sulaiman Satu,

50300 KUALA LUMPUR. Malaysia.

Tel: 03-2929242

Diaturhuruf oleh

IQ COMMUNICATION

P.O. Box 10653, 50720 KUALA LUMPUR.

Muka taip teks

Galliard

Saiz taip teks:

11/13 poin

Dicetak oleh

Majujaya Indah Sdn. Bhd.

Harga: RM8.00

ISBN 983-9824-04-X

Dedikasi buat

Anakanda Mayang Ilani Ibrahim
yang lahir pada 3 Januari 1993
ketika isu pindaan perlembagaan
sedang meledak...kaulah yang bakal
menilai tulisan ini diambang 2020.

Kandungan

Prakata	vii
Mukadimah	xi
1. Sultan Johor Vs Dr. Mahathir	1
2. Siapa Lebih Kuat	8
3. Raja-raja Lambang Pembaziran	17
4. Antara Kebal & Bebal	26
5. Sanggupkah Raja-raja Berkorban	33
6. Rombakan Kabinet	40
7. Media Massa Keterlaluan	47
8. Cerita Menarik Mengenai Rahim	54
9. Peranan Raja-raja Melantik Menteri Besar dan Exco	65
10. Peranan Ulama	74
11. Lampiran	
(i) Ucapan Tuan Haji Hadi Awang	86
(ii) Ucapan YB Ahmad Nor	97
(iii) Ucapan YB Sukri Mohamad	101
(iv) Ucapan YB Mohamad Sabu	110
(v) Ucapan YB Karpal Singh	115
(vi) Ucapan Y.A.B Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad	135

Prakata

TULISAN berbentuk buku ini merupakan siri keenam catatan serius saya setelah **Musnahnya Empayar Mingguan Perdana, UMNO Pas Realiti & Maruah Wartawan Politik, Politik Balak & Kobena** (Tidak dapat dipasarkan atas sebab-sebab tertentu), **Apa Strategi Musa Hitam?** dan **Mengapa Muhyiddin Tidak Popular**.

Tulisan saya di Media Islam dan Tempo masih boleh diikuti seperti biasa dan kesempatan ini saya ambil untuk merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pengarang-pengarang akhbar mingguan tersebut yang memberikan kesempatan kepada saya menulis di media mereka.

Namun demikian, sepanjang karier penulisan saya, saya belum pernah mencatat sesuatu yang menyentuh mengenai Raja-raja Melayu baik melalui penulisan buku-buku ataupun artikel-artikel di akhbar-akhbar.

Disebabkan akhir abad kedua puluh ini seperti ada satu arus perubahan yang menyebabkan semua orang seronok berbincang masalah Raja-raja, saya seperti

terpanggil untuk menunaikan tanggungjawab mencatat sesuatu mengenai Pindaan Perlembagaan yang hangat diperkatakan sejak akhir tahun 1992 dan awal tahun 1993 ini.

Perlu disebut, selepas Abdullah Muhsyi, hanya S.H. Alattas sahaja seorang penulis yang berani menulis yang menyentuh kedudukan Raja-raja yang masih memerintah. Secara kebetulan pula, sedang sibuk Raja-raja menentang cadangan meminta perlembagaan, timbul pula kisah Sultan Ali Terengganu menuntut takhtanya semula.

Walaupun kisah orang menuntut takhta ini bukan cerita baru kerana suatu ketika dahulu pernah juga ada orang-orang tertentu yang menuntut takhta kerajaan negeri Melaka dan berkesudahan dengan kegagalan, saya menganggap tuntutan Sultan Ali itu juga akan berakhir begitu sahaja.

Adalah mustahil pada fikiran saya, kedudukan Raja yang sedang berkuasa akan diturunkan kerana belum pernah berlaku di dalam sejarah Malaysia Moden. Namun demikian, apabila timbul cerita pindaan perlembagaan yang bermula dari kes Tengku Majid Idris putera Sultan Johor memukul dan mencederakan Mohamad Jaafar Vello, penjaga gol hoki Pasukan Negeri Perak, harapan Sultan Ali nampaknya semakin cerah.

Apabila mendengar desas-desus mengatakan kerajaan akan mengambil tindakan di atas kesalahan yang dilakukan oleh putera sultan itu, Baginda Sultan Johor, Tengku Mahmud Iskandar serta merta melantik puteranya itu menjadi Tengku Bendahara Johor, jawatan yang

dikosongkan oleh adinda Sultan, Almarhum Tuanku Abdul Rahman Ismail.

Entah apa malangnya permainan hoki ini kerana selepas Mohamad Jaafar dipukul oleh putera Sultan, tiba-tiba jurulatih pasukan hoki Maktab Sultan Abu Bakar, Douglas Gomez pula dipanggil ke istana dan kemudiannya dikatakan dcederakan oleh Sultan Johor sendiri.

Sebaik sahaja akhbar-akhbar di negara ini menyiarkan cerita ini, Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika ditanya oleh wartawan menjelaskan, keselamatan rakyat tetap dilindungi dan sesiapa juga yang terlibat akan didakwa.

Bermula dengan kenyataan itu, Gomez yang sudah menyembunyikan diri dari perhatian wartawan menjadi berani mungkin kerana dirasakan beliau sudah diperhatikan oleh pihak berkuasa, terus membuat laporan polis.

Maka berlarut-larutlah cerita ini hinggalah Ahli Parlimen Malaysia bagi kawasan Pasir Mas, Kelantan, Haji Ibrahim Ali membuat satu usul di parlimen untuk membincangkan masalah pihak istana mencederakan rakyat. Namun demikian, Yang Di Pertua Dewan Rakyat, Tan Sri Zahir Ismail dengan mudah menolak usul tersebut tetapi selang dua hari kemudian, Timbalan Perdana Menteri, Encik Abdul Ghafar Baba sendiri membawa usul itu apabila ianya menjadi perbualan rakyat.

Akhirnya, saya yakin pembaca akan meneliti beberapa buku lain yang menulis mengenai perkara

yang sama untuk menilai perlunya satu catatan sejarah ini dirakamkan dalam bentuk yang boleh dijadikan bahan rujukan.

Januari 22, 1993.

Jalan Tuanku Abdul Rahman.

KUALA LUMPUR.

Mukadimah

SEWAKTU saya masih dibangku sekolah rendah lagi, saya pernah bercita-cita untuk menuntut ilmu kebal dari mana-mana tok guru yang sanggup menurunkan ilmunya.

Pada fikiran saya, apabila saya kebal maka saya akan menjadi orang terkenal dan paling pentingnya mudah glamour. Entah bila hilangnya cita-cita itu tidak pula saya sedari hinggalah kini, tidak pula terlintas di hati ini ingin mencari Sang Adi Putra yang menjadi guru Hang Tuah, Laksamana Melayu terkemuka yang menurut sejarahnya bertapa di Gunung Ledang, tidak jauh dari rumah kedua-dua orang tua saya.

Hari ini, setelah saya mengenali dunia penulisan dan politik tiba-tiba saya seperti diingatkan semula dengan kisah kebal tetapi kali ini bukan kebal pada diri saya sebaliknya, kebal pada Raja-raja Melayu hendak dihilangkan.

Kebal yang ada pada Raja-raja Melayu tidak sama dengan kebal yang saya faham sewaktu saya kecil-kecil dahulu. Kebal di sini dimaksudkan dengan kandungan

perlembagaan negara perkara 181 (2).

Tiba-tiba seperti lumpuh segala jentera kerajaan apabila semua rakyat seolah-olah mengambil bahagian di dalam isu ini sama ada di kedai-kedai kopi, di lobi-lobi hotel dan di mana-mana sahaja, asalkan ada teman, biasanya topik perbincangannya mengenai isu pindaan perlembagaan yang mahu menghilangkan kekebalan Raja-raja kecuali di atas tugas rasminya.

Oleh itu, saya baru sahaja menatapi buku baru tulisan Yahaya Ismail, seorang bekas Ketua Pengarang, bekas Pensyarah Universiti, bekas Guru dan bekas Pegawai Penyelidik mengenai kebal. Buku bertajuk **Siapa Kebal Mahathir atau Raja-raja Melayu** ini menjadi karya pertama yang menghayati isu pindaan muncul ke dunia. Paling istimewa buku dan penulis ini ialah waktu terbitnya buku ini tepat pada masanya, masa semua orang hendak mengetahui mengenai buruk baiknya pindaan ini.

Benarkah dakwaan sesetengah pihak yang mengatakan Gomezlah yang menyebabkan pindaan ini dibuat ataupun kerana hokilah kerabat istana terseret ke kancah yang mengerikan ini. Adalah tidak wajar jika saya tidak menyentuh mengenai peranan Menteri Besar Johor, Tan Sri Haji Muhyiddin Mohd Yassin di dalam menangani isu ini kerana Dewan Undangan Negari Johorlah yang pertama meluluskan usul menyokong pindaan perlembagaan ini walaupun sebelumnya Menteri Besar Selangor yang sukakan publisiti tidak henti-henti mengatakan Selangor di bawahnya akan melakukan sesuatu untuk menyekat beberapa perilaku pihak

stana yang tidak disenangi.

Namun demikian, ternyata Menteri Besar Selangor hanya melepaskan cakap-cakap itu sekadar mahu menyakiti hati bekas bapa mertuanya yang juga tidak senang hati dengan perilaku Muhamad ketika melarikan puterinya ke Thailand untuk dinikahi.

Saya percaya, sumbangan saya ini kecil tetapi harapan saya sekurang-kurangnya catatan sejarah ini perlu dibuat untuk rujukan generasi akan datang kerana inilah buat pertama kalinya di dalam sejarah Malaysia moden, raja-raja seolah-olah berkonfrantasi dengan kerajaan.

Seperti yang diketahui, Timbalan Perdana Menteri, Ghafar ketika membentangkan usul kekesalan mengenai isu Sultan Johor dengan Gomez berkata, Raja Adil Raja Disembah, Raja Zalim Raja disanggah membawa kembali kita kepada zaman Hang Jebat ketika berhadapan dengan isu Hang Tuah dijatuhkan hukum bunuh.

Isu ini juga membuktikan bahawa orang-orang Melayu jika menghadapi masalah akan kembali bersatu telah terbukti apabila Raja-raja yang juga sudah mempunyai team A dan team B kini kembali bersatu untuk berhadapan dengan kerajaan di bawah pimpinan Dr. Mahathir.

Saya tidak berniat menulis siapa menang dan siapa kalah di dalam isu ini walaupun ramai yang bertanya dengan saya apakah akhirnya Dr. Mahathir akan menang di dalam menangani isu ini. Bagi saya, sebagai orang Melayu, apapun yang dilakukan, selagi ianya untuk kesejahteraan, keselamatan dan kebaikan orang-

orang Melayu ianya harus disokong. Oleh itu tidak timbul sama sekali soal sultan akan menangkah ataupun Dr. Mahathir yang akan menang kerana yang lebih penting dan berharga ialah orang-orang Melayu mestilah menang di dalam isu ini.

Manakala soal bebal pula mungkin tidak elok jika saya tukarkan perkataan ini dengan bodoh. Itu agak kasar sedikit. Oleh itu, saya kira eloklah dipadankan kebal dengan bebal. Soal siapa kebal dan siapa bebal tidak timbul kecuali ada peristiwa-peristiwa yang menggambarkan kekebalan orang-orang Melayu.

Kata Yahaya Ismail di dalam bukunya siapa Kebal di halaman 6 bab satu, Dr. Mahathir banyak kelemahannya. Dia bukan maksum. Bukan Nabi. Tidaklah bermakna Yahaya yang banyak pengalaman ini juga seorang yang tidak ada kelemahan langsung, tidak juga maksum dan bukan juga Nabi. Agak keterlaluanlah jika Yahaya membandingkan Nabi dengan Dr. Mahathir.

Pada pendapat saya, Dr. Mahathir hanyalah sebagai faktor sahaja untuk menjadikan pindaan ini berlangsung. Ini kerana siapapun yang duduk di kerusi itu sebagai Ketua Eksekutif tidak mahukan campurtangan yang menghalang perjalanan pentadbirannya. Ini kerana jika benarlah Dr. Mahathir memang berniat untuk mengertak Raja-raja, saya percaya diawal-awal pemerintahannya dahulu dia sudah berusaha ke arah itu.

Jika disabitkan dengan peristiwa 1983, Dr. Mahathir tidak boleh dipersalahkan seorang diri kerana waktu

itu Datuk Musa Hitam, Tengku Razaleigh Hamzah, Datuk Rais Yatim, Datuk Adib Adam, Datuk Shahrir Abdul Samad dan beberapa nama lagi berada di dalam kabinet.

Adalah tidak adil atas sebab kita berfahaman politik yang tidak sehaluan dengan Dr. Mahathir, maka segala kesalahan mahu diletakkan di bahunya. Walaupun Yahaya tidak mengakui beliau mirip kepada mana-mana parti politik, tetapi semua orang tahu bahawa Yahaya memanglah berminat dengan Semangat 46 dan menjadi penulis rasmi kepada media-media parti itu.

Saya mencadangkan agar kita semua kembali menatap sejarah supaya kita dapat belajar daripada kisah-kisah dahulu yang amat menyedihkan. Allahyarham P. Ramlee (Tan Sri) pernah memilemkan kisah Hang Tuah dengan Raja dan Musang Berjanggut yang menyentuh Raja-raja. Tujuannya sama dengan apa dibuat oleh Perdana Menteri sekarang, iaitu untuk menegur istana. Teguran itu dibuat dalam bentuk yang amat halus agar ianya tidak menyinggung perasaan sesiapa.

Bab 1

Sultan Johor Vs
Dr. Mahathir



SAYA terpaksa lakukan sekali ini. Sudah puas saya bersabar. Walau apapun orang lain nak kata, saya terima. Soalnya sebagai pemimpin pilihan rakyat, saya tetap berdiri di sebelah rakyat. Terpulanglah kepada Raja-raja samada mahu menerima atau tidak cadangan ini, barangkali itu kata Dr. Mahathir ketika ditanya oleh wartawan.

SEANDAINYA berita Douglas Gomez dcederakan oleh Sultan Johor tidak dipedulikan oleh Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad mungkin tiada satupun pemimpin yang berani mengeluarkan kenyataan bahawa keselamatan rakyat haruslah diutamakan seperti yang berlaku hari ini.

Segala-galanya bermula dari kenyataan Dr. Mahathir dan kemudiannya disambut oleh timbalannya, Encik Abdul Ghafar Baba dan kemudiannya, Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar Ibrahim. Maka isu ini, walaupun nampaknya kecil sahaja menjadi besar kerana ianya diulas dan dikomen oleh ketua eksekutif sendiri.

Maka terjebaklah Sultan Johor kali ini. Walaupun sewaktu beliau melakukan perbuatan mendatangkan kecederaan kepada Gomez itu tidak menyangkakan beliau bakal menjadi bahan perbincangan rakyat, akhirnya menjadikan isu ini gempar dengan urutan-urutan seterusnya sehingga mendorong UMNO yang menunjangi kerajaan Barisan Nasional membawa usul ini ke Parlimen untuk diperbahaskan.

Disebabkan Dr. Mahathir memang mempunyai hubungan intim dengan Sultan Johor, maka tumpuan kes ini diberikan agak berlebihan oleh orang ramai. Malahan Dr. Mahathir dirasakan tidak akan meneruskan hasratnya untuk berbuat sesuatu untuk mengambil tindakan terhadap Sultan Johor kerana gelaran D.K.1 yang beliau dapati dari istana Johor.

Rupa-rupa segala sangkaan dan ramalan itu tidak tepat. Malahan dengan penuh berhati-hati Dr. Mahathir

bersama-sama pakar undang-undang kabinetnya, Dato' Syed Hamid Albar terus mengeluarkan kenyataan mengatakan kerajaan tidak akan berundur dari isu ini kerana sebab-sebab peribadi malahan kepentingan dan keselamatan rakyat haruslah diutamakan.

Pihak-pihak pembangkang nampaknya sekata dengan kerajaan di dalam isu ini khususnya DAP yang memang sudah agak lama menyindir kerajaan di bawah pimpinan Dr. Mahathir yang dikatakan terlalu memukakan Raja-raja. Mereka berkali-kali cuba membawa usul dan mahu membincangkannya di Parlimen, namun usaha ini tidak berjaya.

Apabila timbul isu ini, dengan penuh bergaya Timbalan Pengerusi DAP yang juga Ahli Parlimen Jelutong, Karpal Singh menyindir kerajaan kerana kononnya bertindak apabila ada kepentingan-kepentingan tertentu sedangkan beliau sendiri pernah tertekan disebabkan usahanya menyaman Sultan Selangor satu ketika dahulu.

Dr. Mahathir seterusnya menerima kecaman dari Semangat 46 apabila satu perhimpunan khas parti itu mengutuk beliau kononnya sering menggunakan Sultan Johor ketika menjadi Yang Di Pertuan Agong dahulu di dalam isu pemecatan Tun Salleh Abas, bekas Ketua Hakim Negara.

Malahan ada pula yang menyindir Dr. Mahathir kononnya beliau lebih kebal dari Raja-raja Melayu. Seterusnya dengan lantang dibabitkan soal anak-anak Dr. Mahathir yang dikatakan sibuk berniaga di era kepimpinannya tanpa memperdulikan teguran dan

kecaman dari pihak-pihak pembangkang.

Isu Pindaan Perlembagaan ini rupa-rupanya tidak difokuskan secara tepat malahan segala perkara yang boleh disabitkan, turut dikait demi melepaskan perasaan marah kepada Dr. Mahathir. Namun demikian, sebagai pemimpin politik dan kerajaan Dr. Mahathir tidak wajar melenting ataupun marah dengan kecaman ini kerana adalah lumrah kritikan dibuat terhadap batang tubuhnya kecualilah beliau tidak sanggup untuk mendengarnya.

Almarhum Tunku Abdul Rahman, Allahyarham Tun Abdul Razak dan Allahyarham Tun Hussein Onn bukan sedikit yang mengecamnya. Malahan Tunku Abdul Rahman pernah diminta meletakkan jawatannya apabila berlaku Tragedi 13 Mei 1969. Dr. Mahathir antara pemimpin yang terlibat di dalam usaha mengecam Tunku Abdul Rahman ketika itu. Oleh itu, adalah menjadi perkara biasa apabila beliau pula dikecam di zaman pemerintahannya, yang penuh dengan pelbagai isu.

Ada pihak-pihak yang mendakwa bahawa usaha kerajaan meminda perlembagaan ini adalah salah satu usaha menghapuskan Raja-raja. Namun demikian, di pihak kerajaan bermati-matian menafikan dakwaan itu dan berjanji akan membuktikan kekebalan akan dikekalkan untuk tugas-tugas rasmi Raja-raja yang bertindak atas nasihat.

Lebih menakjubkan di dalam isu ini, parti-parti pembangkang nampaknya tidak sekata di dalam menghadapi isu ini kerana mereka semuanya kecuali Semangat 46 menyokong pindaan ini. Parti Rakyat

(PRM) sendiri di dalam satu forum di Universiti Kebangsaan ketika isu ini sedang hangat diperkatakan dengan lantang memperli wakil dari Semangat 46 yang dikatakan cuba memutar belitkan isu seolah-olah kerajaan mahu menghapuskan Raja-raja.

Sedangkan PRM bolehlah dikatakan seringkali bersetuju dengan Semangat 46 dan bersama-sama berada di dalam Gagasan Rakyat bergandingan dengan DAP dan lain-lain parti pembangkang ketika menghadapi pilihanraya umum 1990 yang benar-benar berjaya menggugat UMNO/Barisan Nasional jika diukur dari segi undi yang mereka kutip.

Peluang yang ada digunakan untuk mengingatkan rakyat bahawa kekebalan Raja-raja jika dihilangkan janganlah dipindahkan kepada pihak eksekutif yang mungkin menggunakan dengan penuh kezaliman di dalam mengejar kepentingan mengekalkan kuasa. Malahan, beberapa penyelewengan dan kemungkaran kerajaan disebutkan sebagai salah satu bukti bahawa kepimpinan kerajaan hari ini sebenarnya kebal dari segi undang-undang yang didakwa sudah menghakiskan kepercayaan rakyat terhadap intitusi kehakiman.

Boleh dikatakan semua penulis yang sudah lama tidak kendengaran khabar beritanya dan membaca tulisannya turut muncul disaat-saat isu ini sedang hangat diperkatakan mengulas mengenai kewajaran pindaan ini dilaksanakan.

Nampaknya Dr. Mahathir tidak keseorangan di dalam menghadapi isu ini dan beliau hanya ditentang oleh Majlis Peguam dan Parti Semangat 46 sahaja

sedangkan lain-lain pihak nampaknya walaupun tidak berdiri di belakang Dr. Mahathir tetapi seolah-olah bersetuju di dalam usaha kerajaan meminda perlembagaan ini yang mahukan kekebalan itu dikurangkan.

Di dalam satu keadaan Dr. Mahathir dipetik sebagai berkata, sebenarnya tafsiran kekebalan itu tidak difahami betul-betul oleh pihak Raja-raja hingga menyebabkan ada yang mendakwa Raja-raja mengatasi undang-undang yang membolehkan mereka mencederakan rakyat dan melakukan sesuka hatinya.

Ketua UMNO Bahagian Batu, Wilayah Persekutuan, Senator Dato' (Dr.)Haji Azman Attar Othman di dalam ucapannya di Dewan Negara pada 20hb. Januari 1993 mengatakan tiada sesiapa yang mengatasi undang-undang kecuali politik itu sendiri kerana ahli politiklah yang menggubal undang-undang.

Bab 2

Siapa Lebih Kebal

SEMENJAK 10 Disember 1992 hingga Januari 1993, seluruh rakyat Malaysia berdebar-debar menanti saat-saat penentuan mengenai ura-ura pindaan perlembagaan Malaysia yang menyentuh kekebalan Raja-raja, yang pada dasarnya mendapat sokongan 100% daripada Ahli-ahli Dewan Rakyat (Parlimen) apabila usulnya dibentangkan oleh Y.A.B. Encik Ghafar Baba, Timbalan Perdana Menteri Malaysia.

Walau apapun keputusannya, rakyat perlu tahu isi kandungan perbahasan dan perdebatan isu Raja-raja dengan rakyat dan UMNO ini secara sah bagi menolak sebarang eksploitasi oleh mana-mana pihak. Hari ini mungkin bahan seumpama ini tidak penting tetapi jangka masa depan, 20 ataupun 30 tahun akan datang, kemungkinan ada perlunya bahan-bahan ini bagi menjadi rujukan dan sejarah.

Soal siapa yang mahu meminda perlembagaan tidak penting sama sekali, tetapi alasan-alasan logik perlu diketengahkan untuk menjadi bahan perbincangan yang sihat. Soal Raja ataupun siapa yang lebih penting tidak menjadi fokus tulisan ini tetapi sekurang-kurangnya rakaman sejarah seumpama ini bakal dinilai oleh rakyat Malaysia suatu hari nanti.

Bulan Disember tahun 1992 adalah bulan malang bagi Raja-raja Melayu di Malaysia kerana di dalam tempoh inilah rakyat secara tiba-tiba mendapat pelbagai maklumat mengenai keterlibatan kalangan istana, bermula dari Sultan ataupun Raja hinggalah anak-anaknya yang terlibat dengan pelbagai isu termasuk menekan pihak pemerintah untuk mendapatkan kawasan balak,

tanah ataupun lain-lain peluang selain dari isu Tengku Majid Idris, putera Sultan Iskandar Johor memukul penjaga gol hoki Perak, Mohd. Jaafar dan tindakan Sultan Iskandar sendiri mencederakan Gomez, seorang jurulatih Hoki Maktab Sultan Abu Bakar, Johor Bahru.

Dengan sebab itu, segala-gala kesilapan, kelemahan dan keterlanjuran kerabat-kerabat Raja didedahkan oleh media massa, dipetik dari sumber-sumber terdekat ataupun penyelidikan yang dapat dibuat sendiri oleh pihak-pihak tertentu. Perkara-perkara lama diungkit, dicungkil dan dikorek. Maka seperti gemparlah Malaysia waktu itu kerana di mana-mana sahaja, tanpa mengira golongan mana, semua pihak bercakap mengenai Raja-raja. Sudah semestinya ada yang pro (menyokong) dan ada yang kontra (menentang).

Ada pendapat yang mengatakan, bukan sahaja Raja yang bertindak memukul orang tetapi orang biasapun yang tidak berkesempatan menjadi Raja turut melakukan jenayah dan memukul orang. Bukan satu perkara luar biasa kes membunuh tidak disiasat dan apabila ada pihak yang mengungkit kematian *keddy boy* ada juga yang bertanya apa khabar kes Mustakizah.

Mereka juga hairan bagaimana Polis Malaysia yang dikatakan antara Pasukan Polis terbaik di dunia gagal menangkap dan mendakwa pembunuh-pembunuh yang bertanggungjawab menyebabkan kematian Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Rahman Hashim.

Oleh itu, kes Raja dengan rakyat yang membabitkan satu dua kes ini tidak perlu dipanjang-panjangkan kerana ianya menjadi bahan omongan yang merendah-rendahkan

martabat Raja-raja.

Sebelum inipun, bukan rakyat tidak pernah memperkatakan mengenai Raja-raja mereka tetapi tidak secara terbuka seperti yang berlaku sekarang. Hari ini, sudah tidak ada segan silu, tidak ada rasa takut malahan Raja-raja seolah-olah telah menjadi orang-orang politik, yang terus-terusan dikritik.

Malangnya, Raja-raja tidak berkesempatan untuk menjawab di media cetak ataupun media elektronik untuk menjawab segala-gala pendedahan berani yang dibuat terhadap batang tubuh mereka. Oleh itu, seperti tidak adil pula apabila hanya satu pihak sahaja yang bercakap sementara yang satu pihak lagi seolah-olah tidak diberi peluang membela diri.

Tengku Majid Idris, Tengku Bendahara Johor yang dituduh telah berangkat ke Balai Polis untuk menyerah diri seterusnya menghadiri mahkamah untuk mendengar tuduhan terhadapnya. Beliau yang mengambil sikap membuat pengakuan tidak bersalah akan dibicarakan pada suatu tarikh yang akan ditentukan kelak. Pada peringkat awalnya tiada siapa yang menduga putera Sultan Johor ini akan berbuat demikian, namun dengan ketegasan Menteri Besar Johor, Tan Sri Haji Muhyiddin Mohd Yassin yang mencadangkan kaum kerabat terdekat dengan beliau agar menasihatkannya supaya menyerah diri dan sehari kemudian, Tengku Majid berbuat demikian.

Tanpa mengambil kira apa keputusan yang bakal mahkamah jatuhkan ke atas Tengku Majid, tetapi usaha-usaha yang sedang berjalan sekarang ialah ke arah

meminda perlembagaan yang bakal menyentuh kekebalan raja. Amat merisaukan, jika mahkamah mendapati Tengku Majid tidak bersalah, adakah wajar pindaan itu dijalankan. Jika ianya berlaku, kelak apakah ianya tidak akan menyebabkan kerajaan dipersalahkan jika berlaku sesuatu yang tidak diingini di negara ini, di mana waktu itu jasa Raja-raja diperlukan.

Baginda Sultan Kedah, Sultan Abdul Halim adalah satu-satunya Sultan yang tidak langsung menimbulkan kontraversi sama ada di dalam soal-soal perlantikan Menteri Besar, Exco-exco ataupun Setiausaha Kerajaan Negeri (SS). Oleh itu, jika pindaan ini dibuat, ianya akan melibatkan sama Baginda. Adakah adil tindakan ini yang membabitkan sama dengan seseorang yang tidak pernah sama sekali menimbulkan masalah.

Tidak kedengaran sama sekali Baginda ada meminta kawasan balak, tanah ataupun lain-lain peluang perniagaan atas angin. Mengapa tindakan tidak dibuat berdasarkan sesuatu kes supaya yang salah sahaja menerima akibatnya sementara yang tidak pernah bersalah tidak disentuh langsung.

Soal kawasan balak, tanah perindustrian dan lain-lain permohonan yang didakwa berlebihan diberikan kepada Raja-raja bolehkah disalahkan satu pihak sahaja? Mengapa Menteri Besar sesebuah negeri tidak merujuk kepada Perdana Menteri untuk tujuan-tujuan tersebut supaya tindakan susulan ataupun sesuatu teguran boleh dibuat oleh Perdana Menteri. Silapnya Menteri-menteri Besar tidak serius untuk menahan perkara ini dari-

pada berterusan. Mereka bermain *wayang* di dalam isu ini.

Apabila ada pihak yang mendedahkannya, barulah terkapai-kapai berusaha untuk menerangkan kedudukan yang sebenarnya. Waktu itu nasi sudah menjadi bubur. Raja bukan maksum tetapi eksekutif juga tidak terlepas daripada membuat kesilapan. Oleh itu, jika tindakan mahu dibuat terhadap Raja-raja, tindakan serupa juga perlu diambil terhadap eksekutif. Jangan sekali bertindak *double standard*.

Harakah 25 Disember 1992 di muka surat 3 melaporkan Presiden Semangat 46, Tengku Razaleigh Hamzah menyarankan supaya masalah antara Raja dengan kerajaan hendaklah diselesaikan antara Raja dengan kerajaan sahaja. Ia bermaksud tidak diperkatakan secara terbuka. Namun demikian, soal ini sudah tersebar secara meluas dan amat banyak keburukan Raja diperkatakan. Persoalan yang timbul kini ialah, apakah masalah seumpama ini tidak pernah berlaku di zaman Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak atau Tun Hussein Onn menjadi Perdana Menteri? Jika ada, apakah bentuk penyelesaian yang diambil hingga menyebabkan perkara 'membelasah Raja-raja tidak pernah timbul' sama sekali?

Tidak bolehkah sikap menarik rambut dalam tepung, tepung tak berselerak, rambut tak putus. Bukankah kedua-dua pihak akan dapat faedahnya. Sensitiviti orang-orang Melayu terhadap Raja-rajanya tidak boleh dipandang kecil. Oleh itu, Raja-raja hendaklah memikirkan perasaan orang Melayu yang bernaung di

bawahnya sebelum mengambil sesuatu persetujuan untuk meminda perlembagaan negara, lebih-lebih lagi sesuatu pindaan ke arah menghapuskan sama sekali Raja-raja di negara ini.

Sama ada UMNO mengkaji secara terperinci atau tidak implikasi yang bakal timbul tidak diketahui tetapi setakat ini Pergerakan Pemuda UMNO hanya menyetujui cadangan Perdana Menteri untuk membuat pindaan tersebut. Boleh dikatakan tidak ada langsung mana-mana bahagian UMNO menentang perkara ini walaupun mereka sedar bahawa menegur bukan bererti menentang, menentang pula tidak bererti bermusuhan manakala apabila bermusuhan tidak bermakna selama-lamanya bermusuhan.

M. Noor Azam di dalam tulisan di Utusan Malaysia 24 Disember 1992 menulis, maka jadilah orang Melayu, bangsa yang paling hina – yang akan menyembah dengan penuh takzim siapa saja yang didudukkan di atas singgahsana – jadi Sultan. Keturunan apa dan bagaimana kelakuannya, tidak jadi soal.

Ada pendapat yang menolak pandangan penulis ini kerana amatlah keterlaluan menghina bangsa Melayu yang kononnya tidak reti membedakan mana intan mana kaca. Ibnu Tamiah berpendapat, untuk menjadi pemimpin (Sultan) tidak perlu diambil kira keturunannya asalkan mencapai syarat-syaratnya, waima hamba sekalipun boleh dijadikan pemimpin (Sultan).

Soalnya sekarang, siapa yang yang meletakkan Raja di singgahsana? Bolehkah kita menyalahkan Bri-

tish yang mendaulatkan Raja-raja Melayu di Tanah Melayu? Mahukah kita terus kehilangan Raja kerana Indonesia dan Iran sudah tidak beraja? Tidakkah kita malu apabila nanti ada antara eksekutif-eksekutif yang 'beraja di mata bersetan di hati' apabila sudah tidak ada siapa yang mereka takuti?

Sedarkah kita ada antara eksekutif yang belum sempat menjadi Sultan sudah berani membawa lari puteri Sultan dan dinikahi secara senyap-senyap di luar negeri? Apakah akan jadi kalau nanti tiada Raja di negara ini, sanggupkah mana-mana pihak yang menjamin tiada lagi kelakuan-kelakuan eksekutif-eksekutif yang lebih Raja dari Raja-raja?

Sultan enggan membayar cukai Lambhorgini diheboh-hebohkan. Apakah tiada eksekutif yang juga enggan membayar cukai? Apakah tiada Ketua UMNO Bahagian yang menampar orang? Apakah tindakan sudah diambil terhadapnya? Mengapa apabila Gomez dicerderakan, serta-merta diadakan Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO, Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) dan Persidangan Khas Dewan Parlimen (18, 19, 20 Januari 1993).

Jika ada Sultan yang memiliki banyak kereta mewah apakah tiada mana-mana wakil rakyat yang juga mempunyai terlalu banyak kenderaan? Apakah pelik jika Sultan memiliki jet sedangkan ada orang-orang UMNO yang mempunyai lebih dari itu? Bolehkah dijamin orang-orang UMNO ini tidak mendapat kekayaan dari hasil balak ataupun tanah-tanah kerajaan?

Dewan Undangan Negeri (Johor) menjadi dewan

pertama yang meluluskan usul meminda perlembagaan dan kalungan tahniah hendaklah disampaikan kepada Tan Sri Haji Muhyiddin Mohd Yassin yang tidak banyak bercakap sebaliknya lebih serius membuat kerja. Walaupun di dalam isu dengan istana ini, Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Haji Muhd. Taib lebih terkehadapan dengan kenyataan-kenyataan beraninya tetapi dari sudut tindakan, tidak ada apa-apa yang boleh dibanggakan.

Beliau dengan berani mengatakan sanggup terkorban bersama-sama Dr. Mahathir di dalam menghadapi isu istana ini tetapi cakap-cakap itu hanya ke arah mencari publisiti untuk bertanding jawatan Naib Presiden di dalam pemilihan tahun 1993. Johor merupakan negeri pertama yang komited dengan kerajaan persekutuan di dalam soal pindaan perlembagaan ini. Sokongan yang kerajaan negeri terima ialah 35 menyokong dan satu menentang. Ahli Dewan Undangan Negeri Johor (Kawasan Parit Bakar), Haji Kahar Ahmad yang mewakili Semangat 46 seorang sahaja menentang manakala tiga wakil DAP turut menyokong.

Bab 3

Raja-Raja Lambang Pembaziran?



SALAH satu contoh istana kepunyaan kaum keluarga Raja-raja Melayu masa kini.

SATU perkara yang Raja-raja perlu ketepikan dari hidup mereka ialah cara hidup yang terlalu mewah. Kemewahan itu pula, walaupun didapati dari kerajaan juga, bermakna mereka perlulah ada sikap bertolak ansur di dalam beberapa perkara khususnya yang menyentuh mengenai pentadbiran negara.

Walau apapun orang lain nak kata, Raja-raja perlu insaf bahawa kerajaan sudah terlalu banyak menutup pekong Raja-raja kerana mahu menjaga hati mereka yang perlu hidup mewah bagi membezakan mereka dengan rakyat jelata.

Malangnya kemewahan yang keterlaluan itu menjerat tengkuk Raja-raja sendiri apabila rakyat mula muak dengan berita-berita yang didedahkan oleh media massa milik kerajaan. Walaupun segelintir rakyat tidak peduli dengan apa yang Raja dapati tetapi disebabkan mereka bimbang lambat laun kelak semakin teruk keadaan negara ini apabila memiliki Raja-raja yang tidak tahu berjimat, maka akhirnya Raja-raja akan ditentang oleh rakyat jelata yang rata-rata masih sudah hidupnya.

Memiliki pelbagai jenis kereta super mewah, pakaian yang mahal-mahal dan istana yang terlalu banyak menunjukkan Raja-raja tidak tahu erti kesusahan. Pahit jerit rakyat yang bermandikan peluh mencari sesuap nasi ditekan pula dengan pelbagai cukai di negara ini menyebabkan rakyat harus memikirkan semula sokongan dan ketaat setiaan mereka kepada Raja-raja mereka.

Soal siapa yang memberi kekayaan kepada Raja-

raja itu akan kita bincangkan di dalam bab yang lain secara khusus supaya ianya tidak menyimpang jauh dari tajuk **Raja-raja Lambang Pembaziran**.

Kegilaan anak-anak Raja menambah isteri dan ada skandal dengan pelakon-pelakon filem serta penyanyi bukan cerita baru lagi. Boleh dikatakan seluruh peringkat rakyat sudah menyedari perkara ini yang pada mulanya seronok untuk didengari dan dibaca di majalah-majalah, tetapi di dalam waktu yang sama sudah ada yang memikirkan bahawa Raja-raja memang tidak boleh melihat gadis-gadis cantik yang glamour.

Satu cerita yang saya tidak pasti kebenarannya, seorang Tengku Mahkota dikatakan pernah berkecil hati dengan Sultan (bapanya) kerana melarang hubungannya dengan seorang pelakon terkemuka hingga bersumpah sanggup kehilangan takhta demi untuk memiliki gadis (pelakon) itu. Namun demikian, apabila pelakon itu akhirnya berkahwin dengan seorang pelakon lain, Tengku Mahkota itu berkahwin juga dengan seorang pelakon lain sedangkan isteri pertamanya adalah anak Sultan juga yang tidak kurang cantiknya dan baik budi pekertinya.

Bila ada sahaja personaliti-personaliti wanita yang menarik dan anggun muncul di kaca TV, maka akan terdengarlah gossip yang mengatakan personaliti itu ada affair dengan anak Raja. Kemudiannya diikuti dengan cerita personaliti itu bukan sahaja hidup mewah sekarang tetapi sentiasa berkereta mewah dengan kawalan yang menggambarkan bahawa mereka adalah VIP yang digambarkan seperti sudah menjadi orang istana.

Dulu, perkara ini tidak berlaku. Allahyarham P. Ramlee dengan serius menyindir pihak istana di dalam filemnya Antara Dua Darjat yang suatu ketika dahulu diharamkan tayanganya di TV Malaysia. Namun demikian, teguran dan sindiran Seniman Agung itu seperti tidak diperdulikan oleh Raja-raja yang menyebabkan mereka terus menerus diperkatakan oleh orangramai yang hairan mengapa Raja-raja hanya memikirkan soal isteri yang cantik-cantik sahaja sedangkan masa depan mereka tidak diperdulikan langsung.

Akhirnya, disebabkan terlalu seronok mengamalkan poligami yang juga memerlukan kemewahan berlimpah ruah, akhirnya Raja-raja terperangkap dengan isu pindaan perlembagaan ini. Mereka sudah menjadi serba salah untuk terus berhadapan dengan kerajaan kerana mereka tahu sengat dan bisa mereka terletak pada kerajaan.

Walaupun Parti Semangat 46 beria-ia sangat dengan penentangannya tetapi jika Raja-raja tidak membantu parti ini dari segi kewangan dan moralnya, perjuangan itu juga tidak ke mana. Penyokong-penyokong Semangat 46 masih ramai yang susah dan miskin walaupun rata-rata pemimpin mereka senang lenang hidup hasil dari pencen menteri, pencen timbalan menteri, exco dan wakil rakyat.

Tengku Razaleigh Hamzah sendiri mempunyai sebuah rumah besar yang terletak di Langgak Golf Kuala Lumpur yang dibinanya sendiri. Walaupun beliau datangnya dari keturunan Raja-raja dan mempunyai kekayaan yang melimpah ruah, tetapi kemewahan yang

negara ini, khususnya membincangkan isu ini sesama sendiri.

Belum pernah selama ini Sultan-sultan bersatu khususnya Sultan Johor yang boleh dikatakan tidak pernah menghadiri Mesyuarat Majlis Raja-raja kecuali beliau menjadi Yang Di Pertuan Agung kembali bersatu dan kesemua Raja-raja Melayu kecuali Sultan Selangor yang diwakili oleh Raja Muda berhimpun dan mengadakan mesyuarat.

Kecuali Raja-raja membiayai mana-mana parti pembangkang di negara ini, ramalan yang saya dengar Raja-raja akhirnya akan tewas di dalam menghadapi kerajaan kerana tiada kesungguhan dari Raja-raja yang selama ini belum pernah teruji di dalam menghadapi isu-isu besar seumpama ini.

Kecuali Raja Perlis dan Sultan Selangor, rata-rata Raja-raja Melayu hari ini adalah anak kelahiran di zaman Malaysia moden yang tidak menggambarkan zaman kesusahan kecualilah beberapa Sultan yang sudah menjadi Raja Muda ataupun Tengku Mahkota sejak Malaya Merdeka.

Bab 4

Antara Kebal & Bebal



DATO' Haji Abdul Rahim Abu Bakar...jika keberanian beliau menentang kemahuan Sultan dicontohi oleh lain-lain Menteri Besar, nescaya cerita Sultan dapat itu dan ini tidak berlarutan seperti yang berlaku hari ini.

PARA pemimpin UMNO yang ada hari ini, selepas Allahyarham Tun Hussein melepaskan jawatan Perdana Menteri dan Presiden UMNO haruslah menerima tanggungjawab bahawa mereka terlibat secara langsung di dalam memuakan Raja-raja Melayu dan kaum kerabatnya untuk mendapat pelbagai peluang untuk menjadi kaya raya.

Timbalan Presiden Semangat 46, Dato' Rais Yatim pernah menjadi Menteri Besar Negeri Sembilan, dan beliau bolehlah dengan ikhlas menceritakan bagaimana beliau mengagih-agihkan kekayaan negeri itu kepada pihak istana dengan rakyat. Janganlah disebabkan beliau sekarang sudah berada di pihak pembangkang, maka segala-galanya seolah-olah kerajaan yang ada hari ini sahaja yang salah.

Bukan sedikit keburukan Rais diperkatakan semenjak menjadi Menteri Besar dan kemudiannya di bawah ke pusat untuk menjadi menteri persekutuan yang tidak merenggangkan hubungannya dengan Yang Dipetuan Besar Negeri Sembilan. Tidak keterlaluan dikatakan beliaulah yang bertanggungjawab melaporkan perkara-perkara yang dibincangkan dalam kabinet ke istana Negeri Sembilan.

Dato' Najib Tun Abdul Razak juga bolehlah menceritakan sendiri bagaimana pula pengalamannya dengan Sultan Pahang sewaktu beliau menjadi Menteri Besar Negeri Pahang. Sebelum beliau, Rahim Bakar seolah-olah tidak boleh tidur malam dikerjakan oleh pihak istana hinggalah menyebabkan beliau berundur dan digantikan oleh Dato' Abdul Rashid Abdul Rahman

sementara waktu menunggu pilihanraya umum untuk menarik Najib kepangkuan negeri.

Perkara-perkara yang dihebohkan menjadi senyap. Ada cerita mengatakan Najib meletakkan Sultan seperti 'tikus jatuh ke beras' hingga menyebabkan Sultan sayangkan beliau lebih-lebih lagi beliau adalah Orang Kaya Indera Shahbandar (OKIS) Pahang.

Begitu juga dengan Datuk Abdul Ajib Ahmad, bekas Menteri Besar Johor pastinya boleh menceritakan bagaimana beliau melayani kemahuan pihak istana apabila beliau menggantikan Tan Sri Othman Mohd Saat. Sultan yang sering bertindak seperti singa lapar ketika berhadapan dengan Othman menjadi aman di bawah pentadbiran Ajib. Ubat apa yang Ajib suntikan kepada Sultan kenalah diberitahu kepada orangramai sekarang supaya beliau jangan nanti dicatatkan di dalam sejarah sebagai salah seorang Menteri Besar yang menyebabkan Sultan 'bersultan di mata beraja di hati'.

Walaupun Sultan Johor tidak berminat dengan Ajib disebabkan kem Dato' Musa Hitam tidak bersama-sama dengan Dr. Mahathir tetapi boleh dikatakan Ajib tidak diganggu dari segi pentadbirannya oleh pihak istana kerana mereka menikmati 'pil tidur untuk melegakan sakit kepala yang seharusnya diubati dengan panadol sahaja'.

Berapa banyak *pil tidur yang Ajib bagi* kenalah ceritakan baik-baik dan berapa pula Ajib ambil untuk dirinya tidak perlu diberitahu kerana rakyat belum bersedia untuk mengambil tahu.

Dari tiga peristiwa di atas, bolehlah dikatakan

pemimpin UMNO yang ada hari ini tergolong dalam golongan bebal yang mengulangi kesilapan orang-orang dahulu yang akhirnya menyusahkan diri mereka sendiri. Ingatkah pesan orang-orang tua yang mengatakan 'anak harimau jika sudah biasa diberi makan daging jangan dihulur dengan sayur kerana tanpa daging, daging tangan tuannya akan digigitnya'.

Begitu juga dengan kaum kerabat Sultan yang sedang bertakhta. Mereka bukan sahaja seronok mendapat pelbagai tender tanpa perlu bersaing dengan peniaga lain malahan mereka tahu bahawa tidak ada sebab mengapa pihak eksekutif boleh menolak kehendaknya.

Lama kelamaan, ini menjadi barah yang tidak boleh diubati lagi. Permintaan-permintaan yang semakin hari semakin besar nilainya dikejar oleh pihak istana. Rakyat mengetahui tetapi mereka tidak mahu menghebohkannya kerana rasa taat setia dan mahu menjaga air muka Raja-raja.

Malangnya, Sultan Johor yang menyangka kekebalan yang beliau ada itu tidak akan tergugat mencederakan Gomez yang membidas penarikan diri pasukan hoki Johor dari pertandingan hoki kebangsaan menyebabkan segala-galanya berubah. Dr. Mahathir dengan berani mengatakan perkara ini tidak boleh dibiarkan malahan dengan secepat kilat pelbagai tindakan dibuat termasuklah perbahasan di parlimen, Mesyuarat Khas Majlis Tertinggi UMNO dan Persidangan Khas Dewan Tertinggi Barisan Nasional diadakan sebelum satu persidangan khas Parlimen untuk

meminda perlembagaan diadakan pada 18, 19 dan 20 Januari 1993.

Jika tiada kebebalan di mana-mana pemimpin UMNO hari ini perkara ini mungkin tidak berlaku. Soal Raja-raja memukul orang dan sibuk mengaut kekayaan bukan perkara baru tetapi mengapa setelah 11 tahun Dr. Mahathir berkuasa baru hendak berbuat sesuatu untuk menyatakan kekesalannya terhadap Raja-raja.

Timbullah tuduhan dipihak pembangkang mengatakan UMNO dan kerajaan sebenarnya memang memasang niat untuk meminda perlembagaan yang dibuat ke arah menghapuskan sistem Raja Berpelembagaan yang diamalkan di negara ini.

Serentak dengan itu juga Raja-raja telah didedahkan sebagai individu yang seronok mengaut kekayaan tanpa mengambil kira imej dan maruah mereka. Walaupun pihak pembangkang juga membandingkan kekayaan pihak-pihak eksekutif yang memerintah negara tetapi kekayaan Raja-raja yang tidak boleh dihu-kum melampaui had.

Pihak eksekutif akan dihadapkan ke mahkamah rakyat di dalam pilihanraya yang lazimnya diadakan lima tahun sekali tetapi berbeza dengan Raja-raja yang tidak mungkin diturunkan dari takhta walaupun mempunyai rekod merogol, membunuh, dan sebagainya kerana perlembagaan negara yang tidak menghalangnya daripada terus meningkat ke takhta tersebut apabila sampai waktunya.

Bukan Raja-raja tidak berpelajaran malahan ada

yang arif di dalam undang-undang pun sesuka hati merubah undang-undang tubuh kerajaan negeri tanpa mengambil kira sesuatu tindakan gopoh itu akan menjerat leher mereka sendiri. Jika rakyat sudah tidak menghormati raja lagi, untuk apa mereka menjadi Raja. Ingatlah pesanan Sultan Mahmud Melaka kepada puterannya Sultan Hussin bahawa Raja itu adalah pohon manakala rakyat itu adalah akar. Tanpa akar, akan musnahlah pohon itu.

Oleh itu, dipihak Raja-raja juga tidak kurang bebalnya disamping berusaha mengekalkan kebalnya yang pastinya kekebalannya itu yang menyebabkan kebalnya hilang. Jika mereka tidak bebal, mustahil perkara-perkara buruk begini akan berlaku.

Krisis yang melanda hari ini telah memisahkan Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, Dato' Abdul Rahim Ramli dari kehormatan rakyat kerana taksubnya dengan pihak istana. Rahim yang pernah didakwa memungkir janji untuk berkahwin dengan seorang janda Hajah Ramlah Sulaiman dari Larkin, Johor Bahru nampaknya berkeras untuk menyokong Sultan di dalam isu yang melibatkan kerajaan Negeri Johor.

Beliau nyata tidak Setia dan Usaha di dalam mendamaikan perkelahian ini tetapi mengambil satu keputusan untuk menyebelahi satu pihak yang bertelingkah. Walaupun semua rakyat sudah mengetahui bahawa beliau sudah cukup kaya raya dengan kedudukannya sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri yang diambilnya secara menikam dari belakang bekas Setiausaha Kerajaan Negeri yang lalu, Dato' Sulaiman

Mohd Nor tetapi beliau tidak seharusnya tersalah memilih kem.

Cadangan Ketua UMNO Bahagian Senai, Haji Adam Abdul Hamid supaya ISA digunakan untuk menyelesaikan isu Rahim ini perlulah mendapat sokongan dari semua pihak kerana tindakan Rahim sebenarnya menyebabkan rakyat dan kakitangan kerajaan serba salah dengan tindakan tersebut.

Takkanlah beliau yang pernah menjadi boss kepada Muhyiddin Yasin ketika sama-sama di dalam Johor Civil Service (JCS) masih menganggap dirinya lebih senior dari Muhyiddin walaupun Muhyiddin sekarang sudah menjadi Menteri Besar.

Dan adalah tidak logik jika alasan penarikan semula kereta rasmi Mercedes 300 SE yang diputuskan oleh mesyuarat Exco menyebabkan beliau sanggup berkerat rotan berpatah arang dengan Menteri Besar Johor yang banyak diperdayanya selama ini secara belakang-belakang. Rahim adalah satu-satunya Anggota Exco (Ex-officio) yang sering *over rule* keputusan Muhyiddin tanpa pengetahuan Menteri Besar Johor itu.

Bab 5

Sanggupkah Raja-raja Berkorban



DATO' Abdul Rahim Ramli, Setiausaha Kerajaan Negeri Johor yang menimbulkan kontroversi dengan pelbagai isu termasuk penggunaan Mercedes 300 SE sebagai kereta rasmi. Mengapa tidak letak jawatan di dalam kerajaan dan bertanding di dalam pilihanraya? Kalau perlu, lawan Muhyiddin di Bukit Serampang ataupun Muntaha Kailan di Parit Jawa sebab Seri Menanti kampungnya terletak di dalam DUN Parit Jawa (Sungai Balang).

PEPATAH Jawa mengatakan *tiada perjuangan tanpa pengorbanan*. Oleh itu, jika benar-benar Raja-raja Melayu mahu bersatu hati tidak akan berganjak dengan keputusan untuk menolak pindaan perlembagaan bagi menghapuskan imunity mereka, sanggupkah mereka berjuang habis-habisan.

Jika sanggup tidak mengapa kerana akhirnya rakyat akan akui jua bahawa Raja-raja mereka memang serius dan bermaruah di dalam menghadapi isu-isu yang menyentuh mengenai diri mereka tetapi sebaliknya jika mereka hanya sanggup berjuang separuh jalan, bukan sahaja nanti mereka diejek malahan pelbagai tuduhan dan fitnah akan terus dilemparkan ke muka mereka.

Mengikut sejarah Melayu, Raja-raja biasanya menjadi alat Inggeris dan penjajah asing. Mereka tiada perjuangan disebabkan sentiasa hidup di dalam kesenangan. Walaupun mereka adalah ketua agama Islam di negeri masing-masing tetapi cara hidup mereka tidak mengikuti Rasulullah S.A.W. dan khalifah yang empat.

Itulah sebabnya, jika mereka dari awal sudah belajar hidup susah, tidak mustahil mereka sanggup untuk berjuang berhadapan dengan isu ini sehinggalah ke hujung jalan. Walaupun perjuangan di sini tidak sehingga ke titisan darah yang terakhir barangkali, Raja-raja Melayu mestilah berjaya menerangkan kepada rakyat mengapa mereka mempertahankan perlembagaan yang sedia ada dan tidak sanggup untuk ditekan dari masa ke semasa.

Jika diambil contoh Tengku Razaleigh Hamzah yang memimpin Semangat 46, terbuktilah kerabat Di Raja juga mempunyai semangat yang kental di dalam perjuangan. Cuma yang menjadi persoalan sekarang ialah dimana janji Tengku Razaleigh yang mahu menyerahkan kepada rakyat mandat untuk diadili.

Apabila Semangat 46 gagal di dalam pilihanraya umum 1990 untuk menubuhkan kerajaan di peringkat persekutuan, mengapakah Tengku Razaleigh tidak kembali bersatu di dalam UMNO dan cuba memperbaikinya dari dalam? Ini janji Ku Li sebelum pilihanraya di mana beliau yakin rakyat yang seharusnya menghakimkan sama ada UMNO (baru) yang mereka kehendaki ataupun Semangat 46 yang menjiwai UMNO (lama).

Ada dakwaan mengatakan Ku Li jikapun membubarkan Semangat 46 tidak akan diterima menyertai UMNO kerana dendam peribadi pemimpin UMNO hari ini terhadapnya masih belum terhakis. Walaupun sukar untuk mengesahkan sama ada benar ataupun tidak dakwaan ini, salah satu bukti yang dapat dilihat ialah permohonan Dato' Harun Idris masih tergantung sehingga kini.

Jika benarliah dakwaan ini adalah satu langkah yang tidak wajar dibuat oleh kepimpinan UMNO hari ini kerana di merata tempat pemimpin-pemimpin UMNO menyeru semua bekas ahli-ahli UMNO supaya kembali ke pangkal jalan dan lupakanlah segala persengketaan yang pernah terjadi.

Pergorbanan Tengku Razaleigh di dalam

memperjuangkan Semangat 46 tidak ada tolok bandingnya. Malahan, ada ramalan mengatakan tanpa Ku Li Semangat 46 akan terkubur dengan sendirinya kerana tiada siapa pemimpin yang ada hari ini sanggup mencurahkan masa, wang dan tenaga seperti yang dibuat oleh Ku Li terhadap parti itu.

Timbalan Presidennya sendiri, Dato' Rais Yatim keluar negeri kerana menyambung pelajaran dan bercuti dari aktif di dalam politik. Berita ini sepatutnya disambut dengan gembira oleh orang-orang Melayu kerana teladan yang ditunjukkan oleh seorang pemimpin seperti Rais perlulah disanjung tinggi kerana tidak mengabaikan peluang belajar walaupun usia sudah agak lanjut.

Namun, ada dakwaan mengatakan tujuan Rais keluar negeri menyambung pelajaran bukan tujuan pokok tetapi demi mengelakkan diri daripada terlibat secara sepenuh masa dengan politik kepartian yang tentunya memerlukan wang, masa dan tenaga yang bukan kecil jumlahnya.

Lebih-lebih lagi beliau tewas di dalam pilihanraya umum yang lalu di tangan Lt. Kol. (B) Ibrahim Sareh, calon yang tidak terkemuka di kawasan Parlimen Je-lebu, kubu kuatnya. Ada pendapat mengatakan jika beliau menang pilihanraya mungkin beliau tidak keluar negeri menyambung pelajaran.

Dari contoh di atas, Raja-raja bolehlah memikirkan jalan mana mereka senang untuk diikuti sama ada berjuang terus ataupun keluar negeri sahaja dan berehat bersama keluarga sendiri tanpa memper-

dulikan apa yang hendak berlaku di negara sendiri. Raja-raja selama ini bukannya ada kerja pun kecuali sesekali merasmikan Pembukaan Persidangan Dewan Parlimen ataupun Dewan Negeri. Selain dari itu menerima mengadap bakal-bakal Duta negara ini dan duta asing sekali sekala.

Berbeza dengan kerja politik. Mereka seharusnya turf untuk menghadapi masalah ini sanggup berkubang bersama rakyat dan bersyarah dari satu pentas ke satu pentas menerangkan kepada rakyat mengapakah mereka menentang pindaan ini.

Itulah sebabnya, jika orang politik memiliki kereta mewah ada alasan untuk kegunaan lasak yang bertujuan masuk ke kampung-kampung pendalaman bagi menemui rakyat yang memilih mereka. Berbanding dengan Raja-raja, kereta-kereta mereka tidak lebih daripada barang perhiasan yang amat menyayat hati rakyat miskin kerana terlalu berlebih-lebihan.

Paling utama Raja-raja harus lakukan ialah sanggup kehilangan kemewahan dan keistimewaan. Jika ini boleh, bermakna halangan pertama sudah berjaya. Jika tidak, usahlah diteruskan hasrat untuk berjuang kerana ianya tidak akan berjaya sebagaimana yang diangan-angankan.

Berbeza dengan orang-orang politik, walaupun ada antara mereka adalah anak kepada bekas Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri-menteri dan Menteri-menteri besar, kebanyakan dari mereka adalah orang-orang kampung yang boleh dibawa berkubang dengan selut dan berjemur bersama rakyat.

Inilah payahnya jika baru sekarang Raja-raja ingin belajar turun bendang dan bertemu dengan rakyat kerana untuk belajar itu sahaja akan memakan masa bertahun-tahun yang memungkinkan perkara ini selesai dengan begitu sahaja dan di pihak Raja-raja akan menemui kekalahan yang amat memalukan.

Rata-rata Raja-raja hari ini kaya raya. Sanggupkah mereka mengorbankan kekayaan itu untuk kepentingan rakyat. Berapa banyak mereka boleh hulurkan untuk membantu rakyat. Di sini rakyat akan menilai semula sama ada Raja-raja lebih baik dari orang politikkah ataupun orang-orang politik lebih baik dari raja-raja.

Segelintir rakyat sebenarnya tidak sukakan orang-orang politik. Biasanya mereka kesal dengan sikap orang politik yang hanya pandai berjanji sedangkan hasilnya kosong. Timbalan Perdana Menteri pernah digelar Ghafar billion kerana janjinya dan tidak hairanlah terdapat bekas penyokong UMNO beralih menyokong parti pembangkang disebabkan janji tidak benar orang-orang politik.

Oleh itu, selama inipun Raja-raja tidak pernah mencuba, apalah salahnya di dalam pilihanraya akan datang Sultan dan mana-mana Setiausaha Kerajaan Negeri yang berminat untuk berkonfrontasi dengan pihak pemerintah, adalah lebih baik bagi mereka turun ke arena politik secara gentleman.

Bab 6

Rombakan Kabinet



Haji Ibrahim Ali...salah seorang yang diramalkan akan dilantik menjadi Timbalan Menteri ataupun Pengerusi MARA jika berlaku rombakan kabinet sebaik sahaja selesai isu pindaan perlembagaan ini.

DR. MAHATHIR terpaksa mengkaji semula sokongan yang beliau dapati daripada barisan kabinetnya di dalam isu pindaan perlembagaan ini kerana terdapat beberapa menteri dan timbalan menteri yang *play safe* di dalam menghadapi Raja-raja.

Sebab itu, sebagai Perdana Menteri beliau pernah menyindir menteri-menterinya yang duduk di dalam Majlis Tertinggi (MT) bahawa beliau hairan bagaimana Raja-raja boleh mengetahui isi perbincangan kabinet seolah-olah ada *spy* Raja-raja di dalam.

Walaupun beliau tidak menamakan siapa menteri tersebut tetapi kalangan pemimpin-pemimpin UMNO bahagian-bahagian mengetahui siapa yang Perdana Menteri maksudkan. Ini menyebabkan semakin resah-lah seorang dua menteri, timbalan menteri dan setia-usaha parlimen yang terasa dirinya menjadi sasaran.

Ternyata di dalam isu ini, pemimpin UMNO yang paling menonjol dari segi kelantangannya selain dari Dr. Mahathir dan Encik Abdul Ghafar Baba ialah Dato' Seri Anwar Ibrahim. Antara pemimpin yang terus tenggelam ialah Dato' Seri Sanusi Junid dan Dato' Mohamed Rahmat manakala di peringkat negeri, Tan Sri Khalil Yaakob yang paling banyak dilanda 'sindrom bisu'.

Seorang bekas penolong pengarang Watan memberitahu saya bahawa hubungan Khalil dengan Sultan Pahang amat intim hinggalah Timbalan Menteri Besar yang dilantik menjadi Pengerusi Jawatankuasa Perhutanan Negeripun hampir tidak berkuasa di dalam soal pemberian kawasan balak.

Sanusi pula diberitakan berada di dalam keuzuran dan berada di luar negeri menjalani rawatan perubatan. Namun demikian, dalam satu wawancara ringkas dengan Watan baru-baru ini (Januari 1993) beliau memberitahu bahawa beliau tidak mempunyai media dan sebab itulah kenyataan-kenyataannya mengenai Rajaraja seperti langsung tidak ada dibuat.

Sambil menyindir kumpulan NST, Sanusi berkata hanya berita-berita fitnah seperti laporan kononnya beliau bersama-sama lain-lain pemimpin politik berada di Singapura untuk berbincang dengan bekas Timbalan Presiden UMNO Dato' Musa Hitam disiarkan dan enggan meminta maaf walaupun diberi ingatan berkali-kali.

Jika berlaku rombakan kabinet siapa yang akan gugur dan siapa pula yang bakal naik pangkat? Sekurang-kurangnya tiga menteri akan hilang jawatan dan tiga timbalan menteri akan dilantik menjadi menteri penuh. Antara yang disebut-sebut bakal dilantik ke jawatan menteri penuh termasuklah Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dao' Megat Junid Megat Ayub, Timbalan Menteri Kewangan, Haji Abdul Ghani Othman dan Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato' Dr. Siti Zaharah Sulaiman.

Antara kementerian yang bakal mereka isi ialah Kementerian Penerangan, Kementerian Pembangunan Negara dan Perpaduan Masyarakat dan Kementerian Perusahaan Awam. Bagaimanapun Kementerian Pendidikan akan bertukar menteri apabila seorang menteri dari UMNO diramalkan mengisi tempat itu.

Muka baru yang disebut-sebut bakal dilantik menjadi Timbalan Menteri ialah Senator Nazri Tan Sri Aziz dan Ahli Parlimen Pasir Mas, Haji Ibrahim Ali dan Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Perlancungan, Dato' Abdul Raman Sulaiman. Sementara itu, Dato' Dr. Jamaluddin Jarjis mungkin turut dilantik menjadi Setiausaha Parlimen sekiranya tidak ke jawatan Timbalan Menteri.

Namun demikian nama-nama seperti Senator Ahmad Zahid Hamidi, Dato' Dr. Afifuddin Haji Omar, Haji Badarudin Amiruddin dan Encik Ruhanie Haji Ahmad tidak boleh diketepikan begitu sahaja di dalam usaha Perdana Menteri menyediakan barisan pelapis.

Rombakan kabinet ini dirasakan perlu sekiranya pilihanraya tidak diadakan segera seperti yang diura-urakan. Beberapa ramalan mengatakan bahawa kemungkinan pilihanraya akan diadakan tahun 1993 tidak boleh diperkecilkan kerana kemungkinan tetap ada untuk Perdana Menteri menyerahkan kembali mandat pemerintahan negara ini kepada rakyat untuk mereka adili setelah isu pindaan perlembagaan terlaksana.

Atas nama kepentingan rakyat, Barisan Nasional sebenarnya perlu membuktikan kepada semua Raja-raja dan parti-parti pembangkang bahawa rakyat menerima ataupun tidak usaha kerajaan ke arah meminda perlembagaan yang mengeneipikan kekebalan Raja-raja Melayu yang hangat diperkatakan sekarang.

Jika pilihanraya umum diadakan awal, maka rombakan kabinet akan dibuat selepas pilihanraya umum dan tidak mustahil beberapa menteri besar

dan ketua menteri akan dibawa ke pusat manakala ada timbalan-timbalan menteri yang dibawa bertanding di peringkat negeri untuk menjadi menteri besar ataupun ketua menteri.

Tidak mustahil sekurang-kurang dua menteri besar akan digugurkan di dalam pilihanraya umum akan datang memandangkan faktor usia dan masalah kepimpinan negeri dengan istana yang tidak memberi keuntungan kepada rakyat.

Isu Raja-raja Melayu dengan kerajaan ini tidak akan di dalam masa yang singkat sebaliknya akan menjadi berpanjangan dan berlarutan untuk tempoh setahun dua. Namun demikian, di dalam perbalahan ini, tiada pihak yang untung sebaliknya kedua-dua pihak hanya akan menepati kata pepatah Melayu 'menang jadi arang, kalah jadi abu'.

Tanpa mengambil kira bagaimana kehebatan UMNO Kelantan, adalah mustahil untuk parti ini mendapat walaupun satu kerusi di negeri itu di dalam pilihanraya kali ini kecualilah Ku Li tidak bersama-sama Semangat 46 dan enggan bekerjasama dengan Pas, Hamim dan Berjasa.

Khabar terbaru yang didengari Naib Presiden Semangat 46, Dato' Zainal Abidin Zin, Jen. (B) Dato' Jaafar Onn dan Ustaz Haji Ibrahim Azmi Hassan akan dibawa bertanding di Kelantan bagi memberi peluang mereka berada di Dewan Rakyat. Zainal akan bertanding di Pasir Mas, Jaafar di Machang dan Ibrahim Azmi di Pasir Putih.

Perkara ini tidak mustahil akan berlaku kerana

Pas sendiri membawa dua orang luar Kelantan untuk bertanding di negeri itu. Dr. Daeng Sanusi Daeng Mariok dari Johor dibawa bertanding di Rantau Panjang manakala Haji Mohamad Sabu dari Pulau Pinang diletakkan bertanding di Nilam Puri.

Peluang Semangat 46 untuk menawan kerusi-kerusi Parlimen di negeri lain selain dari Terengganu dan Kelantan agak sukar walaupun kerusi-kerusi Dewan Undangan Negeri pernah mereka menangi di Selangor, Johor dan Pahang.

Barisan Nasional di bawah pimpinan Dr. Mahathir dan Abdul Ghafar tidak mustahil akan mendapat semula majoriti 2/3 di Dewan Rakyat dan semua Dewan Negeri akan mereka kekalkan kecuali Kelantan. Namun demikian, keputusan tidak mungkin akan menyebelahi BN jika Raja-raja bekerja keras membantu parti-parti pembangkang di dalam menghadapi jentera BN.

Jika Pas, Semangat 46, PRM, DAP, Berjasa, Hamim dan lain-lain parti pembangkang meneruskan kerjasama termasuk PBS di Sabah, tidak mustahil tentangan hebat seperti yang pernah diberikan dalam tahun 1990 akan berulang. Cuma, cara mana mereka menyampaikan isu ini sahaja yang dapat membantu mereka tetapi jika mereka gagal, tahun 1993 adalah tahun terakhir rakyat Malaysia dapat menyaksikan parti-parti pembangkang bekerjasama tetapi selepas itu mereka akan terkubur satu demi satu.

Bab 7

Media Massa Keterlaluan

Yem Boy kerap bertanyakan daddynya



ANAK KECIL MANGSA TRAGEDI

[illegible]

Author's address: Department of Psychology, University of California, San Diego, 3542 La Jolla Village Drive, San Diego, CA 92093, USA.
E-mail: john@uclink4.berkeley.edu

——年越洋情
一代傾城可觀
趙雅芝金婚女趙雅芝
大陸行攝的多才藝
女明星趙雅芝
大馬路電影院廣告

These designs have enabled us to study the effects of the different components of the intervention on the outcomes of interest.



Small portrait of a man, likely a historical figure, in a circular frame.

Yang kedua, "Tapi apakah dia itu benar-benar ya?"

Yang ketiga, "Apakah semua orang yang melakukan hal-hal ini benar-benar ya? Apakah mungkin itu sekedar kesempatan? Apakah mereka melakukannya karena ingin melakukan itu atau karena mereka terpaksa? Apakah mereka melakukannya karena mereka takut? Apakah mereka melakukannya karena mereka ingin?"

It is important to understand that while the American flag is a symbol of the United States, it is not a symbol of the American people. The American people are the ones who have created the flag and who have made it a symbol of their country.

These findings suggest that the "new" and "old" groups of firms may be different in important ways. The "new" group may be more innovative and more aggressive in its growth strategy. The "old" group may be more conservative and more focused on the core business. These findings have important implications for the study of entrepreneurship and the growth of small businesses.



The authors of the study, which was published in the *Journal of the American Medical Association*, found that the use of a computer program to analyze the data from the study was more accurate than the use of a manual analysis. The authors also found that the use of a computer program to analyze the data from the study was more efficient than the use of a manual analysis.

RAMLAH TUNTUT JANJI DATUK

BERKAS HAFIDZ, 214 HADIDAH berumur 41 tahun, 5100002, 001 adalah orang tua dari Raka Rafiq Haidi untuk masa dengan Teri Da dan dia tinggal di rumah orang tua di kampungnya.

[illegible]

City Council mendengar dalam kesempatan ini bahwa kehadiran di rumah para korban akan lebih sulit dan berbahaya saat akan ada upacara peringatan karena akan ada banyak orang. Di rumah akan lebih aman karena akan ada orang-orang yang tinggal di rumah itu. Pada tahun 1984 di Bangkok, Thailand, Jepang adalah satu-satunya negara yang mengirim 10 juta dolar, yang akan membantu City Council membangun kembali rumah-rumah yang rusak. Pada tahun 1985 di Bangkok, Thailand, Jepang adalah satu-satunya negara yang mengirim 10 juta dolar, yang akan membantu City Council membangun kembali rumah-rumah yang rusak.

John F. Kennedy
John F. Kennedy (1917–1963) was the 35th President of the United States, serving from 1961 to 1963. He was the youngest person to hold the office and the first Catholic President. His administration is known for the Cuban Missile Crisis, the Space Race, and the Civil Rights Movement.

Hydrocorymbus aristatus var. *peruvianus* was a self-propagating endogamously inbred line, 400 plants being raised from 100 seeds collected from a population in the Peruvian Yungas (20 September 1987).

Hagman 43, of 10000 13th Ave. S.W., Seattle, was arrested on a charge of kidnapping on April 1988 in Seattle. He is charged with kidnapping and harboring a fugitive. He is charged with kidnapping and harboring a fugitive. He is charged with kidnapping and harboring a fugitive.



Free

KERATAN Bacaria mengenai laporan seorang wanita mendakwa dimungkirkan janji untuk berkahwin dengannya oleh Setiausaha Kerajaan negeri Johor, Rahim Ramli.

SEWAKTU seorang wanita Melayu bernama Ramlah Sulaiman, 37 tahun mengeluarkan kenyataan mengenai 'dakwaannya terhadap seorang lelaki yang berjanji mahu mengambilnya sebagai isteri telah tidak menepati janjinya, hanya sebuah akhbar berbahasa Cina sahaja yang menyiarkan kenyataan itu.

Tiada akhbar berbahasa Malaysia dan Inggeris yang sanggup menyiarkan berita itu hinggalah saya diundang khas oleh wanita itu untuk mengadakan pertemuan dengannya di rumah yang dihadiahkan oleh Rahim kepadanya di Taman Melodies, Johor Bahru.

Sebaik sahaja selesai kerja saya menemu ramah wanita itu, bahan-bahan berita dan gambar-gambar yang saya serahkan ke Pejabat Watan (ketika itu saya bertugas sebagai Ketua Pemberita Watan) telah ditolak mentah-mentah oleh Timbalan Ketua Pengarang Watan ketika itu, Encik Amir Hamzah Shamsudin (Malungun).

Saya terlupa apa alasan yang diberikan oleh Malungun kepada saya tetapi disebabkan atas rasa bertanggungjawab terhadap syarikat dan rakan-rakan lain, saya akur sahaja arahan Malungun demi menjaga periuk nasi.

Disebabkan saya yakin berita yang saya buat itu tidak menyalahi etika kewartawanan, maka saya berbincang dengan Pengarang Bacaria, Encik Mazlan Mir untuk mendapatkan pandangannya. Beliau ber-setuju untuk menyiarkan berita itu untuk Bacaria dan sedia menerima sebarang risiko yang akan dikenakan

akibat daripada tersiaranya berita itu. Alhamdulillah, tiada sebarang tindakan dikenakan, dan hari ini saya rakamkan semula berita-berita itu untuk tatapan pembaca kerana saya yakin sudah ramai yang terlupa dan ada juga yang tidak terbacapun kisah itu di akhbar berkenaan sewaktu tersiar dahulu.

Berbeza dengan media massa hari ini, kerana bukan setakat berita skandal Setiausaha Kerajaan Negeri yang mereka sanggup siarkan, malahan kisah skandal pihak istana dan pelbagai pembaziran didedahkan walaupun tanpa sumber yang berani tampil ke hadapan. Peranan akhbar-akhbar ini besar faedahnya kepada pembaca kerana daripada rakyat tidak tahu, kini mereka sudah mengetahuinya dengan jelas kerana setiap hari, bukan secara berselindung-selindung malahan secara terbuka serangan dibuat ke atas pihak istana.

Walaupun ada sebuah dua akhbar tabloid cuba untuk membalas balik kenyataan-kenyataan itu namun tiada kesannya. Saban hari, pelbagai kisah istana dilaporkan. Antaranya Sultan-sultan yang memiliki istana terlalu banyak dan memperbaiki istana tanpa kelulusan juga diberitakan. Tidak cukup dengan kereta mewah kini istana yang terlalu banyak juga merunsingkan fikiran rakyat. Rakyat hairan mengapa terlalu banyak kerajaan memperuntukan wang untuk pihak istana. Tidak adakah sesiapa yang sanggup menasihatkan Raja-raja supaya jangan keterlaluan jika berbelanja khususnya di dalam mendirikan istana.

Jika istana itu dibuat untuk digunakan tidak

mengapa tetapi terdapat istana-istana yang langsung tidak didiami sebaliknya menjadi projek 'gajah putih' yang amat mengharukan. Inilah sikap pemimpin kita yang sengaja *menghulurkan seberapa panjangpun tali kail yang ditarik oleh sang ikan yang sentiasa hidup berseronok-seronok di dalam air.*

Apabila Rahim Ramli mengambil langkah membelakangkan Menteri Besar Johor di dalam tanduknya mesti ada sebabnya. Mungkin selama ini beliau ketahui bahawa Menteri Besar juga mempunyai kesilapan ketika melayan kehendak pihak istana Johor yang menjadikan Rahim berani menghadapi risiko dari perbuatannya itu.

Di kaji dari satu sudut, cara laporan akhbar-akhbar untuk membesar-besarkan berita Sultan membina banyak istana mungkin akan memberi kesan 'back fired' kepada kerajaan. Ini disebabkan rakyat jadi muak dan turut simpati dengan pihak istana yang diserang bertubi-tubi sedangkan pihak istana tidak mendapat tempat untuk mengeluarkan kenyataan.

Seolah-olah kerajaan memukul orang yang tidak melawannya dan apabila mereka rebah, kerajaan masih terus memijaknya tanpa memberi peluang dia bangun dan berlawan secara gentleman.

Jika benar laporan akhbar itu benar-benar atas permintaan kerajaan, ianya tidak mengapa tetapi jika akhbar sahaja yang seronok mendedahkan itu ini tanpa merujuk kepada pihak kerajaan, dibimbanginya kesannya akan berbalik kepada kerajaan. Yang rugi bukan akhbar tetapi kerajaan dan orang-orang Melayu.

Parti Pas secara terang-terang melahirkan rasa ke-salnya kerana pihak kerajaan menjadikan waktu perbahasan pindaan perlembagaan ini medan untuk mencaci Raja-raja. Oleh itu, Pas mengambil sikap berkecuali dan tidak turut mengundi ketika pengundian secara belah bahagian diadakan.

Elaun-elaun tetap dan elaun-elaun keraian yang didapati oleh Raja-raja dan anak-anaknya turut dide-dahkan hingga memaksa rakyat menahan sedih betapa banyak wang rakyat dan negara yang disalurkan ke Raja-raja sedangkan usaha kerajaan untuk mengurangkan kemiskinan tidak dibuat secara menyeluruh.

Betapa sukarnya rakyat mahu memohon untuk memperbaiki jalanraya, sekolah-sekolah dan bantuan biasiswa untuk melanjutkan pelajaran sedangkan dalam masa yang sama beratus juta ringgit hanyut ke saku Raja-raja Melayu yang hidup dengan penuh kemewahan yang di luar batasan.

Kerajaan turut dipersalahkan apabila akhbar men-dedahkan jumlah elaun dan perbelanjaan yang digunakan oleh pihak istana kerana soal kelulusan kewangan se-benarnya terletak di tangan perbendaharaan yang dijaga oleh seorang menteri kabinet.

Rakyat akan mempersoalkannya nanti bagaimana tiada langsung sekatan dibuat terhadap perbelanjaan itu dan tiba-tiba media cetak mendedahkannya, setelah 'nasi menjadi bubur'.

Berapa ramai penuntut boleh dihantar keluar ne-geri untuk menyambung pelajaran dan berapa ramai fakir miskin boleh didirikan rumah untuk mereka

berteduh dengan pembelajaran yang digunakan oleh Raja-raja itu jika kerajaan tidak bertindak 'terlunjak lurus kelingking berkait' di dalam menangani masalah kewangan dan peruntukan untuk Raja-raja.

Bab 8

Cerita Menarik Mengenai Rahim

CERITA 1

SUK Negeri Johor Datuk Haji Rahim Ramli Didakwa \$520 Ribu Untuk Yem Boy

JOHOR BAHARU: KEHILANGAN kasih sayang dan perhatian secara mendadak daripada seorang 'ayah' telah menyiksa jiwa seorang kanak-kanak malang dikenali sebagai Yem Boy, 4 tahun.

Yem Boy kini kehilangan tempat mengadu dan menagih kasih, sering menrindui saat manis serta bahagia yang dikecapi bersama 'ayahnya' selama ini. Bagaimanapun segala keinginannya itu tidak mungkin tercapai dalam waktu terdekat ini.

Dirinya kini terpaksa melalui hari-hari mendatang dalam keadaan tragis. Disamping itu dia juga menghadapi pelbagai reaksi daripada masyarakat di sisi ibunya, Cik Ramlah Sulaiman, 37 tahun.

Cik Ramlah seorang yang berpendidikan tinggi dalam bidang komputer mendakwa Yem Boy adalah hasil hubungan sulitnya selama sebelas tahun dengan Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, Datuk Haji Abdul Rahim Ramli.

Dalam afidavitnya, Cik Ramlah menuntut pampasan sebanyak \$100,000.00 daripada Datuk Haji Rahim Ramli dan dimasukkan kedalam tabung pendidikan Yem Boy untuk kegunaan di masa hadapan.

Beliau juga menuntut perbelanjaan sara hidup Yem Boy sehingga kanak-kanak itu berusia 18 tahun

sebanyak \$2,500.00 sebulan. Ini bermakna sebanyak \$420,000.00 selama 14 tahun.

Menurut afidavit Cik Ramlah, hubungan sulit mereka bermula sejak tahun 1977 sehingga melahirkan seorang anak lelaki pada 9 Julai 1984 di Hospital Pakar, Johor.

Dalam kenyataan tuntutananya Cik Ramlah menuntut ganti rugi kerana malu, gangguan fikiran, kesengsaraan, kekecewaan, keruntuhan keluarga yang serius dan perubahan mendadak corak hidup dirinya dan anak.

CERITA 2

ANAK KECIL MANGSA TRAGEDI

Yem Boy kerap bertanyakan daddynya

JOHOR BAHRU: DIA tidak tahu apakah sebenarnya yang sedang berlaku kepada ibunya justeru dia masih mentah dalam memahami sebuah pengertian hidup.

Hatinya merintih tertanya-tanya sendirian mengapa situasi yang tidak diinginkan ini terjadi. Walaupun hatinya menjerit, dia tidak sanggup menanggung segala penderitaan ini tetapi siapakah yang harus dipersalahkan ?

Kanak-kanak ini baru berusia 4 tahun dikenali dengan Yem Boy adalah mangsa sebuah tragedi. Dia dikatakan menjadi subjek pertelingkahan antara ibunya Cik Ramlah Sulaiman, 37 tahun dan Setiausaha Kerajaan

Negeri Johor, Datuk Haji Abdul Rahim Ramli.

Cik Ramlah mendakwa, Yem Boy adalah warisan daripada hubungan sulitnya dengan Datuk Haji Abdul Rahim. Bagaimanapun perkara ini belum dapat ditentukan lagi kerana ianya masih dalam perbicaraan dan hanya mahkamah yang dapat menentukan.

Yem demam, Yem rindukan daddy. Dulu daddy selalu telefon Yem di rumah. "Tapi sekarang daddy tidak telefon lagi."

Begitulah rintihan seorang anak yang rindukan belaian kasih sayang daripada insan yang bernama ayah. Apakah seorang ibu sanggup menceritakan keadaan yang sebenar? Jika ada kesanggupan sekalipun, mana mungkin ia dapat dihuraikan dalam situasi yang serba kusut ini.

Dulu, kanak-kanak ini hidup dalam serba kemewahan. Disalut dengan pakaian yang serba mewah, bersekolah tadika di sekolah bertaraf eksklusif, berenang di Kelab Golf di Raja dan pelbagai kemewahan lagi yang dapat dikecapi.

Tapi sekarang, segala-galanya telah musnah. Yang tinggal hanyalah sebuah kerinduan yang maha dalam. Dia tidak tahu mengapa semuanya itu terjadi.

"Mama, kenapa tidak membawa Yem ke kolam renang lagi?" Tersentak hati ibu bila mendengar pertanyaan itu. Dan sesungguhnya pertanyaan itu amat menyentuh perasaan Cik Ramlah. Pelbagai helah yang diberikan tetapi sampai bila dia sanggup membohongi anaknya itu?

Menurut Cik Ramlah, keahlian kelab tersebut dan segala kemewahan yang dikecapi itu diberikan oleh

Datuk Haji Rahim ketika hubungan mereka begitu mesra sebagai sepasang kekasih.

Tapi segala keistimewaan itu sudah ditarik balik tanpa sebarang notis. Dan sebagai seorang anak, Yem Boy sudah tentu tidak mengetahui apakah yang sedang terjadi.

Menyentuh tentang kesahihan betapa Yem Boy adalah anak Datuk Haji Abdul Rahim, Cik Ramlah berkata, "Biarlah perkara ini dibuktikan di mahkamah nanti bila tiba waktunya."

CERITA 3

Ramlah Tuntut Janji Datuk

JOHOR BAHRU: CIK RAMLAH menuntut sebanyak \$100,000.00 daripada Datuk Haji Abdul Rahim Ramli untuk masa depan Yem Boy yang dikatakan anak daripada hubungan cinta mereka.

Bagaimanapun tuntutan itu hanyalah sebahagian daripada tuntutan-tuntutan lain yang dikemukakan kepada Datuk Haji Abdul Rahim Ramli.

Cik Ramlah mahukan duit sebanyak \$100,000.00 itu dimasukkan ke dalam tabung pendidikan anaknya demi menjamin masa depan Yem Boy.

Cik Ramlah mendakwa dalam kenyataannya bahawa hubungan di antara mereka bermula sejak tahun 1977 dan berakhir awal tahun ini. Sepanjang perhubungan selama sebelas tahun itu, Cik Ramlah telah melahirkan seorang anak lelaki pada 9 Julai 1984 di

Hospital Pakar, Johor.

Menurut laporan akhbar Nan Yang Siang Pau bertarikh 10 Julai 1988, tidak lama kemudian Cik Ramlah mengandung lagi tetapi kandungan itu digugurkan pada 8 September 1985 di Hospital Pakar, Johor.

Pada 8 Disember 1987, Datuk Haji Abdul Rahim dikatakan melamar Cik Ramlah dan menetapkan tarikh perkahwinan mereka pada April 1988.

Bagaimanapun sebelum mereka berkahwin secara sah mengikut undang-undang Islam, Cik Ramlah terpaksa bercerai dengan suaminya dan perceraian itu terjadi pada 20 Disember 1987.

Bagaimanapun dikatakan Datuk Haji Abdul Rahim tidak membangkitkan soal perkahwinan yang ditetapkan pada April 1988 itu, justeru itu Cik Ramlah mengambil keputusan membawa perkara ini ke mahkamah dan menuntut ganti rugi.

CERITA 4

Hidup Mewah Sepanjang Hubungan

KUALA LUMPUR: JANDA manis, Cik Ramlah Sulaiman, 37 tahun terpaksa menanggung malu dan tekanan jiwa yang maha hebat ekoran daripada mengambil keputusan bercerai daripada suaminya kerana mahu menikahi Setiausaha Kerajaan Negeri Johor Darul Takzim, Datuk Haji Abdul Rahim Ramli.

Dalam pengakuannya, Cik Ramlah adalah seorang yang berpendidikan tinggi dan mendapat pendidikan

husus dalam bidang komputer dan kini masih lagi bertugas di sebuah jabatan kerajaan Negeri Johor Darul Takzim.

Bagaimanapun atas permintaannya dan sebab-sebab keselamatan Cik Ramlah tidak mahu gambar atau identiti dirinya disiarkan.

Dalam kunjungan ke rumahnya di Taman Melodies dan bercakap kepada pemberita Watan (Terbitan Kumpulan Karangraf), Cik Ramlah juga menunjukkan kad-kad ucapan selamat harijadinya yang bertulis tangan dan bertandatangan Datuk Haji Abdul Rahim sebagai bukti mereka pernah menjalin hubungan cinta.

Cik Ramlah juga menunjukkan deretan botol minyak wangi yang mahal harganya dan mendakwa adalah pemberian Datuk Haji Abdul Rahim. Beliau juga mendakwa turut dihadiahkan oleh Datuk Rahim ialah sebuah piano, organ dan barang-barang perhiasan lain seperti delima dan berlian.

"Hadiah paling istimewa dari beliau untuk saya ialah kereta Mazda Sport model terbaru, " ujar Cik Ramlah.

Menurutnya lagi, hubungan mereka pada satu waktu dahulu amat mesra sekali. Hubungan cinta terlarang yang terjalin selama 11 tahun langsung tidak disangka berakhir sedemikian rupa.

"Datuk memanggil saya dengan nama Nikki dan isterinya digelar 'Old Lady,' tambah Cik Ramlah. Dia juga menunjukkan deretan koleksi minyak wangi yang mahal harganya yang dihadiahkan oleh Datuk Haji Abdul Rahim.

Sekarang Cik Ramlah tidak lagi menerima kunjungan dari Datuk Haji Abdul Rahim, bahkan dia tidak menelefonnya. Kalau dulu, semasa cinta terjalin erat, Cik Ramlah menerima tidak kurang daripada 20 panggilan telefon sehari daripada Datuk Haji Abdul Rahim.

Serentak dengan itu, Cik Ramlah berikrar mahu bertaubat nasuha sebaik sahaja selesai perbicaraannya di Mahkamah Tinggi nanti.

CERITA 5

SAMAN SIVIL \$1.4 JUTA

Datuk Haji Abdul Rahim Nafi Melanggar Janji

JOHOR BAHRU: SETIAUSAHA Kerajaan Negeri Johor, Datuk Haji Abdul Rahim Ramli mengemukakan kenyataan belanya di Mahkamah Tinggi Johor Baharu pada 20 Ogos lalu berhubung dengan kes yang didakwa oleh Cik Ramlah bahawa Datuk Haji Abdul Rahim melanggar janji untuk mengahwininya.

Cik Ramlah telah mengemukakan saman sivil di Mahkamah Tinggi pada bulan lepas dan menuntut gantirugi khas sebanyak \$1.4 juta serta gantirugi lain.

Dalam kenyataannya Datuk Abdul Rahim menafikan kebanyakan dakwaan tuntutan termasuk beliau mempunyai hubungan dengan wanita itu selama 11 tahun dan beliau merupakan ayah kepada anak lelaki yang dilahirkan oleh Cik Ramlah pada 9 Julai 1984.

Seterusnya Datuk Haji Abdul Rahim juga menafikan beliau meminta wanita itu menggugurkan kandungannya yang dikatakan hasil hubungan yang didakwa seperti kedua-duanya hidup sebagai suami isteri yang sah.

Seterusnya beliau juga menafikan menyuruh wanita itu meminta cerai daripada suaminya sebagai syarat bagi beliau akan berkahwin dengan wanita berkenaan dan turut menafikan membuat cadangan pada 8 Disember tahun lalu akan berkahwin dengan wanita itu pada April tahun ini.

Dan Datuk Haji Abdul Rahim juga menafikan beliau gagal, cuai dan atau enggan menunaikan janji kecuali beliau memutuskan hubungan dengannya mulai Januari tahun ini.

Dalam kenyataan tuntutananya, Cik Ramlah menuntut ganti rugi kerana malu, gangguan fikiran, kesengsaraan, kekecewaan, keruntuhan keluarga yang serius dan perubahan mendadak corak hidup.

CERITA 6

TUNTUTAN CIK RAMLAH

BERKAITAN perhubungan dengan Datuk Haji Abdul Rahim yang bermula sejak 11 tahun lalu dan putus pada awal tahun ini, Cik Ramlah telah menuntut ganti rugi dan pampasan daripada Datuk Haji Abdul Rahim.

Tuntutan-tuntutan / ganti rugi itu adalah seperti berikut:

1. Banglo dua tingkat di Johor (yang mempunyai kolam renang) atau segala kos membina banglo tersebut lebih kurang 500,000.00.
2. Mercedes 230E didaftarkan atas namanya berharga \$150,000.00.
3. Membayar segala perbelanjaan / ahli keluarga semasa bercuti di Amerika Syarikat, April 1988. Lebih kurang \$20,000.00.
4. Tabung pendidikan anak lelaki mereka sebanyak \$100,000.00.
5. Pampasan / gantirugi menggugurkan kandungannya, lebih kurang \$100,000.00.
6. Perbelanjaan sara hidup terhadap anak lelaki mereka sehingga dia berusia 18 tahun sebanyak \$2,5000.00 sebulan. Bermakna sebanyak \$420,000.00 selama 14 tahun. (Anak itu sekarang berusia 4 tahun).
7. Menuntut sebanyak \$10,000.00 sebulan untuk perbelanjaan dirinya sendiri selama setahun. (kesemuanya berjumlah \$120,000.00)
8. Kad American Ekpress dengan dan dimasukkan sebanyak \$5,000.00 sebulan selama setahun. Kesemuanya berjumlah \$60,000.00.
9. Menuntut jam tangan perempuan jenis Rolex, berharga \$60,000.00.

Jumlah pampasan kesemuanya sebanyak \$1,476,000.00.

Lain-lain: Gantirugi yang biasa, faedah dan perbelanjaan mahkamah.

Kesemua cerita-cerita ini pernah tersiar di Akhbar Bacaria bertarikh 3 September 1988 – *Pengarang* (Lihat muka surat 48)

Bab 9

Peranan Raja-raja
Melantik Menteri
Besar dan Exco



HASMONI Salim salah seorang Exco kerajaan Negeri Johor yang digugurkan kerana permintaan istana. Waktu itu tiada siapa yang sanggup memperjuangkan nasibnya sebagaimana mereka memperjuangkan nasib Douglas Gomez.

DI SELANGOR suatu ketika sebaik sahaja selesai pilihanraya umum 1986, beberapa pihak berusaha melobi Sultan Selangor supaya memperkenankan satu-satu nama menjadi Menteri Besar sebaik sahaja Menteri Besar terdahulu, Datuk Ahmad Razali Ali tidak bertanding semula di dalam pilihanraya tersebut dan tergugur peluangnya untuk menjadi ketua eksekutif negeri berkenaan.

Jika pemimpin-pemimpin UMNO disemua peringkat benar-benar memegang prinsip perjuangan, mereka sepatutnya menyerahkan kepada budi bicara Perdana Menteri ataupun ketua parti di dalam menentukan siapakah yang menjadi pilihan parti untuk mengetuai parti dan kerajaan di peringkat negeri.

Disebabkan mereka menggunakan istana di dalam menentukan kedudukannya di dalam politik, maka suka ataupun tidak mereka terpaksa berbudhi kepada pihak istana jika benar-benar mereka dikehendaki menjadi Menteri Besar.

Inilah bermulanya Raja-raja meminta itu dan ini kerana mereka sedar masih terdapat orang-orang politik yang bergantung nasib ke atas ihsannya di dalam mencari tempat di dalam politik.

Begitu juga di Pahang, seorang Exco terpaksa dilantik walaupun di dalam politik dia tidak mendapat tempat baik di peringkat bahagian mahupun di peringkat pemuda bahagian. Atas belas ihsan ketua pemuda bahagian, maka wakil rakyat itu dilantik sebagai ketua penerangan pemuda bahagian tetapi di dalam kerajaan negeri, wakil rakyat berkenaan diperkenankan untuk

duduk sebagai Exco atas titah Sultan.

Di Johor, dua Exco kerajaan negeri ditamatkan khidmatnya atas arahan pihak istana dan kedua-duanya terpaksa akur dengan arahan itu tanpa sebarang pembelaan. Encik Hasmoni Salim, Ketua UMNO Bahagian Kota Tinggi dan Encik Kadri Sabran, Naib Ketua UMNO Bahagian Mersing adalah mangsa pihak istana walaupun desas-desus bertiup kencang mengatakan mereka menyokong team B ketika berlaku pertandingan tahun 1987 dahulu.

Pertukaran Haji Ali Hassan dari jawatan Exco Agama Islam ke jawatan Exco Belia dan Sukan juga pernah dibuat atas permintaan Sultan di dalam isu Perasmian Pusat Islam Johor. Tempatnya di fotfolio Agama Islam diambilalih oleh Encik Mohd Yassin Kamari sehingga pilihanraya umum 1990.

Tragedi-tragedi ini dirakamkan untuk membandingkan betapa pihak UMNO dan kepimpinan negeri sebenarnya sudah lama berlembut dengan pihak istana, mungkin kerana tidak mahu bermasalah dengan istana bagi memudahkan mereka menjalankan khidmatnya.

Oleh itu, sesiapa sahaja selepas ini yang menggantikan Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri haruslah beringat bahawa Menteri-menteri Besar hendaklah menghentikan segala bentuk permainan istana ini untuk menjaga nama baik parti. Selagi ada orang-orang politik tidak menghiraukan nasib partinya kerana kepentingan peribadinya, parti akan terus kucar kacir disebabkan tindakan-tindakan tidak dapat dibuat kerana mahu menjaga airmuka Raja-raja dan hubungan baik

dengan istana.

S.Husin Ali, Presiden PRM di dalam bukunya *Isu Raja dan Pindaan Perlembagaan* membawa ingatan rakyat terhadap beberapa negara di dunia yang telah lebih dahulu kehilangan intitusi Raja-raja disebabkan beberapa hal termasuklah revolusi.

Oleh itu, satu perkara yang orang-orang Melayu harus sedar ialah betapa pentingnya menjaga tanah daripada menjaga Raja-raja. Tanah sama ada yang dimiliki secara pusaka dari turun temurun ataupun yang dibeli sendiri hendaklah dijaga daripada terlepas ke tangan orang lain. Ini kerana tanpa tanah tiada siapa yang berkuasa. Belum pernah kita dengar ada Raja yang berkuasa di atas udara ataupun langit.

Raja-raja tidak akan dapat mendirikan istana, rumah banglo ataupun reban ayam di atas udara. Oleh itu, tanah adalah segala-galanya jika kita membincangkan masalah kuasa. Orang-orang Melayu harus sedar bahawa tanpa tanah, Melayu tidak berkuasa lagi. Tidak usahlah kita berbelit-belit fahaman mengenai intitusi Raja-raja ini kerana yang paling hampir dengan kita ialah tanah. Kita dijadikan dari tanah jika kita mengakui bahawa keturunan kita adalah dari Adam a.s.

Sepanjang isu pindaan ini dibuat, rakyat seolah-olah tidak sedar bahawa mereka sebenarnya bergantung benar-benar kepada tanah bukan kepada UMNO ataupun Raja-raja. Hanya di tanah kita sendiri, walaupun dikenakan cukai setiap tahun oleh pemerintah, kita boleh bangunkan rumah ataupun istana untuk kita diami. Hanya di tanah kita sendiri sahaja boleh

kita bercucuk tanam sesuka hati kita kecuali menanam pokok-pokok yang menyalahi undang-undang seperti ganja dan sebagainya.

Di tanah kita jugalah nanti boleh kita galikan peparitan untuk kita mendapat saluran air yang berguna untuk tanam-tanaman kita. Jika kita tidak menjaga tanah yang kita miliki dan sewenang-wenangnya kita menjualkannya kepada orang-orang lain, maka kita sebenarnya sudah menyerahkan kuasa kita, kuasa bangsa kita kepada orang lain untuk dikuasainya.

Peranan istana dengan orang-orang politik sepatutnya ditumpukan kepada menjaga tanah orang-orang Melayu. Hari ini, Pulau Langkawi yang suatu ketika dahulu ketinggalan dari pelbagai segi kini sudah menjadi rebutan. Tanahnya yang sekangkang kerapun telah terjual kepada bangsa asing. Waktu itu nanti, apabila sudah tiada tanah, tiada siapa yang berkuasa di pulau itu kecuali orang-orang yang mempunyai tanah.

Tidak mustahil suatu hari nanti ada orang-orang Melayu yang berumah di air seperti di Brunei Darussalam dan sedikit di Kuantan, Pahang yang kononnya berjaya menarik perhatian pelancung. Akhirnya orang-orang Melayu akan menjadi bahan tarikan pelancung seperti zoo yang menampung ribuan haiwan menarik perhatian ramai pengunjung.

Oleh itu, kesedaran yang tinggi hendaklah wujud di dada orang-orang Melayu walaupun mereka tidak mendapat pendidikan yang tinggi melangit. Walaupun terdapat ilmuwan, cendikiawan dan bijak pandai di negara ini, nyatanya mereka mengamalkan prinsip 'dapat kat

orang lain, Astafirullah tetapi masuk ke perutnya sendiri, Alhamdulillah'.

Itulah sebabnya 'penyataan 10 Januari 1993' yang dibuat oleh karyawan, ilmuan dan budayawan di Sudut Penulis Dewan Bahasa dan Pustaka tidak menggambarkan tindakan orang yang cerdik. Mereka berkumpul disebabkan terdapat 12 Ahli Jawatankuasa Bebas yang diketuai oleh bekas Setiausaha Politik Perdana Menteri, Dato' Mohd Nor Yusof (Mohd Nor Azam) mengundang mereka untuk menurunkan tanda tangan tanda setuju satu penyataan yang sudah disiapkan lebih awal.

Maka berdirilah Nik Sapiah Karim, S. Husin Ali, Dr. Kassim Ahmad, Ahmad Nazri Abdullah, Shuhaimi Yaakob, Tan Sri Awang Had Salleh, Tan Sri Samad Idris dan beberapa orang lagi untuk membetulkan tanda koma (,), membuang penggunaan *kan* dan beberapa perkataan di samping menambah beberapa perkataan yang mahu dipersembahkan kepada Dr. Mahathir.

Sebelum dipersembahkan kepada Perdana Menteri, 'penyataan 10 Januari 1993' itu telah diserahkan terlebih dahulu kepada Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar Ibrahim. Waktu itu, jika orang ramai peka kepada tarikh dan waktu, deraf pindaan perlembagaan sudahpun dipersembahkan kepada Raja-raja dan hanya menunggu masa sahaja untuk diperkenankan.

Mengapa ilmuan, budayawan dan wartawan tidak mendahului zamannya dengan mengadakan pertemuan ataupun perjumpaan sebelum sesuatu isu itu sampai ke penghujungnya? Oleh itu, jikapun baik dan bagus

penyataan 10 Januari 1993 itu ianya tidaklah boleh digunakan di dalam membantu membuat deraf pindaan yang sudah dibayangkan sejak awal Disember lagi.

Kerja-kerja karut bertujuan untuk mencari kepentingan peribadi begini tidak wajar diteruskan kerana gelaran atau lantikan Senator yang bakal diterima oleh salah seorang dari 12 Ahli Jawatankuasa Bebas tersebut tidak akan membantu rakyat khususnya orang-orang Melayu di dalam memahami isi pindaan perlembagaan yang amat menyayat hati.

Tiada akhbar-akhbar menerangkan erti pindaan ini sebenarnya baik dari segi semangat perlembagaannya sendiri ataupun implikasi undang-undang itu sendiri. Rakyat dihanyutkan rasa serba salah terus menerus dan akhirnya nanti rakyat juga yang akan menanggung akibatnya kerana mereka hanya mengikut fahaman yang cetek.

Tidak ada apa yang patut disembunyikan lagi sekarang kerana penerangan sekerat-sekerat hanya akan menyebabkan rakyat serba salah. Semangat 46, PRM dan Pas menerangkan ikut kepentingan parti masing-masing manakala UMNO pula hanya mengadakan pertemuan-pertemuan dengan para pemimpin mereka dan sejauh mana pemimpin-pemimpin mereka menyampaikannya pula di peringkat bahagian dan cawangan tiada siapa yang mengetahuinya.

Media massa pula hanya mendedahkan pembaziran, buruk laku dan kesilapan Raja-raja tetapi tidak langsung menerangkan buruk baiknya pindaan ini dari sudut pandangan orang suratkhbar. Itulah sebabnya

penyokong-penyokong parti pembangkang tidak langsung mempercayai lagi laporan media massa yang kononnya dikawal oleh kerajaan. Sedangkan, media massa milik pembangkang pula jelas hanya menjadi lidah parti dengan mengenepikan semangat ramai sama sekali.

Oleh itu jelas tiada langsung akhbar yang bebas dari sentimen kepartian yang boleh dijadikan rujukan oleh rakyat jelata yang tidak menganut fahaman politik kepartian.

Bab 10

Peranan Ulama



TUAN Guru Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat, Ketua Dewan Ulama Pas dan Menteri Besar Kelantan yang sepatutnya mendahului lain-lain pemimpin membuat satu pendirian tegas mengenai wajar ataupun tidak pindaan yang dibuat oleh kerajaan.

SETAKAT buku ini disiapkan, belum terdapat sebuahpun buku mengenai isu pindaan perlembagaan ini dibuat oleh kalangan ulama di negara ini termasuk Sycikul Al-Arqam, Ustaz Ashaari Muhammad.

Walau bagaimanapun Menteri Besar Kelantan, Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat telah memberikan pandangan (tidak diketahui sama ada pandangan peribadi ataupun pandangan parti) mengenai isu ini.

Begitu juga dengan Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang telah turut berucap dan menyokong pindaan *(disertakan teks penuh ucapan beliau ketika membahaskan usul yang dibawa oleh Timbalan Perdana Menteri, Ghafar dan Perdana Menteri, Dr. Mahathir seperti tarikh-tarikh yang dicatatkan)* mengenepikan kekebalan walaupun pada akhirnya tidak turut mengundi kerana kesal Dewan Rakyat dijadikan medan mencaci Raja-raja (lihat Harakah 21 Januari 1993).

Berita Harian 26 Januari 1993 pula melaporkan Ustaz Nakhaie Haji Ahmad turut memberikan pandangannya mengenai pindaan dan amalan-amalan khurafat yang dilakukan oleh Raja-raja sehingga hari ini.

Kecuali saya tidak terbaca, tiada lain-lain ulama yang tampil untuk mengemukakan pendapatnya dan pandangan Al-Quran dan Hadis di dalam isu ini yang membayangkan ulama-ulama di negara ini takut jika gaji mereka dipotong.

Jika suatu ketika dahulu ulama tidak gentar walaupun leher mereka dipotong malangnya ulama hari ini berbeza dengan ulama dahulu kala yang tidak

jauh mana perbandingan ilmu mereka.

Sepatutnya ulama-ulama tidak perlu gentar dan bimbang dengan nasib mereka malahan bolehlah berterus-terang walaupun terpaksa menegur kerajaan kerana sebagai ulama mereka seharusnya menjadi pewaris nabi yang tidak menyebelahi mana-mana pihak.

Rakyat hari ini sudah muak dengan membaca dan mendengar pelbagai pendapat yang dikeluarkan oleh pelbagai pihak tetapi mereka masih tercari-cari pandangan dan pendapat ulama yang boleh menunjukkan jalan sebenar di dalam membuat keputusan sama ada menyetujui pindaan ini ataupun sebaliknya.

Inilah sukarnya bila orang-orang agama tidak mahu campurtangan di dalam hal-hal begini sebaliknya bekerja kuat mengeluarkan hukum kononnya Al-Arqam pimpinan Ustaz Ashaari Muhammad sesat dan ahli-ahlinya perlu kembali ke pangkal jalan dan bertaubat.

Pelbagai usaha dibuat menekan, menyulitkan dan mengawal pergerakan Darul Arqam sedangkan usaha-usaha kebaikan jamaah ini tidak pula tolong dihebahkan kepada orang ramai. Untuk mencari kesalahan orang lain amatlah senang tetapi di dalam masa yang sama kita sendiri tidak mencari satu jalan yang seharusnya diikuti oleh umat Melayu yang ingin mendekatkan diri ke arah keagamaan.

Ketua Penerangan Pergerakan Pemuda UMNO, Senator Ahmad Zahid Hamidi yang juga Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Negeri Perak ketika turut menyokong rang undang-undang Akta Per-

lembagaan (pindaan) 1993 di Dewan Negara, 20 Januari 1993 lalu berpendapat Majlis Fatwa Kebangsaan dicadangkan supaya bersidang segera bagi memutuskan secara muktamad dan menentukan bahawa pindaan perlembagaan menghapuskan imuniti raja-raja adalah memenuhi tuntutan Islam.

Waktu-waktu begini ulama hilang dan dilanda sindrom bisu. Tiada yang tampil untuk memberikan penjelasan. Mereka takut ataupun mereka tidak berani mengeluarkan kenyataan sedangkan orangramai tercari-cari pertunjuk. Di manakah peranan pewaris nabi di dalam hal ini?

Raja-raja juga memerlukan nasihat dan pandangan dari ulama. Sayangnya majalah-majalah dan akhbar Darul Arqam sudah diharamkan penerbitannya. Jika tidak, pasti Ustaz Ashaari Muhammad sudah mengeluarkan pendapatnya mengenai isu ini berlandaskan Al-Quran dan Al-Hadis tanpa menunggu sesiapa memintanya. Pusat Islam tidak langsung peka di dalam isu ini dan menjadikan rakyat serba salah setelah mendengar, membaca dan melihat kenyataan-kenyataan dari pihak-pihak berkepentingan politik termasuk PAS, Semangat 46, DAP, UMNO dan PRM.

Akhbar-akhbar kecil (tabloid) termasuk Media Islam, Watan, Harakah dan beberapa nama lagi tidak begitu serius memainkan isu ini mungkin kerana takut nyawa (permit penerbitan) mereka dicabut oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Inilah gambarannya. Selama ini akhbar-akhbar tabloid memang tidak kuat seperti akhbar-akhbar

harian. Walaupun akhbar *Star* pernah ditarik perमितnya tetapi akhbar-akhbar lainnya tidak menerima nasib begitu. Misalannya Utusan Malaysia di bawah pimpinan Zainuddin Maidin (Zam) tidak diapa-apakan kecuali dirombak barisan jabatan pengarangnya dengan menurunkan pangkat Zam dari Ketua Pengarang ke Penasihat Jabatan Pengarang.

Maka banyaklah suratkhbar kecil yang membela Zam tetapi tiada sebarang kesan kerana Zam sudah 'bergaduh' dengan Dr. Mahathir, pemimpin nombor wahid di Malaysia. Saya tidak mengatakan siapa salah dan siapa betul di dalam perkara ini tetapi Zam sebenarnya tidak menerima hukuman daripada pertelingkahannya mengenai bahasa dengan Dr. Mahathir sebaliknya hukuman yang beliau terima ini ialah di atas sikapnya mengelar (di dalam pojoknya - Awang Selamat) Yang Dipertua Agung PAS, Ustaz Fadzil Mohd Noor dan Ustaz Abdul Hadi Awang sebagai Nabi Fadzil Noor dan Nabi Hadi Awang.

PAS yang mengambil tindakan mahkamah di atas keterlanjuran ini akhirnya dibayar di dalam satu penyelesaian di luar mahkamah tetapi kesalahan yang dilakukan oleh akhbar harian itu bukanlah satu kesalahan kecil kerana sebagai Ketua Pengarang yang beragama Islam, beliau wajib sedar bahawa tiada nabi yang lahir ke dunia ini selepas Nabi Muhammad S.A.W.

Mungkin ini dibuat tanpa sebarang niat untuk merendah-rendahkan agama Islam tetapi sama ada beliau (Ketua Pengarang) itu sedar ataupun tidak, beliau

telah menggunakan kedudukannya yang 'mendapat perlindungan dari kerajaan' untuk merosakkan akidah peminat dan pembaca ruangan yang popular itu di akhbaranya.

Seingat saya, tiada seorangpun ulama khususnya dari Pusat Islam yang tampil menasihatkan Zam dan rakan-rakannya yang bersekongkol dengannya di Utusan Malaysia supaya menarik balik penyiaran itu dan bertaubat dari menulis, mengelar ataupun memper senda-sendakan agama Islam yang maha suci.

Adakah ulama-ulama beranggapan bahawa jika mereka memainkan peranan menegur Zam dan rakan-rakannya di Utusan Malaysia maka mereka (ulama) akan menjadi tidak popular? Jika bukan atas alasan tersebut, mengapakah dibiarkan keterlanjuran tersebut?

Di dalam satu forum politik (14hb. Januari 1993) anjuran Jabatan Sains Politik UKM, penceramah terkemuka UMNO, Haji Ikhwan Haji Nasir, bekas Ahli Parlimen Pontian menegur dan menasihatkan Ketua Pencerangan Semangat 46, Ahmad Sabbery Chik supaya bertaubat apabila beliau menyebutkan perbandingan keistimewaan raja-raja dengan keistimewaan nabi-nabi.

Forum yang turut dihadiri oleh Ahli Parlimen Pas Mas, Ibrahim Ali dan Setiausaha Agung PRM, Dr. Sanusi Osman menjadi begitu hangat apabila pelajar-pelajar universiti tersebut menyaksikan pertikaian lidah antara penyokong kerajaan dengan pembangkang. Walaupun Dr. Sanusi menyokong pindaan tetapi beliau dengan sinis menyindir pihak kerajaan yang disifatkan lebih kebal dari raja-raja sendiri.

Berdasarkan latar belakang Ikhwan sebagai seorang bekas penuntut Kolej Islam beliau berani untuk menegur seorang bekas pensyarah dan Ketua Penerangan Semangat 46 yang bukan cetek ilmunya. Sabbery yang agak emosi ketika mempertahankan raja-raja tidak sedar bahawa usahanya mempertahankan raja-raja tidak perlu dibandingkan dengan nabi-nabi (rasul) yang tentunya menyalahi akidah sebagai seorang Islam.

Di sinilah peranan ulama amat penting kerana rakyat tidak seharusnya dipesongkan oleh orang-orang politik yang hanya bertindak dan beralasan untuk menghalalkan perbuatannya. Amalan 'matlamat menghalalkan cara' adalah cara orang politik menangani masalah yang timbul tetapi ulama berperanan untuk memberi jalan dan panduan agar mereka (rakyat) tidak menyokong membabi buta isu-isu yang sedang mereka hadapi.

Satu hal lagi, ulama juga sepatutnya sudah mengeluarkan pandangan ataupun fatwa mengenai cara media massa hari ini mendedahkan aib seseorang raja. Adakah Islam membenarkan pendedahan, ungkit mengungkit pemberian dan kecaman tanpa memberi ruang mereka (raja-raja) membela diri di atas tuduhan-tuduhan yang dilemparkan kepada mereka.

Saya tidak sesekali menerima tuduhan mengenai raja-raja itu sebagai benar kerana mempertahankan prinsip undang-undang selagi seseorang itu tidak dijatuhkan hukuman oleh mahkamah mereka tidak boleh dikatakan bersalah. Adalah tidak adil, di dalam masa kita hendakkan persetujuan dan perdamaian de-

ngan pihak raja-raja, kecaman, kritikan dan pendedahan-pendedahan yang bertujuan merendah-rendahkan martabat raja-raja diteruskan.

Jika kita sekalipun duduk di tempat raja-raja, kita juga tidak akan senang dengan cara orang lain yang hendak berdamai dengan kita mengecam, memburuk-burukkan dan mendedahkan segala kelemahan dan kesilapan yang pernah kita lakukan.

Satu mutiara kata *bertanyalah dengan rakannya untuk mengetahui kebaikannya dan bertanyalah dengan musuhnya untuk mengetahui keburukannya* bermaksud lebih kurang begini; hanya musuh sahaja yang akan menceritakan keburukan dan kelemahan seseorang manakala peranan sahabatlah untuk menceritakan kebaikan seseorang sahabatnya.

Apabila media massa (yang berpihak kepada kerajaan) sudah mendedahkan bermacam-macam kerana raja-raja bermakna pihak kerajaan sudah menganggap raja-raja sebagai musuh mereka sedangkan di dalam masa yang sama mereka masih memerlukan persetujuan dan perkenaan raja-raja di dalam meluluskan rang undang-undang (pindaan) 1993 ini.

Ulama juga seharusnya berperanan memberi nasihat kepada kabinet ataupun kerajaan di dalam menangani isu pindaan perlembagaan ini. Jika di pihak kerajaan melanggar tata susila ataupun tidak mengikut kehendak-kehendak Islam, wajar ditegur tanpa bimbang akan menerima akibat dipotong gaji ataupun dibuang kerja.

Dalam soal ini, rakyat amat mengagumi cara

Menteri Besar Johor, Tan Sri Haji Muhyiddin Mohd Yassin bertindak menghadapi isu besar begini. Beliau yang sedang bercuti ke luar negeri ketika isu ini timbul tidak gopoh menanganinya sehingga berjaya. Malahan, kenyataan-kenyataan yang keluar dari mulutnya selaku Ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO, Pengerusi Perhubungan UMNO Johor dan Ketua UMNO Bahagian Pagoh tidak menyakitkan hati mana-mana pihak.

Akhlak yang tinggi ditunjukkannya mengingatkan kita betapa anak seorang ulama di Muar ini mengikuti jejak Allahyarham bapanya, Cikgu Mat Yassin yang terkenal sebagai seorang guru yang sering mengajar agama dari surau ke surau dan dari masjid ke masjid.

Muhyiddin bukan sahaja menghadapi Sultan Johor dan anak-anaknya, Tengku Ibrahim dan Tengku Majid tetapi terpaksa menghadapi Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Abdul Rahim Ramli yang bertindak membelakangkannya di dalam soal istana dengan pegawai-pegawai kerajaan.

Rahim juga anak seorang alim di Muar, Cikgu Haji Ramli Fadzil tidak seharusnya bertindak secara kebudak-budakan. Jika beliau benar-benar berani, adalah lebih baik baginya meneruskan penentangan terhadap kerajaan dan jangan bertindak sekerat jalan kerana ianya akan menyusahkan diri sendiri.

Jika beliau diminta melepaskan jawatannya pada 8 Februari 1993 ini tidaklah menyusahkannya kerana Rahim sebagai seorang Setiausaha Kerajaan Negeri

sudah bersedia sangat untuk 'bersara' awal jika bukan kerana 'keseronokkan-keseronokkan' yang dijanjikan atas tiketnya sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri.

Beliau kaya raya dan berbelanja dengan mewah disebabkan kerusinya itu 'ada umphh' menyebabkan beliau sayang untuk berundur awal. Tidak hairanlah Rahim boleh bila-bila masa berundur apabila beliau secara rasminya mendapat 'rasa tidak percaya' Exco Kerajaan Negeri Johor terhadapnya di dalam mesyuarat khas Exco pada Sabtu, 30 Januari 1993 yang lalu.

Saranan Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Haji Daud Datuk Haji Taha selaku Ketua UMNO Bahagian Batu Pahat supaya Rahim berhenti adalah saranan wajar yang patutnya diterima oleh Rahim secara *gentleman*.

Walau apapun alasan yang bakal Rahim berikan, beliau sebenarnya sudah sepatutnya menerima dengan penuh redha kerana kecaman, saranan dan teguran itu dibuat berdasarkan tindakan-tindakan yang dibuatnya bercanggah dengan konsep demokrasi.

Selama ini beliau tidak pernah menerima saranan teguran ataupun kecaman dari mana-mana pihak kerana tugasnya itu tidak digunakan untuk kepentingan mana-mana pihak sebaliknya dibuat atas dasar kepentingan kerajaan, rakyat dan negeri.

Alasan tidak mempunyai kereta untuk menghadiri majlis-majlis rasmi bukanlah alasan yang logik sebaliknya sengaja untuk mencetuskan suasana tidak senang di kalangan pemimpin-pemimpin kerajaan.

Soal Rahim diarahkan memulangkan kembali ke

reta 300 SE yang digunakannya bukanlah tindakan untuk dirinya seorang sahaja kerana sebelum inipun banyak jabatan-jabatan kerajaan termasuk Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dikenakan tindakan serupa jika melakukan kesilapan peraturan.

Cuma Rahim mungkin inginkan catatan rekod perkhidmatan cemerlangnya selama ini dihitamkan hasil tindakan tidak cermatnya di dalam menghadapi isu pindaan perlembagaan yang mungkin tidak menguntungkan sahabat karibnya, Tengku Mahkota Johor.

Lampiran i

UCAPAN TUAN HAJI HADI BIN AWANG

TUAN HAJI HADI BIN AWANG (Marang) :
Asslamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, peluang yang diberi untuk membahaskan usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, marilah kita jadikan sebagai suatu peluang untuk memberi keinsafan kepada kita, menyedari kelemahan-kelemahan yang ada di dalam Perlembagaan Negara, Dasar Negara dan Undang-undang Negara. Seterusnya memberi kesedaran kepada kita untuk membuat pindaan, apa yang perlu dipinda dan bukan sebagai satu peluang untuk mengecam sesiapa dan mana-mana pihak.

Sebagai parti yang memperjuangkan Islam, maka saya suka menyatakan tentang pandangan Islam berhubung dengan isu yang dikemukakan, secara menyeluruh dan seterusnya marilah kita mengambil pengiktibaran untuk membuat perubahan-perubahan yang benar-benar berani, bukan kerana satu kes yang berlaku, bahkan kepada perkara-perkara yang banyak

telah berlaku dan mungkin kalau diabaikan, banyak lagi akan berlaku.

Islam meletakkan Ketua Negara termasuk yang bergelar Raja-raja sebagai pemegang amanah untuk memerintah dan memimpin manusia. Mereka tidak mempunyai kuasa mutlak dan tidak boleh dipersucikan seperti Tuhan kerana mereka tetap mempunyai sifat-sifat kelemahan manusia. Maka peranan amanah merupakan suatu peranan yang dititikberatkan dan difahami dengan sedalam-dalamnya sehingga Allah S.W.T telah menetapkan perkara ini di dalam Al-Quranul Karim sebagai garis panduan kepada manusia iaitu firman Allah Taala: (membaca sepotong ayat Al-Quran) yang bermaksud: "Sesungguhnya kami telah membentangkan amanah. Di antara amanah yang besar itu ialah amanah pemerintahan negara. Di antaranya ialah menjadi Raja dan menjadi Pemimpin. Kami telah membentangkan amanah menunjukkan betapa beratnya amanah itu kepada langit, bumi bukit-bukau, gunung-gunang supaya mereka memikulnya. Tetapi mereka gerun dan tidak mahu memikulnya dan manusia sanggup memikulnya. Sesungguhnya manusia itu ialah maha zalim lagi maha jahil".

Yang maha zalim dan maha jahil ini ialah yang memikulnya secara sewenang-wenang bukan mengikut syarat-syaratnya yang betul untuk menegakkan keadilan yang diwajibkan oleh Allah S.W.T. Oleh kerana itu, maka Islam telah menetapkan beberapa syarat yang ketat supaya mengelakkan perkara yang tidak di ingini itu berlaku setelah ianya dilantik. Salah satu daripada

syarat wajib kepada kelayakan menjadi Pemimpin dan Raja ialah adil. Yang dimaksudkan dengan adil disini ialah tidak melakukan dosa besar, tidak terus-menerus kerap melakukan dosa kecil dan tidak melakukan perkara yang menjatuhkan maruah.

Kadang-kadang kita terlalu longgar di dalam syarat-syarat ini, yang jahil, yang zalim, yang dapat dilihat tanda-tandanya kerana meletakkan kepentingan-kepentingan duniawi. Orang-orang tidak memenuhi syarat-syarat yang wajib ini dilantik menjadi Pemimpin dan Raja.

Yang kedua, bagi menjamin keadilan-keadilan itu berlaku dan hubungan baik di antara Raja dan rakyat berlaku dengan cara yang tepat, ketaatan Islam....

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, ada ahli Yang Berhormat bangun hendak minta jalan.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang: Nanti habis. Ketaatan kepada pementah termasuk Raja dan Islam telah meletakkan ketaatan kepada pemerintah ini tidak mutlak. Dengan sebab itu disebut dalam Al-Quranul Karim : [membaca sepotong ayat Al Quran] yang bermaksud: "Hai, orang-orang yang beriman, taatlah kamu akan Allah, taatlah kamu akan Rasul dan Ulil Amri, pemerintah di kalangan kamu termasuklah mereka yang dinamakan Raja-raja, di mana kepada tempat Ulil Amri tidak dikaitkan dengan perkataan "athi'u" menunjukkan bahawa ketaatan ini adalah tidak mutlak, tertakluk kepada sejauh mana perintah yang

dikemukakan itu tepat dengan prinsip-prinsip keadilan”.

Yang ketiga, Ketua Negara termasuk negara tidak boleh bertindak sewenang-wenangnya. Seterusnya, kita perlu mengentahui bahawa keadilan itu yang dinyatakan oleh Islam adalah keadilan universal, yang perlu ditegakkan kepada semua orang, semua makhluk untuk menegakkan keadilan dan mencegah kezaliman tanpa mengira pangkat, kedudukan, agama, kaum dan warna kulit. Hak-hak manusia mestilah dijaga dan dipelihara dan tidak boleh diganggu-gugat sama ada kebebasan beragama, nyawa, maruah dan harta-benda. Kebebasan beragama tidak boleh diganggu sewenang-wenang walaupun Islam menegaskan Islam yang benar tetapi tidak ada paksaan di dalam perkara agama. Nyawa manusia tidak boleh diambil, tidak boleh dibunuh dengan sewenang-wenang; mestilah mengikut undang-undang dan mengikut hukum-hukum yang diizinkan oleh syarak dan prinsip keadilan yang sebenarnya. Bukan sahaja nyawa, maruah hendaklah dijaga, tidak boleh memalukan orang sewenang-wenang. Kehormatan harta-benda juga hendaklah dipelihara, tidak boleh merampas dan mengambil harta-benda orang sewenang-wenang.

Lima hari sebelum wafat Rasullallah s.a.w. dalam keadaan uzur, Bagin keluar ke masjid, telah beri satu manat yang penting, yang menjadi pengajaran dan petunjuk kepada seluruh Raja dan seluruh Ketua Negara. Dalam manat yang penting itu, Baginda menegaskan [membaca sepotong ayat] yang bermaksud “Maka sesiapa di kalangan kamu yang aku pernah memukulkan

belakangnya, maka inilah belakanku, silalah balas dan barang siapa yang aku ambil hartanya secara zalim, maka inilah hartaku, maka silalah ambil sebagai bayarannya dan barangsiapa yang aku makikan sehingga memalukan dia, maka inilah maruahku, silalah balas daripadanya”.

Hadis-hadis ini menunjuk kepada kita bahawa Ketua Negara termasuk Raja tidak boleh dikecualikan daripada undang-undang [Tepuk] sama ada undang-undang qisas [Tepuk], undang-undang yang melibatkan kecederaan kepada orang ramai, undang-undang yang melibatkan harta-benda, tidak membayar hutang orang, ini termasuk juga di dalam hukum, dan menjatuhkan maruah orang lain; Ketua Negara termasuk Raja tidak dapat menegakkan keadilan sekiranya dia sendiri tidak boleh menjadi contoh yang baik kepada orang lain.

Dia sendiri mestilah menunjukkan keadilan. Para ulamak berkata: “Annasudinu-mulukihim”. Maksudnya: “Rakyat mengikut ugama Raja-raja mereka”.

Sekiranya Raja-raja dalam keadaan yang baik, maka menjadi contoh dan teladan baik kepada rakyat. Sekiranya Raja menjadi contoh yang tidak baik, maka rakyat akan menjadi tidak baik kerana mengambil contoh dan teladan daripada Raja yang tidak baik. Saidina Umar Ibnu Khattab ra Telah menjatuhkan hukuman qisas kepada anak Gabenor Mesir yang memukul seorang Qibti - seorang Kristian Orthodox Koptis, bukan Islam kerana kalah dalam perlumbaan kuda - dalam sukan.

[Tepuk] [Ketawa] Dimana anak Gabenor itu kalah dalam sukan lalu anak Gabenor itu memukul seorang Othodok yang bukan Islam, tetapi mengikut prinsip keadilan orang yang melakukan kesalahan mestilah dijatuhkan hukuman. Di mana Saidina Umar telah menjatuhkan hukuman yang tepat berdasarkan prinsip Islam dan seterusnya menyampaikan ucapannya yang mashyur kepada Gabenornya. [membacakan teks dalam bahasa Arab]

"Wahai Amar, wahai Gabenor sejak bilakah kamu perhambakan manusia? Sesungguhnya manusia itu dilahirkan oleh ibu-ibu mereka dalam keadaan bebas dan merdeka".

Manusia tidak boleh diperhambakan. Untuk menjamin hubungan baik di antara pemerintah termasuk Raja dan rakyat, Islam mewajibkan, yang pertama mewajibkan nasihat. Sabda Rasullullah s.a.w. : Addinnunnasihah, yang bermaksud :-

"Ugama itu nasihat".

Lalu para sahabat bertanya: - menyebut sebuah hadis yang bermaksud:-

"Bagi Allah, bagi RasulNya, bagi kitabNya".

Yakni nasihat itu mestilah berdasarkan perkara prinsip tersebut bagi pemimpin-pemimpin umat Islam dan bagi rakyatnya. Bukan sahaja pemerintah, Raja yang memberi nasihat tetapi rakyat juga boleh memberi nasihat dalam perkara-perkara yang tertentu. Diantaranya nasihat dalam negara yang bedasarkan kepada demokrasi berparlimen ialah nasihat melalui parlimen, termasuklah peranan Pembangkang

hendaklah diberi bukan sahaja peranan Kerajaan [Tepuk] dan mereka yang memberi nasihat hendaklah diberi hak. Akhbar-akhbar juga hendaklah diberi peluang untuk memberi nasihat. [Tepuk] Sekiranya memberi nasihat ini dihalang dan disekat maka akan timbullah surat-surat layang. [Tepuk] [Ketawa] Adanya surat-surat layang ini kerana tersekat untuk memberi nasihat dan tidak berani memberi nasihat. Kalau surat-surat layang juga disekat, kita bimbang batu pula yang melayang. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, untuk menjaga hubungan baik di antara pemerintah dengan rakyat ialah menolong, mesti berlaku tolong-menolong antara satu sama lain. Sabda Rasullullah s.a.w. [menyebut sebuah Hadis] yang bermaksud:-

"Tolonglah saudaramu yang zalim atau yang kena zalim".

Lalu para sahabat bertanya, "Wahai Rasullullah, yang kena zalim kami faham, dia perlu diberi pertolongan. Bagaimana memberi pertolongan kepada yang zalim?"

Sabda Rasullullah s.a.w., "Menghalangnya daripada melakukan kezaliman, itu bermakna memberi pertolongan kepadanya".

Yang ketiga, Islam mewajibkan adil. [menyebut sesuatu Hadis]

"Hendaklah kamu berlaku adil walaupun hukuman itu terpaksa dikenakan ke atas diri kamu sendiri".

Kemudian mengharamkan kezaliman. Betapa haramnya kezaliman itu sehinggakan Allah menyatakan,

[menyebut Ayat dari Al-Quranul-Karim] yang bermaksud:-

"Jangan kamu cenderung kepada orang-orang yang zalim, nanti kamu disentuh api neraka".

Tuan Othman bin Abdul: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin] : Yang berhormat dia minta jalan.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Masa tidak cukup.

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin] : Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Hadi bin haji Awang: Tak apalah, bagi satu.

Tuan Othman bin Abdul : Tuan Yang di-Pertua, saya seronok dengan Yang Berhormat dari Marang bercakap pada hari ini. Cuma saya hendak tanya satu pendapat Imam Malik, hendak tanya pendapat Yang Berhormat. Imam Malik mengatakan [menyebut kalimah dalam Bahasa Arab] yang bermaksud :

"Taat kepada yang lebih zalim itu lebih baik".

Jadi hendak tanya pendapat yang Berhormat, apa pandangan Yang Berhormat dalam hal ini.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang : Saya akan terangkan kemudian dan ini bukan.... [Ketawa]... saya rasa ini bukan satu kuliah agama. [Tepuk] [Ketawa] Ia merupakan satu perbahasan. [menyebut Ayat dari Al-Quranul-Karim] yang bermaksud :-

"Jangan kamu cenderung kepada orang-orang yang zalim, nanti disentuh api neraka".

Dan seterusnya Hadis Qudsi, Rasullullah s.a.w.

menceritakan, Allah berfirman [menyebut Ayat dari Al-Quranul-Karim] yang bermaksud:-

"Wahai hamba-hambaku, sesungguhnya aku mengharamkan zalim itu kepada diriku. Maka janganlah kamu melakukan kezliman".

Tuhan mengharam zalim kepada dirinya sendiri dan mengharamkan zalim kepada hamba-hambaNya.

Seterusnya kelemahan-kelemahan daripada saki-baki undang-undang Inggeris hendaklah dihapuskan walaupun ke peringkat meminda Perlembagaan kerana Inggeris sendiri sudah meninggalkan perkara-perkara yang lapuk. Adakah kita masih hendak mengekalkan perkara-perkara yang sepatutnya dipinda kepada perubahan yang memerlukan kepada pindaan, dan Inggeris di zaman penjajahan pernah memecat Sultan Perak, mungkin kerana kepentingan politik Inggeris dan mungkin kerana hal-hal yang lain. Inggeris pernah memecat Sultan Terengganu selepas Perang Dunia Kedua kerana hal-hal yang tidak menyenangkan dalam masa peperangan dan beberapa hal peristiwa-peristiwa yang lain.

Untuk menjamin kemurnian Raja Berpelembagaan dan demokrasi berparlimen, maka Perlembagaan dan undang-undang yang ada perlu dikaji semula dan dipinda. Mereka yang terlibat dengan penggubalan undang-undang dan melaksanakannya seperti Jemaah Menteri, para pegawai, para hakim, peguam, polis, BPR dan sebagainya hendaklah diberi hak dan perlindungan yang sewajarnya. Mestilah diberi pembelaan menyeluruh bukan satu kes sahaja. Bukan dalam masalah

kes Gomez tetapi juga dalam kes Memali, Lubuk Merbau dan lain-lain. [Ketawa] [Tepuk]

Tuan Yang-dipertua, kedaulatan undang-undang tidak wujud selagi masih ada orang-orang yang merasai dirinya secara langsung atau tidak langsung mengatasi undang-undang. Sama ada orang yang merasakan dirinya secara langsung ataupun yang berada dikelilingnya secara tidak langsung merasakan bahawa dirinya mendapat perlindungan, mengatasi undang-undang. Selagi hal ini wujud, maka kedaulatan undang-undang tidak ada. Selagi adanya orang sekeliling yang menyuap Raja dengan balak, saham, dengan tanah dan lain-lain disamping ada Raja-raja yang terpengaruh dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, Usul ini mestilah untuk kebaikan semua. Bukannya untuk satu pihak sahaja. Mestilah bersifat menolong semua orang yang mahu melakukan kezaliman supaya jangan melakukan kezaliman itu dan orang yang kena zalim supaya dibela dengan seadil-adilnya. Rasulullah s.a.w. pernah menyokong "halful-fudhul" yang dimeterikan di zaman jahiliah berpunca daripada seorang yang menjual barang kepada seorang hartawan Mekah, tiba-tiba tidak dibayar harganya. Ini pelabur asing yang datang, kemudian tidak dibayar kepadanya dengan bayaran yang patut, lalu beberapa bangsawan Mekah mengadakan Perjanjian fudhul bagi orang yang teraniaya. Rasulullah mengatakan: "Walaupun ianya dimeterikan di zaman sebelum Islam, maka aku bersetuju dengan perjanjian itu".

Dan saya mengalu-alukan titah ucapan Sultan Kelantan yang menegaskan bahawa etika Raja-raja mestilah mengikut Al-Quran dan Al-Sunnah dan kita perlu memahami apabila Merah Sulu, Raja Pasai - saya pun baca juga sejarah Melayu. Apabila Merah Silu, Raja Pasai menerima Islam, namanya bertukar menjadi Malikul Salleh dan perangnya pun bertukar menjadi adil dan baik. Oleh kerana Usul yang dikemukakan ini merupakan satu Usul yang membela seorang yang dianiaya secara khusus dan berdasarkan kepada penjelasan-penjelasan, hujah-hujah, keterangan-keterangan dan perkara-perkara sampingan yang saya kemukakan tadi, saya mengharap akan mendapat perhatian daripada pihak Kerajaan khususnya kepada pemimpin utama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri yang barangkali saya dapat berucap dihadapan beliau berdua [Ketawa] akan mendapat pertimbangan dan saya mengharapkan supaya diambilkira segala perkara yang dikemukakan itu, oleh kerana dia mengemukakan satu cadangan dan Usul untuk membela orang yang dianiaya, maka saya bagi pihak Parti Islam SeMalaysia (PAS) menyatakan sokongan kami kepada Usul ini. [Tepuk]

Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin] : Pasir Mas.

Lampiran ii

UCAPAN YB AHMAD NOR

Tuan Ahmad bin Nor [Bayan Baru] :

Tuan Haji Badruddin bin Haji Amiruldin: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, dia bangun lagi Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Nor : Apakah dia hendak kita sokong sahaja sepanjang masa? Hari ini kita sokong pun, kita kena hentam - menyokong pun kena hentam [Ketawa]

Tuan Haji Badaruddin bin Haji Amiruldin : [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, dia bangun, hendak beri jalan?

Tuan Ahmad bin Nor : Sebab itu walaupun saya sokong, tetapi saya hentam. Saya juga hendak hentam, saya tidak peduli. Ini dia cara berpolitik orang-orang lama. Kita orang baru - tidak. Kita kena ikut - style orang-orang lama ini kita kena ikut.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, apa yang tidak disebut dan hendak saya tegaskan di sini ialah bahawa isu seumpama ini, sama ada isu Kesultanan ataupun lain-

lain isu, yang dahulu dianggap sensitif, haram, tidak boleh dibincang, cuma golongan tertentu sahaja yang berhak membincang - saya rasa ini perlu kita kikis. Kita perlu memberi peluang sama ada kepada orang Melayu, bukan Melayu dan semua kaum, kalau Raja itu, ia adalah Raja untuk semua orang - bukan hanya Raja UMNO, bukan rajagopal juga tetapi Raja untuk rakyat Malaysia. Kalau Rajagopal, dia hanya untuk MIC sahaja. [Ketawa] Ini adalah Raja negara kita dan semua pihak mesti diberi peluang untuk memberi pandangan, maka baharu kita tahu bagaimana kesetiaan dan penghormatan yang kita boleh beri kepada sistem beraja. Kalau kita menganggap itu sensitif, ini sensitif - dahulu, kalau perkara ini disebut, saya rasa sudah kena ISA, tetapi hari ini tidak apa. Fasal Perdana Menteri mahu. Kalau Karpal Singh mahu, dia sudah tentu kena masuk ISA sekali lagi. Inilah masalahnya, dan saya berharap janganlah gunakan lagi ISA, sebab selepas ini, kalau di luar dalam ceramah-ceramah DAP, saya pun hendak bercakap juga tentang hal Raja. Nanti dia bubuh (pasang) tape, lepas itu nanti kena ISA. Orang UMNO bila bercakap tidak apa, berapi-api, walaupun macam-macam yang disebut tentang Raja, tetapi tidak apa - excusable, dengan izin.

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Jadi, ini satu kedudukan yang tidak baik, kerana kalau kita jujur dalam hal ini kita mesti memikirkan bahawa kita mesti sentiasa bersikap terbuka. Kalau hari kita mengajar orang bersifat Hang Jebat terhadap Raja,

saya rasa besok kita akan ajar orang bersifat Hang Jebat terhadap Barisan Nasional. Itu mesti, kerana banyak benda yang kita tidak berpuas hati, orang takut. Bukan sahaja takut kepada Sultan tetapi dalam hal Kerajaan pun banyak orang takut. Takut kepada Perdana Menteri, takut kepada Menteri-menteri. Nanti besok bila silap bercakap, ISA datang - itu biasa. Perasaan takut itu bukan hanya kepada Sultan sahaja, tetapi Pegawai-pegawai Kerajaan pun takut. Tersilap cakap, OSAlah, ISAlah, macam-macam - Pak ISA, Pak OSA, semua ada. Ini satu penyakit yang kita perlu lihat kerana saya percaya apa yang kita bincangkan hari ini p73 bukan hanya setakat tentang isu Douglas Gomez.

Jadi, balik bercerita mengenai hal kedudukan Sultan, saya rasa kalau kita jujur, apa yang perlu di buat segera dalam sesi Parlimen ini juga ialah cadangkan pindaan Perlembagaan dan Undang-undang dengan secara menyeluruh, yang ada hubung-kait dengan kedudukan kuasa dan keistimewaan Raja-raja - kalau kita ikhlas.

Kalau tidak kita hanya bercakap membuang masa, kerana ini setakat untuk tujuan politik. Kalau Yang Amat Berhormat berani dan Timbalannya begitu yakin dengan Usul pada hari ini, saya rasa kita boleh buat dalam sesi ini juga. Saya tidak mahu ulang apa yang telah dicakapkan tadi, banyak yang telah dicakapkan, banyak cadangan - saya hendak sokong semua cadangan itu dan kita bawakan dalam sesi ini. Kita masih ada masa lagi, kita pinda apa jua bentuk, termasuk pindaan kepada Perlembagaan dengan tidak

perlu lagi persetujuan (*consent*) D.Y.M.M. Yang di-Pertuan Agong. Kita ambil kuasa penuh Parlimen sebagai Badan yang tertinggi sekali dalm negara ini. Fasal apa hendak beri Yang di-Pertuan Agong sign lagi? Tidak perlu. Kita ambil kuasa supaya pindaan itu dapat diterima dengan segera - itu kalau ikhlas, kerana kita bukan hendak menderhaka, bukan hendak meruntuhkan sistem Raja-raja, tetapi kita hendak memperkukuhkan dan kita hendak setiap Raja menjaga sistem Raja Berpelembagaan, supaya semua rakyat memberitaat setia, menghormati dan sebagainya. Tidak payah saya ulang.

Saya pun tidak perlu hendak bercakap panjang, kerana banyak yang telah disebut dan inilah harapan saya sebagai Wakil DAP yang bercakap untuk kali yang kedua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua : Nilam Puri.

Lampiran iii

UCAPAN YB SUKRI MOHAMAD

TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMAD [Kok Lanas]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan mengambil masa yang panjang, cuma berhajat untuk membincangkan usul yang ada di hadapan kita khusus dengan insiden yang berlaku di Johor.

Yang Berhormat dari Pasir Mas semasa berucap tadi mendabik dada berapi-api berucap, saya tidak hairan kerana sejak dia lompat masuk Parti UMNO (Baru) sehingga kini dia tak dapat kepercayaan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. [Tepuk] Jadi, di hadapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri dengan harapan barangkali akan membuahkan sesuatu....

Tuan Haji Ibrahim bin Ali : [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua : Ya, dia bangun Yang Berhormat.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed : Masa dia

berucap....

Tuan Haji Ibrahim bin Ali : Peraturan Mesyuarat....

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed : *Point of order*, boleh.

Tuan Yang di-Pertua : *Point of orderkah?*

Tuan Haji Ibrahim bin Ali : Peraturan Messyuarat 36 (6).

Tuang Yang di-Pertua : Ya.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali : Saya tak tahu ada orang yang jadi peguam, jadi wakil rakyat pun bodoh juga.

Tuan Yang di-Pertua : Pula! [Ketawa]

Tuan Haji Ibrahim bin Ali : Itu sangkaan jahat!

Tuan Yang di-Pertua : Ya, cukup.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali : Sebab saya sudah berpulang paku buah kerasi tadi, dia sudah rasa tersinggung, cara hendak jawab, hendak memperlikan saya. Itu saya rasa peguam yang bodoh. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua : Yang Berhormat, adakah sangkaan jahat tadi ini? Sangkaan Yang Berhormat itu sangkaan jahatkah?

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed : Tak ada, saya tidak berniat jahat. [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya katakan ialah fakta. Fakta ucapan Yang Berhormat sendiri pada 27hb. November, dia kata orang UMNO tak percaya kepada dia sampai hari ini. Dia berucap sendiri. Takkan dia hendak nafikan kenyataan in? Saya ada teks ucapannya.

Tuan Yang di-Pertua : Kita haraplah apa Yang Berhormat kata itu, boleh jadilah!

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed : Dia boleh jadilah. [Ketawa]

Tuan Haji Ibrahim bin Ali : Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat. Saya cukup setuju dengan pendapat Tuan Yang di-Pertua. [Ketawa]

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed : Yang kedua pula, Tuan Yang di-Pertua, dia kata saya takut. Saya hendak menegaskan kepada Yang Berhormat, dalam soal membela masalah rakyat, kita tidak pernah takut, malah saya menegaskan kepada Yang Berhormat Pasir Mas kalau peraturan undang-undang membenarkan, saya sanggup berhadapan dengan Yang Berhormat Pasir Mas dalam mana-mana 13 kawasan Parlimen di negeri Kelantan, Insya Allah.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan semasa kita membincangkan perkara ini dalam awal minggu ini, peruntukan mengenai Artikel 8 Perlembagaan adalah jelas. Semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang. Ada dua perkara yang harus kita takrif dan tafsir serta mengertikan daripada peruntukan ini. Yang pertama, semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang. Yang keduanya, semua orang berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang. Bukan sahaja hak sama rata di sisi undang-undang, tetapi dia mesti dilindungi secara sama rata di sisi undang-undang. Pada asasnya saya menyokong usul yang dibawa berhubung dengan masalah insiden yang berlaku di Johor Bahru [Tepuk] tetapi saaya

hendak mempertikaikan sedikit tentang kebijaksanaan dan kejujuran Kerajaan membawa usul ini. Kejujuran, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Jelutong telah menyuarakan sekejap tadi, dalam tahun 1984 isu yang sama dibawa di hadapan Dewan yang mulia ini, tetapi kerana ianya datang daripada Pembangkang, menyebabkan Yang Berhormat Jelutong menjadi mangsa, dipecat daripada Dewan ini.

Pada hari ini Kerajaan membawa usul atas perkara yang sama, walaupun setelah saya membangkitkan *point of order* tadi, dilulus dan dibincangkan dalam Dewan. Saya membangkitkan *point of order*, Tuan Yang di-Pertua, bukan dengan hasrat untuk menghalang isu ini dibincangkan dalam Dewan. Saya setuju, tetapi yang saya bangkitkan supaya kita jangan bersikap *double standard*. Sekarang di dalam Dewan ini ternyata daripada ucapan Ahli-ahli Yang terhormat tadi mengutuk habis-habisan Sultan Johor dan perbuatan ini pada pandangan saya adalah salah di sisi undang-undang, bertentangan dengan Akta Hasutan - pandangan saya. Barangkali selepas daripada ini pihak Istana Johor akan membuat laporan Polis dan Kerajaan mesti sanggup bertindak kepada sesiapa kerana semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, apakah tepat kita membawa usul ini pada saat ini, hari ini. Tadi kita mendengar, saya membaca laporan Polis dalam akhbar, laporan daripada *New Straits Times* dan laporan daripada Berita Harian Keputusan Siasat Sultan Johor Esok. Sehingga hari ini pihak Polis masih belum

mendapat lampu hijau untuk menyiasat kes yang dibuat oleh Sultan Johor, kononnya. Maknanya, Polis belum menyiasat lagi, tetapi kita sudah membuat suatu konklusif di dalam Dewan ini bahawa Sultan Johor telah memukul di Johor Bahru. Apakah Dewan ini mendahului penyiasatan polis? Apakah kita tidak ada peraturan, laporan polis telah dibuat, penyiasatan polis masih belum bermula, kita terus membincangkan perkara ini dalam Dewan, dan dengan kita membincangkan perkara ini dalam Dewan adakah ianya dapat menyelesaikan masalah? Apakah ianya dapat menyelesaikan masalah?

Tmbalan Menteri Pedagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir] : [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua : Ya, ada yang bangun Yang Berhormat.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed : Tidak ada ruang, Tuan Yang di-Pertua, biar saya habiskan.

Tadi Yang Berhormat dari Jelutong....

Dato Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir : [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua : Ya, Yang Berhormat sini bangun pula.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed : Tidak ada ruang juga. Saya habiskan hujah saya, Tuan Yang di-Pertua.

Tadi Yang Berhormat dari Jelutong telah membangkitkan Perkara 181 (2). Peruntukan undang-undang adalah jelas bahawa Yang di-Pertuan Agong

dan Raja-raja tidak boleh didakwa di mana-mana mahkamah, walaupun mereka tidak dikecualikan daripada melakukan kesalahan, tetapi tindakan undang-undang ke atas mereka adalah jelas.

Persoalan yang kita hadapi sekarang, kalaulah terbukti bahawa perbuatan itu dilakukan oleh Kebawah Duli Yang Mulia Sultan Johor, apakah tindakan yang dapat dibuat.

Apakah tindakan yang dapat dibuat oleh pihak Kerajaan untuk mendakwa dia di mahkamah? Sudah tentu peruntukan Perlembagaan Perkara 181 (2) mesti dipinda, kalau suatu perkara hendak dibawa, tindakan undang-undang hendak dibawa ke atas beliau Perkara 181 (2) mesti dipinda. Dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri semasa membentangkan hujah tadi, membentangkan Usul ini, menyatakan dengan jelas bahawa sebarang pindaan undang-undang yang menyentuh tentang kepentingan Raja-raja mestilah mendapat restu dan izin daripada Majlis Raja-Raja Melayu. Dan jika Perkara 181(2) hendak dipinda ternyata ianya menyentuh hak keistimewaan Raja-raja Melayu dan Majlis Raja-Raja Melayu mesti diminta pendapat.

Persoalannya, Tuan Yang di-Pertua, kalau Kerajaan sanggup bertindak sehingga ke peringkat itu, apa kata kalau Majlis Raja-Raja Melayu tidak bersetuju dengan pindaan Perlembagaan yang hendak dibawa, bukankah akan berlaku suatu krisis Perlembagaan di dalam negara ini. Inilah masalah yang akan kita hadapi di masa yang akan datang, apakah pihak Kerajaan sanggup

jika tidak mendapat izin di bawah restu Raja-raja Melayu melalui peruntukan Perlembagaan yang wajib tadi, bertindak untuk terus meminda dan dengan ini akan berlaku suatu krisis Perlembagaan.

Kita mendengar dan kita berharap bahawa insiden Johor ini dibincang dalam konteks insiden itu sahaja dan tidak digunakan untuk mengambil peluang dengan membincangkan institusi Raja secara umum, kerana kita boleh memakai seekor kerbau membawa lumpur, yang lain terpalit.

Saya tidak percaya bahawa Raja-raja lain juga bersikap seperti itu, ada Raja yang baik dalam negara ini dan sudah tentu yang baik, kita perlu bela. Yang baik perlu kita bela, misalnya di Kedah, tidak ada masalah yang berlaku, kita tidak pernah dengar apa-apa, di tempat lain kita tidak pernah dengar, tidak ada insiden berlaku. Di Terengganu kita tidak pernah dengar, walaupun Sultan saya dipertikaikan, tetapi sehingga hari ini orang tidak boleh buktikan, bercakap sahaja dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, masalah antara Kerajaan dengan Raja-raja ini kerap sangat kita dengar, sejak tahun 1983 berlaku krisis Perlembagaan, sekali. Kemudian tahun 1990 sebaik sahaja selepas Pilihanraya Umum bagaimana peristiwa seorang Sultan negara ini dibincangkan di dalam Perhimpunan Agung UMNO; tahun lepas, tahun 1991, tiap-tiap tahun masalah Raja ini ditimbulkan.

Tuan Yang di-Pertua, yang hendak kita pertikaikan sekarang ini ialah soal kejujuran, apakah motif di sebalik

Usul ini dibawa? Kalau setakat kita hanya berbincang, kemudian membuat ketetapan, mengambil sesuatu langkah dan langkahnya tidak diambil selepas daripada ini, ianya tidak akan membawa apa-apa makna. Dan kita mengingatkan Kerajaan supaya berhati-hati dalam isu ini. Segala tindakan daripada ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada petang ini mesti berhati-hati, kalau Kerajaan tidak mahu berlaku suatu krisis Perlembagaan yang amat penting dan menentukan masa depan corak pemerintahan negara. Krisis ini, kalau berlaku, ianya akan melibatkan pertebungan yang secara depan di antara Raja dengan orang-orang politik dalam negara ini. Kita minta dengan kebijaksanaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kebijaksanaan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang membawa Usul ini supaya menangani dengan sebaik-baiknya, seolah-olah mencabut rambut daripada tepung, kalau silap benda ini akan menimbulkan suatu rasa tidak senang hati di kalangan rakyat dan ianya akan menimbulkan huru-hara.

Tuan Yang di-Pertua, kita berharap bahawa Usul ini tidak dijadikan Usul politik dengan sengaja-ngaja hanya untuk mendapat suatu pandangan daripada rakyat umum tentang membangkitkan kebencian kepada institusi Raja, supaya peristiwa ini....

Tuan Haji Ibrahim bin Ali : [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua : Yang Berhormat, ada yang bangun.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed : Tidak ada jalan, Tuan Yang di-Pertua, masa ada 5 minit lagi, Tuan

Yang di-Pertua - ada 5 minit masanya.

Tuan Yang di-Pertua, di awal-awal tadi saya telah katakan, semasa saya membangkitkan *point of order*, insiden ini secara khusus memang suatu perkara yang memalukan, tetapi bila kita mengaitkan insiden ini dengan institusi Raja-raja itu secara keseluruhannya, kita mestilah berhati-hati. Kalau seperti yang dikatakan, tidak semua Raja berperangai ataupun mempunyai sifat yang demikian, yang baik tetap kita sokong. Terima kasih.

Lampiran iv

UCAPAN YB MOHAMAD SABU

Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Nilam Puri] : Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Encik Ghafar bercakap bahasa tua, saya bercakap bahasa muda, bahasa muda penuh berkira, bahasa muda penuh bergelora.

Tuan Yang di-Pertua, dagang saya mengkuang berlipat, dagang tuan mengkuang layu, datang saya datang bertempat, datang Pasir Mas menumpang lalu. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua : Ada kaitan apa dengan Usul itu?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu : Hendak masuk Usullah ini? Ini mukadimah. Kena bergaya sedikit fasal kita membincangkan hal Raja, ia kena pergi bahasa sastera.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat mengalu-alukan seperti pandangan yang diberi oleh Marang, bahawa inilah kami menyokong saranan yang dibuat oleh Kerajaan. Satu perkara yang amat penting bagi mukaddimah kepada perubahan Malaysia, Insyaa-

Allah, kita mulakan pada hari ini iaitu kita berani berbincang secara terbuka ke arah satu perkara yang dianggap sensitif dan ini kita harap menjadi satu titik permulaan dalam perubahan arah politik Malaysia pada masa yang akan datang.

Kebimbangan tetap ada kepada kami iaitu kita amat bimbang bahawa kuasa yang ada sekarang, perlindungan undang-undang yang ada sekarang ataupun kekebalan yang ada pada raja sekarang. Perbincangan pada hari ini bukan berakhir setakat hari ini, tetapi kita yakin ia akan pergi jauh sehingga kepada pindaan Perlembagaan, insya-Allah. Cuma yang membimbangkan kita ialah pindaan Perlembagaan itu dibuang beberapa kuasa raja dibuang beberapa kuasa kekebalan kuasa yang ada pada raja, tetapi yang amat membimbangkan pada kita ialah digantikan dengan kuasa eksekutif pula yang mendapat kekebalan.

Memang kita lihat ada negara yang mempunyai raja yang baik di dunia ini. Ada negeri selepas menolak raja berlaku lebih zalim. Hak-hak asasi manusia terpelihara. Kita boleh contohkan beberapa buah negara yang menolak Raja dan selepas itu kita lihat negara mereka tidak ada perlindungan terhadap hak asasi manusia seperti negara jiran kita di mana setelah mereka menolak Raja mereka boleh melakukan pembunuhan beramai-ramai kepada sesiapa dan kemudian kalau ada pejuang-pejuang yang ingin menegakkan Islam, ditekankan begitu dahsyat dan jaminan kepada Islam itu juga tidak terpelihara.

Ini berlaku di negeri yang diperintah oleh *Ba'ath Party* ataupun yang diperintah oleh negara jiran yang terdekat dengan kita dan bagaimana kita melihat hak asasi rakyat mereka lebih teraniaya selepas sistem itu bertukar.

Sebab itu kita mahu, ke arah pindaan itu nanti, kalau ada, mestilah dibuat dengan mengkaji sistem yang menjamin keadilan. Bagi kami sudah tentu kami tegaskan, melalui pindaan ini marilah kita menuju kepada sistem Illahi untuk menjamin keadilan. Walaupun DAP tidak berapasetuju buat masa sekarang, tetapi kita berani mengemukakan dialog secara terbuka supaya sistem ciptaan manusia yang ada ini, yang kita lihat membawa kegagalan, terutama di mutakhir ini, dapat kita jadikan perbincangan di mana ini adalah sebagai *stepping stone* untuk kita maju lebih ke hadapan ke arah sistem Illahi.

Kita lihat kebelakangan ini, setelah Raja-raja melakukan banyak jenayah tetapi kita melihat ada suatu perkara pula kekebalan dipindahkan kepada pihak eksekutif. Misalnya, kita lihat pembunuhan yang berlaku kepada adik Yusniza. Kita amat gembira dalam masa tidak sampai dua minggu, orang disyaki ditangkap tetapi kita masih bertanya apa jadi kepada pembunuhan Mustakizah? Kenapa? Apakah pembunuhan Mustakizah ini ada seorang eksekutif yang terlibat? Maka dia lindungi oleh pihak eksekutif sehingga penyiasat terhadapnya seolah-olah kita tidak tahu sama ada ia diteruskan ataupun tidak.

Begitu juga dengan kes Memali yang disebutkan

tadi. Begitu juga kita lihat ada kepentingan tertentu. Polis yang ditugaskan untuk mencari bukti diarah bakar bahan bukti itu seperti yang berlaku terhadap kes D.P Vijandran. Kita bimbang kalau ataupun ke arah pergi kepada pembuangan kuasa. Tetapi kemudian kita pergi kepada sesuatu sistem yang lain kita lihat kuasa eksekutif pula pergi atau tuju kepada kekebalan. Ini kita ingatkan bahawa perkara itu tidak berlaku, insya Allah, kalau berlaku pindaan Perlembagaan nanti.

Begitu juga hak dan kedudukan Islam. Andainya berlaku pindaan Perlembagaan, kuasa Raja katalah dihilangkan. Jangan pula misalnya, digantikan dengan satu sistem yang masa depan Islam tidak terjamin. Kita melihat apa yang berlaku di negara jiran kita, setelah Raja-raja tidak ada, digantikan dengan sistem Perlembagaan yang negara tersebut? Sehingga kita melihat sekarang ini, laporan-laporan yang dibuat bahawa jumlah umat Islam sudah menurun begitu banyak di negara tersebut. Sebab itu, kalau ada pindaan untuk menarik kuasa Raja-raja, jaminan terhadap Islam mesti ditegaskan sungguh-sungguh supaya Islam tidak tercemar dan kedudukan Islam akan terpelihara sampai bila-bila.

Oleh itu, kita gunakan kes Gomez ini sebagai satu perkara awal untuk bergerak lebih positif untuk masa yang akan datang, termasuk Parlimen ini nanti sampai ke peringkat berani untuk membincangkan hukum hudud untuk dilaksanakan ke seluruh Malaysia dan letaknya semua sultan dan raja-raja di bawah Al

Quran dan Hadis. Kita coba sistem ini, insya Allah, ia akan menjamin keamanan dan juga kedaulatan rakyat di negara ini. Sekian.

Lampiran v

UCAPAN YB KARPAL SINGH

TUAN R. KARPAL SINGH [Jelutong] : Tuan Speaker, pada 8hb. November iaitu lapan tahun kebelakangan di dalam Dewan Rakyat ini ada seorang Ahli Dewan Rakyat yang telah mendakwa dalam Dewan yang mulia ini, telah dihukum oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional khususnya dalam Dewan ini. Apakah kesalahan Ahli Yang Berhormat itu? Apakah pertuduhan yang dihadapi oleh Ahli Yang Berhormat itu pada 5hb. November, 1984? Orang yang tertuduh dan orang yang mendakwa di masa itu ialah Ahli Yang Berhormat dari Jelutong. [Ketawa] Beliau telah dihakimi oleh Dewan Rakyat ini oleh kerana Ahli dari Jelutong di masa itu cuba-cubaan itu gagal, tetapi cuba untuk mempertahankan semangat Perlembagaan, mempertahankan ahli kerabat DiRaja negeri Pahang termasuk dua orang awam yang lain. Tetapi cubaan itu gagal. Apakah pertuduhan pada masa itu?

Oleh kerana Ahli dari Jelutong pada masa itu telah bangkit di Kerusi ini, di masa itu, dan oleh kerana bagi kepentingan orang ramai, telah membangkitkan

kelakuan, sifat, tindak-tanduk Yang di-Pertuan Agong pada masa itu apabila beliau menjadi Sultan Johor. Apa yang berlaku di Bukit Sirin di masa itu tidak ada perbezaannya dengan apa yang berlaku di Bukit Sirin pada Isnin lalu, iaitu kisah Douglas Gomez.

Perbezaannya begini: Dalam kisah Douglas Gomez kejadian itu berlaku lebih kurang 4.00 petang dan kisah dua ahli kerabat Diraja Pahang dan dua orang awam itu ialah pukul 1.00 pagi, juga di Bukit Sirin. Apa yang berbangkit pada masa itu adalah mengenai kelakuan Sultan Johor yang menghentam keempat-empat orang ini. Terdahulu sebelum kena hentam, mereka dipaksa berbogel. Itulah tindakan seorang Raja. Ada seorang daripada dua kerabat itu yang sebelum itu telah diberkas dari sebuah 'night club' dan dibawa ke istanan. Sultan telah bertanya kepada beliau, "awak suka whisky, bukan?" Dan orang ini berbogel pada masa itu. Apakah yang dicakapkan oleh Sultan kepada anak perempuannya yang melihat apa yang terjadi, "Bring a bottle of Black Lable" dan dengan kekerasan memasukkan whisky itu dalam mulut orang ini, nasib baik beliau tidak mati. Ada attempted murder di sana. Tetapi apa jadi di sini apabila perkara itu ada dibangkit.

Satu minggu selepas perkara ini ada dibangkit di sini, Tuan Speaker. Kabinet ada satu mesyuarat yang dipengerusikan oleh - official secret - tetapi saya ingat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Apa yang diputuskan adalah Ahli dari Jelutong harus apologize to the King, minta ampun. Jika tidak, tindakan tegas diambil atasnya. Dan selepas itu 5hb. November di sini,

hari ini Tuan Speaker, saya jadi mangsa masa itu. Oh! mana boleh, kelakuan Raja mana boleh dibangkit dalam Dewan yang mulia ini - 36(8). Tuan Speaker dalam Kerusi masa itu kawan baik saya, Tan Sri Zahir. Tidak boleh langgar peraturan lebih dari itu. Tidak boleh menyoal sifat, kelakuan seorang Raja. Dan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional di sini ada menyuara masa itu perkataan-perkataan seperti 'treason'. Masa itu 'treason' - hari ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melalui Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri jadi hero, jaguh di sana sekarang. Kedua-dua jaguh - di luar daripada Dewan ini pun apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, 'no one is above the law'. No one is certainly above the law.

Tetapi pendirian yang ditukar oleh kerana apa? Oleh kerana hari ini Sultan Johor bukan Agong. [Ketawa] [Tepuk] Dia jadi satu alat terpakai. Tidak ada guna, oleh itu boleh dihapuskan. Itu jadi tujuan. Adakah apa yang buat hari ini ikhlas, walaupun baik. Usul ini, kami dari DAP tentu sokong. [Ketawa] [Tepuk] Bagi kepentingan orang ramai, kami tentu sokong.

Tetapi adakah semangat Usul ini dengan ikhlas, apabila di bawa dalam Dewan yang mulia ini? Hari ini pendirian Perdana Menteri adalah ini, no one can beat or kill anyone. Hari ini juga dia tahu "no one can beat or kill anyone". [Ketawa] Tahun 1987 dia tidak tahu. [Ketawa] Sengaja tidak mahu tahu, [Ketawa] oleh kerana dia Yang di-Pertuan Agong masa itu. Oleh itu, orang besar boleh dipengaruhi untuk sign apa-apa - dia sign.

Kes caddy ini yang atas not serious sekarang, saya mahu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, adakah Yang di-Pertuan Agong masa itu, Sultan Johor sekarang pembunuh, bunuh caddy, itu pertanyaan pertama. Jikalau ada bunuh masa itu, adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kuncu-kuncu lain dalam Kabinet, adakah beliau tahu kejadian itu ada berlaku? Kes itu, Tuan Speaker, Seksyen 302 - Murder. Penalties 'Mandatory'. Encik Gomez, Seksyen 323 - Compoundable for causing hurt. 302 boleh diketepikan oleh kerana ada masalah lain yang menghadapi Tun Salleh Abas [Tepuk] dan Hakim-hakim lain yang masa itu jadi musuh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

[Tuan Yang di-Pertua yang mempengerusikan mesyuarat]

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidakkah hormati hakim-hakim dan lawyer-lawyer, khususnya lawyer. [Ketawa] Dalam Dewan yang mulia ini juga, dalam satu masa ada bercakap, "Oh! saya ada ditipu oleh seorang Lawyer di Alor Setar dalam satu masa". Tuan Speaker boleh beritahu barangkali siapa Lawyer itu yang tipu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Tuan Speaker pun masa itu Lawyer di Alor Setar. [Ketawa] Siapa tipu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri masa itu? Mana Lawyer itu? Bukan Lawyer dari DAP.

Jikalau lawyer sudah tipu, buat laporan Polis - tidak tahu? [Ketawa] Hari ini pun boleh buat jikalau mahu, oleh kerana dalam jenayah tidak ada 'time limit'. No limitation period. Jikalau berani buat report, saya mempertahankan Perdana Menteri, [Ketawa] jikalau

ada kes. Jikalau tidak ada kes, sorry. [Ketawa] Tetapi biarkan itu, Tuan Speaker.

Kescaddy, saya mahu dapat tahu selepas ini apabila Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menjawab, adakah kes pembunuhan caddy itu benar? Jikalau benar, apa tindakan ada diambil atau akan diambil oleh Kerajaan sekarang. Dan bukan kes-kes ini juga, dalam Usul, Tuan Speaker, apa yang ada disebut adalah mengenai apa yang ada dilakukan atas Encik Douglas Gomez pada 6hb. Disember oleh Sultan Johor. Atau mengenai kes dua ADUN DAP, Ahli Yang Berhormat dari DAP dalam Dewan Undangan Negeri Johor pada 20hb. Jun tahun, 1991. Luar daripada Dewan itu.

Apabila kejadian itu terjadi di hadapan kehadiran Hakim, anggota-anggota Polis, Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini bagi kawasan-kawasan Johor, Menteri Besar Johor dan askar-askar. Apa tindakan akan diambil oleh khasnya Polis, khasnya Menteri Besar Johor atas Sultan Johor apabila memukul kedua-dua rakan saya di Dewan Undangan Negeri Johor dalam bulan Jun tahun 1991. Masa itu, Tuan Speaker, kami dalam DAP apabila kami dengar apa yang ada terjadi di Johor Bahru, bukan kami ketepikan perkara itu. Ini tidak ada jalan lain khasnya kecuali menulis sepucuk surat kepada Yang di-Pertuan Agong untuk memberitahu kepadanya apa yang terjadi dengan tujuan perkara ini di bawa depan Raja-raja untuk tindakan sewajarnya.

Tuan Speaker, lebih daripada satu tahun sampai

hari ini Yang di-Pertuan Agong, tidak menjawab surat itu oleh kerana apa? Adakah Yang di-Pertuan Agong dapat nasihat daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri?

Perdana Menteri : [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua : Ya, sila.

Perdana Menteri : Tuan Yang di-Pertua, dalam kes Encik Douglas Gomez ini, dia membuat Laporan Polis. Tetapi Ahli DAP yang kena pukul itu, takut hendak buat laporan.

Tuan R. Karpal Singh : Bukan takut. [Ketawa] Kami dalam DAP tidak takut.

Tuan Speaker, Perkara 181 (2) oleh itu, dan sekarang pun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menyatakan dengan umum, dengan izin, "The necessary action will be taken". What action? Itu pun saya mahu dapat tahu. Tidak payah meluluskan Usul ini dalam Dewan yang mulia ini, dan selepas itu senyap, tidak ada apa-apa tindakan. Apa tindakan akan diambil dalam constraint Perlembagaan ini?

Tuan Speaker, Perkara 181 (2), tindakan mahkamah tidak boleh diambil ke atas seseorang Raja, in his personal capacity. Itu bermakna dalam official capacity - boleh. Adakah Encik Gomez dipukul dalam official capacity? Adakah Ahli-ahli DAP dipukul oleh Sultan Johor dalam official capacity. Apa tindakan? Saya mahu dapat tahu. Jangan ketawa. [Ketawa] Ini realiti.

Seorang Menteri : [Menyampuk] Tuan Speaker, kami mahu dapat tahu....

Tuan R. Karpal Singh : You joker, do not disturb

when I talk. Ada 'clown' dalam Kabinet. Clown yang tidak mahu bayar duty hiburan. [Ketawa]

Datuk Dominic Joseph Puthucheary : [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua : Ada yang bangun Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak?

Tuan R. Karpal Singh : Ya, boleh.

Datuk Dominic Joseph Puthucheary : Tuan Yang di-Pertua, Perkara 181 tidak beri siapa-siapa pun kuasa membuat jenayah. Dengan izin, it does not exempt anybody from criminal liability. The principle that the King cannot do any wrong is not found in our Constitution and, therefore, he can be in his personal capacity liable for criminal acts. Terima kasih. [Tepuk]

Tuan R. Karpal Singh : Tuan Speaker, saya baca apa jadi isi kandungan Perkara 181 (2) "Tiada apa-apa perbicaraan boleh dibawa apa-apa perbicaraan...".

Lawyer dari Gerakan pun tidak berapa pandai! [Ketawa] "Boleh dibawa dalam mana-mana mahkamah terhadap Raja bagi sesuatu Negeri atas sifat dirinya sendiri. Barangkali dia tidak faham Bahasa Malaysia. [Ketawa]

Datuk Dominic Joseph Puthucheary : [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua : Dia bangun pula Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh : Tidak payah, saya baca dahulu. Beri dia sedikit pengajaran. [Ketawa]

181 (2) dalam bahasa Inggeris, for your benefit :

"No proceedings whatsoever - "whatsoever" will include any civil or criminal proceedings - shall be brought in any court against the Ruler of a State in his

personal capacity”.

Tuan Speaker, itu adalah....

Datuk Dominic Joseph Puthuchearry : [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua : Dia bangun Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak?

Tuan R. Karpal : Saya beri 'sikit jam'.

Tuan Yang di-Pertua : Sikit jam. [Ketawa]

Tuan R. Karpal Singh : Tuan Speaker, jikalau Sultan Johor, apabila dia jadi Raja Muda, dia boleh didakwa. Dia ada didakwa, malangnya sekarang dia Sultan, bukan Raja Muda. Dia ada didakwa pada 3hb. Januari 1973. Dan di antara pertuduhan-pertuduhan yang ada dihadapi pada masa itu adalah oleh kerana dia ada memukul Francis Joseph Puthuchearry - adik dia? [Ketawa]

Datuk Dominic Joseph Puthuchearry : [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua : Yang Berhormat, dia bangun Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh : Duduk! Saya mahu beri dia pengajaran sedikit. Dia tidak baca kes adik dia sendiri.

Datuk Dominic Joseph Puthuchearry : Point of order.

Tuan Yang di-Pertua : Di atas point apa Yang Berhormat bangun?

Datuk Dominic Joseph Puthuchearry : Point of order.

Tuan R. Karpal Singh : Jikalau point of order, boleh.

Datuk Dominic Joseph Puthuchearry : Tuan Yang di-Pertua, point of order ini ialah 36 (6), itu bukan mustahak, tetapi....

Tuan Lim Guan Eng : Point of order berapa?

Tuan Yang di-Pertua : Nanti sekejap Kota Melaka.

Datuk Dominic Joseph Puthuchearry : Ahli Yang Berhormat dari Jelutong berkata hendak mengajar saya Undang-undang, di zaman itu....

Tuan Lim Guan Eng : [Menyampuk]

Tuan Yang di-Pertua : Kota Melaka, sila duduk. Beri dia bercakap dahulu.

Tuan Lim Guan Eng : [Menyampuk]

Tuan Yang di-Pertua : Nantilah dahulu.

Datuk Dominic Joseph Puthuchearry : Tuan Yang di-Pertua, saya bukan bertentang dengan DAP. Saya hendak beri penjelasan di atas Undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua : Nanti sekejap. Yang Berhormat minta point of order.

Datuk Dominic Joseph Puthuchearry : Ya, point of order itu ialah, bila Ahli Yang Berhormat dari Jelutong menyebut kes itu, saya hendak memberitahu dia, dalam kes itu ada membuat laporan dan didakwa di mahkamah.... [Disampuk]

Tuan Yang di-Pertua : Yang Berhormat, di atas point of order berapa? Sekejaplah.

Tuan R. Karpal Singh : Kalau, penjelasan, saya beri jalan.

Datuk Dominic Joseph Puthuchearry : Polis ada mendakwa dengan Tengku Mahmud di masa itu.

Tuan Yang di-Pertua : Yang Berhormat, point of order apa?

Datuk Dominic Joseph Puthuchearry : Order ini ialah dia tidak betul. [Ketawa] Perkataan dia tidak

betul, pasal sebab masa itu....

Tuan Yang di-Pertua : Itu bukan point of order Yang Berhormat.

Datuk Dominic Joseph Puthucheary : Okay, baik.

Tuan Yang di-Pertua : Baik! Jelutong, sila teruskan, kita tidak ada banyak masa lagi.

Tuan R. Karpal Singh : Saya ingat, saya tidak boleh beri apa-apa pengajaran kepada dia. Barangkali 'boss' dia boleh. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua : Yang Berhormat, sila.

Datuk Dominic Joseph Puthucheary : [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua : Yang Berhormat, sila duduk!

Datuk Dominic Joseph Puthucheary : Penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua : Nantilah dahulu.

Tuan R. Karpal Singh : Jikalau penjelasan yang baik, boleh. Jikalau tidak tahu apa yang dia cakap, saya tidak mahu buang masa. Langsung tidak mahu, ini soalan undang-undang yang serius. Di bawah Perkara 181 (2), yang ada kini dalam Perlembagaan, Tidak ada peruntukan untuk mendakwa seorang Sultan.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, itu jadi masalah. Kena cari jalan lain - barangkali ISA. [Ketawa]

Tuan Speaker, apa yang harus jadi sekarang dalam....

Datuk Dominic Joseph Puthucheary : Penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua : Penjelasan.

Tuan R. Karpal Singh : Saya ingat cukup. Tuan Speaker, kalau dia mahu penjelasan, saya tidak mahu beri jalan. Tuan Speaker, dia mahu buang masa.

Tuan Yang di-Pertua : Ya, silakan.

Tuan R. Karpal Singh : Dia kacau, saya pun sudah

keliru. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua : Ya, 181 tadi. Sila.

Tuan R. Karpal Singh : Mengikut 181 (2), tidak boleh, tetapi jikalau Sultan Johor berani untuk, waive his immunity - itu boleh. Saya baca laporan yang terdapat di dalam majalah MLJ:

"1952: 18MLJ, page 115: Sultan of Johor versus Tengku Abu Bakar and others (L) - Nevertheless as he had himself instituted proceedings in the Japanese court and the present one was in the nature of an appeal, he having waived his immunity, could not object to it being made a respondent".

Jadi, ada jalan. Apa yang harus dibuat ialah Polis pergi ke Istana, kalau berani - menanya dia bahawa adakah dia bersetuju untuk 'waive that immunity'. Kalau dia waive the immunity, dia boleh didakwa. Tuan Speaker pun adalah Hakim Yang Arif pada masa dahulu. Dan dalam kes *McGill vs the Sultan of Johor* - semua kes ini adalah berhubung dengan Sultan Johor. (Ketawa)

Tuan Speaker, ini ada dilaporkan di dalam 1893 1QB - page 149, saya baca isi kandungannya dalam mukasurat 157:

"For the purpose of my judgement, I must assume that the Sultan of Johor came to this country and took the name of Albert Baker and that the plaintiff believed (plaintiff ini ialah Niegel - perempuan), that his name was Albert Baker and I would go so far as to assume for the present purpose that he deceived her by pretending to be Albert Baker and then promised to marry her and that he broke his promise".

Apabila dia didakwa dia cakap, "saya Raja", tidak "waive his immunity". Niegel habis sebab "breach of promise". Apa yang menjadi prinsip di dalam dua kes ini adalah, jikalau seseorang Raja berani - Raja ini garang, itu buruk bukan bermakna berani, cuma anggap barangkali berani, boleh "waive his immunity". Satu masalah yang lain adalah di dalam kes - ini untuk Peguam Negara. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh beri dia tahu semua ini, iaitu apa yang terdapat di sini.

Dalam kes Karpal Singh vs Sultan of Selangor - 1988, ILMJ - page 64. Tuan Speaker, saya akan baca apa yang telah diputuskan oleh Ketua Hakim Negara sekarang, yang pada masa itu ialah Hakim Besar Malaya, di mukasurat 67.

"The Originating Summons is bared by 181 (2) of the Federal Constitution. As for ground (2), I am firmly of the view that in the light of Article 181 (2) of the Constitution, the plaintiff's claim herein is plainly barred. The contention that the statement attributed to the Sultan was made by him in his official capacity is completely unacceptable. It is obvious that the statement was not made in the course or during the progress of a Pardon's Board Meeting. On the contrary, it was done in his personal capacity". It goes further:

"Assuming I am wrong - di sini ada masalah - Article 181(2) would, in my view, still apply to bar the present proceedings as it is in fact and substance brought against the Sultan in his personal capacity - jikalau feeling pun, personal, kata hakim besar ini.

It is fundamental that a proceeding brought against the Ruler purportedly in his official capacity is in effect and substantially an action against the Ruler personally. In such a case, Article 181 (2) may clearly be invoked to bar such proceeding. Article 181 (2) should, in my view, be construed not only in the light of the clear prohibitions enshrined in the Constitution but in line with the spirit and intention of the Constitution”.

Adakah spirit and intention of the Constitution itu dalam apa yang diputuskan oleh Tun Hamid apabila beliau duduk sebagai Hakim di Mahkamah Tinggi? Malangnya, kes ini tidak dibawa ke Mahkamah Agung selepas kes UEM. Seorang Ahli Dewan Rakyat (MP) tidak ada “locus standi”. Jadi, ini jadi undang-undang yang boleh dipakai. Jikalau begitu, apa tindakan yang boleh diambil diatas Sultan Johor?

Tuan Speaker, ini legal history, dengan izin, keistimewaan yang diberi kepada seseorang Raja adalah berdasarkan kepada rasional bahawa beliau adalah fountain of justice. Jadi, apa yang ada didepan kami, ia bukan fountain of justice tetapi fountain of death, oleh kerana dua pembunuhan telah berlaku. Satu, pembunuhan caddy, iaitu pembunuhan yang pertama, ialah dalam tahun 1977. Beliau membunuh Teo Ah Bah. Beliau telah didakwa di bawah Seksyen 304 di dalam Mahkamah Tinggi Johor Bharu dan beliau didapati salah dan dipenjarakan enam bulan dan didenda \$6,000; dan kalau tidak bayar denda, dikenakan enam bulan lagi. Tetapi apa yang terjadi di sana? Beliau diampun oleh bapa dia masa itu dan tidak masuk penjara. Jadi, apakah tindakan?

Jikalau diambil tindakan atas dia, dia akan ampun dirinya sendiri. (Ketawa)

Tuan Speaker, itu mengikut undang-undang yang ada di negara ini. Saya merayu kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Timbalannya, Kabinet dan Peguam Negara untuk meneliti dengan sewajarnya peruntukan-peruntukan di dalam undang-undang kita sekarang. Johor menjadi sebuah negeri yang merbahaya, it is a dangerous State, oleh kerana di sana seseorang rakyat tidak diperlindungi.

Dalam kes dua orang ahli Kerabat DiRaja Pahang dan dua orang awam, Polis telah membawa mereka ini ke Istana Bukit Serene. Dalam kehadiran beliau, keempat-empat orang ini telah dipukul. Dua ahli DAP, juga dalam kehadiran Polis dan kehadiran Hakim, telah dipukul. Seorang lain juga - di sini namanya tidak ada dilaporkan di mana-mana suratkhbar - ini adalah kes Daing Bahar Ismail vs Tengku Mahmud Iskandar Al-haj and others. Ini telah diputuskan dalam bulan Januari, 1987 yang ada dilaporkan di dalam Malayan Law Journal. Saya baca, dengan izin:-

"In this case issues were raised about the absolute immunity of the Yang di-Pertuan Agong, and whether the court has jurisdiction to hear and determine any question as to the legality or otherwise of the election of a Ruler to the office of the Yang di-Pertuan Agong. In that case, the plaintiff had claimed damages for alleged assault on him and the defendents had applied to strike out the Writ of Summons and statement of claim of the plaintiff".

Saya jadi lawyer bagi Daing Bahar Ismail dalam kes itu, Tuan Speaker. Saya teruskan quotation:-

"Justice Harun held that once a Ruler has been elected the Yang di-Pertuan Agong by the Conference of Rulers under Articles 32 (3) and 38 (2)(a) of the Federal Constitution, the immunity from court proceeding under Articles 31 (1) applies, and immunity is absolute. It is also further held that the court has no jurisdiction to hear and determine any question as to the legality or otherwise of the election of a Ruler to the office of Yang di-Pertuan Agong. That question should it arise is the exclusive jurisdiction of the Conference of Rulers as clearly contemplated by Article 32 (3) of the Federal Constitution".

Apa terjadi dalam kes ini, Tuan Speaker? Dalam kes ini pun, orang ini ada dibawa oleh Ketua Trafik Johor Bahru pada masa itu, seorang bernama A. Sabapathi. Apabila Encik Gomez ada dipukul pada Isnin yang lalu, Tuan Yang di-Pertua, celaka ini pun ada di sana apabila kejadian ini berlaku. Sekarang dia menjadi Director of Museum, Johor Bahru. (Ketawa) Dia pun ada di sana, satu kunci - Sultan of Selangor ini. Apa terjadi dalam ini, fakta kes ini. saya baca.

Beberapa ahli: Johor!

Tuan R. Karpal Singh: Johor, bukan Selangor. (Ketawa) Tidak mahu dua musuh, satu cukup. (Ketawa)

Saya baca Tuan Yang di-Pertua, apa yang ada dalam "Statement of Claim".

"On the 4th June, 1983, at about 6.30 p.m., the plaintiff - Daing Bahar was arrested at the coffee-house,

Tropical Inn Hotel, Johore Bahru, on the instructions of the third defendant, A.Sabapathi, by police personnel who handcuffed the plaintiff and had him taken to the Traffic Police Station, Jalan Tebrau, Johore Bahru, by car".

Ini modus operadi sama, seorang pergi ke rumah di mana ada mangsa itu dan masukkannya kedalam sebuah kereta dan dibawa ke istana. Saya baca terus:

"At about 8.45 p.m. the same day, the third defendant informed the plaintiff (Sabapathi) that he was to be produced before the Sultan - the first defendant di sini, masa itu Yang di-Pertua Agong. The plaintiff was escorted in handcuffs in his car in the company of the third and fourth defendants (Polis ini) who were in uniform to the Istana Iskandariah, Johor Bahru. At about 10.15 p.m. the same day, Daing Bahar was produced by the third and fourth defendants - police - before the first and second defendants (sekarang Mahkota pun ada di sana) at the Istana Iskandariah, Jalan Gereja, Johor Bahru. The Plaintiff, Daing Bahar proferred his salutations to the first defendants - Sultan - whereupon the first defendant punched the plaintiff on the face repeatedly. Modus operandi ialah serupa.

The first defendant then asked the second defendant to fetch a rotan. (Sultan suruh kepada anaknya, Tengku Mahkota, ambil satu rotan). The second defendant, Tengku Mahkota, duly complied with the request of the first defendant, the Sultan. The first defendant then repeatedly hit the plaintiff, Daing Bahar, on his hands, palms, legs, chest, back and buttocks. On the orders of

the first defendant Sultan of Johore, an officer examined the plaintiff's clothing right down to his underwear. (Ketawa) At this juncture, Dato' Sarvanathan, the Senior Consultant Physician of the General Hospital, Johore Bahru - orang baik - intervened saying that "Tuanku, whatever the fault of this young man, allow him an opportunity to defend himself and call his relatives".

Thereupon, the first defendant stopped his vicious assault on the plaintiff and began to interrogate the plaintiff in point of asking his name, his lineage, name of his father, name of his guru and how the plaintiff recited the Kalimah Shahadan and how he invoked Allah's blessings on the Prophet. Immediately after the interrogation aforesaid, the Sultan resumed assaulting the plaintiff until the first defendant, the Sultan, was exhausted.

At about 1.50 a.m., on 5th June, 1993, the plaintiff was taken out of the Istana Iskandariah and taken to the Police Station at Jalan Tebrau, Johor Bahru, where he was informed that a shot parang in a sheath was found in his car. The plaintiff was then taken to the Central Police Station, Johor Bahru, whereat he was detained.

At about 8.30 a.m., on 5th March, 1983, Dr. Zubaidah binti Dato' Abdul Rahman came to the Central Police Station lock-up to examine the plaintiff. And she advised the plaintiff to be patient and placed his trust in Allah".

Jikalau saya tidak silap, Tuan Yang di-Pertua, Dr. Zubaidah adalah adik atau kakak kepada Tun Dr. Ismail, if I am not mistaken.

"The said Dr. Zubaidah binti Dato' Abdul Rahman directed that the plaintiff be taken to the General Hospital, Johore Bahru, whereat the plaintiff was treated and admitted. At the said hospital, the plaintiff was placed under police guard and hand cuffed to the bed.

On the 8th June, 1983, about 9.00 a.m., the plaintiff was taken by the Police to Hospital Permai, Tampoi, Johor Bahru, whereat he was admitted, despite his protest and he detained thereat for six days till 14th June, 1983. The psychiatrist observation did not reveal any psychosis and the plaintiff was accordingly discharged on the 14th June, 1983. He was confined to Hospital Permai, a mental institution, for no justifiable cause or reason".

Tuan Speaker, ini adalah benar dan betul terjadi kepada mangsa ini.

Peranan, Tuan Speaker, dalam perkara polis ini. Sepertimana yang saya sebutkan tadi, Police took an active part, dengan izin, dalam apa yang terjadi. Saya merayu kepada Tuan Speaker supaya Kerajaan memecatkan jawatan IGP dalam hal ini oleh kerana dia kena "taken the ultimate responsibility" ke atas skandal ini.

Apa yang saya difahamkan dan apa yang ada dalam suratkhbar dengan umum, Tuan Speaker, adalah Datuk Zaman Khan yang mengtuai kes Douglas Gomez. Saya ingat seorang ini tidak layak oleh kerana dalam kes D.P. vijandran, kes video lucah (Ketawa) orang ini, dan ini adalah dengan umum beliau bercakap "fail sudah siap akan dihantar kepada Peguam Negara, tidak berapa

“mungkin lagi”. Dua, tiga hari, selepas itu, Peguam Negara dengan umum bercakap “kes ini sudah ditutup dan sudah dibakar barang ini dengan video lucu itu, satu tahun dahulu”. Inilah clown. (Ketawa) Yang sekarang mahu, Tuan Speaker, head the investigation, dengan izin, into this case. Ini satu kes serius. Tidak boleh ada seorang sebagai Zaman Khan yang boleh mengetuai pasukan Polis dalam kes ini.

Tuan Speaker, kewajiban, tugas Kerajaan adalah untuk perlindungan seorang. Tidak kira pangkat. Dan dalam kes ini, apa yang telah dibuat oleh Kerajaan adalah langkah yang baik untuk memperindungi Douglas Gomez sebab di sana ada seorang garang, Sultan of Johore. (Ketawa)

Ini baik oleh kerana ia jadi satu perkara prinsip dan saya harap dalam kes ini, apa yang saya katakan tadi, Tuan Speaker, adalah banyak masalah dari segi undang-undang untuk ambil tindakan ke atas Sultan Johore. Tetapi perkara ini tidak boleh dibiarkan begitu juga. Satu jalan harus didapati untuk menentukan Sultan of Johore ini ada didakwakan. Itu boleh dibuat, Perlembagaan ada di sana.

Dalam masa dahulu, kerap kali Perlembagaan adalah bukan sahaja dipinda tetapi juga ada di ‘backdated’. Ini boleh dibuat, (Ketawa) boleh dibuat untuk memperkuatkan dahulu daripada kejadian ini, dan selepas itu tangkap Sultan ini masuk dalam mahkamah (Tepuk) dan menentukan dan masuk dia ke dalam penjara sekali ini.

Tetapi ada peruntukan untuk membolehkan ampun

dirisendiri. (Ketawa) Itu pun kerana (Tepuk) (Ketawa)
 Jangan lupa itu. Itu pun harus dipinda.

Dengan itu, Tuan Speaker, terima kasih. (Tepuk)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Arau.

Lampiran vi

UCAPAN Y.A.B. DATO' SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD

Ketika negara mut kemerdekaan, pemimpin-pemimpin negara yang telah mendapat kemenangan besar dan sokongan padu dalam Pilihan Raya Umum tahun 1955 telah membuat pilihan supaya sistem pemerintahan di negara ini ialah sistem Demokrasi Berparlimen atau Parliamentary Democracy dan Raja Berperlembagaan atau Constitutional Monarchy.

Sistem ini dipilih kerana semasa negeri-negeri Melayu diperintah melalui sistem feudal dengan kuasa di tangan raja, negeri-negeri Melayu adalah begitu lemah dan pentadbirannya berada dalam kucar-kacir. Negeri-negeri ini tidak dapat menentukan keamanan dan menguatkuasakan undang-undang. Akibatnya negeri-negeri ini terpaksa meletakkan diri di bawah naungan kuasa-kuasa asing seperti China, Siam dan Barat. Akhirnya semua negeri Melayu ditakluki oleh British melalui perjanjian di antara raja-raja yang memerintah dengan pihak kerajaan British.

Selepas Perang Dunia II, raja-raja Melayu berharap apabila British mentadbir semula kedudukan mereka sebagai raja yang berada di bawah nasihat pegawai-pegawai British akan dikembalikan. Negeri-negeri Melayu akan sekali lagi diperintah oleh British walaupun tidak seperti Singapura,

Pulau Pinang dan Melaka, di mana British berkuasa penuh.

Bagi minoriti rakyat Melayu negeri-negeri Semenanjung, mereka juga bersedia menerima pemerintahan di mana kemelayuan, negeri-negeri Melayu diakui oleh British, walaupun pentadbiran dikuasai hampir sepenuhnya oleh British. Namun ada pendapat di kalangan sebilangan orang Melayu bahawa negeri-negeri Melayu sepatutnya dibebaskan daripada pemerintahan kolonial British sekali.

Orang Melayu hanya sedar akan kemungkinan mereka diketepikan dan menjadi pengemis di negeri mereka sendiri apabila raja-raja Melayu tunduk kepada ugut MacMichael dan menandatangani perjanjian baru dengan British yang menyerahkan negeri-negeri Melayu terluar kepada British untuk diperintah sebagai tanah jajahan taklukan British sama seperti Singapura, Pulau Pinang dan Melaka.

Oleh kerana begitu mudah raja-raja menyerahkan Singapura, Pulau Pinang dan Pangkor kepada penjaja, dan kemudiannya menyerah pula negeri-negeri Melayu, maka rakyat tidak lagi boleh menerima sistem yang memberi kuasa hanya kepada raja dan rakyat tidak diberi peranan apa-apa dalam politik negara. Lagipun selepas Perang Dunia II, sistem raja berkuasa penuh sudah menjadi lapuk di seluruh dunia. Di merata-rata tempat sistem beraja ditamatkan terus. Di mana ia dikekalkan, kuasa raja dihadkan oleh perlembagaan atau undang-undang asasi negara. Justeru itu, semasa Persekutuan Tanah Melayu menuntut kemerdekaan, pemimpin-pemimpin rakyat telah mengkaji sistem-sistem pemerintahan dengan mengamati kira sejarah negeri-negeri Melayu dan sistem-sistem pemerintahan lain.

Sistem pemerintahan lama negeri-negeri Melayu

adalah sistem feudal di mana raja berkuasa penuh tanpa perlembagaan yang ditulis. Sistem feudal ini ditentukan oleh adat yang sering dimanipulasikan dengan sewenang-wenangnya oleh pihak berkuasa: Jika pihak yang berkuasa melampaui adat, pegawai-pegawai istana atau rakyat sukar untuk menegur dan membuat sebarang dakwaan. Tetapi apabila keadaan menjadi terlalu buruk, kemungkinan-nya ialah adat diketepikan dan pemberontakan berlaku. Tetapi cara ini tetap membawa kesan yang buruk tanpa menjamin bahawa pemberontakan akan memperbaiki keadaan.

Oleh itu, lahirlah pendapat bahawa raja perlu diletak di bawah suatu perlembagaan yang menentukan kedudukan dan peranan raja. Dengan cara ini, raja tidak boleh bertindak dengan sewenang-wenangnya. Kuasa raja akan ditentukan oleh perlembagaan, iaitu undang-undang asas negara. Namun ada raja yang sanggup menyerahkan negeri sendiri kepada kuasa asing tanpa menghiraukan perlembagaan.

Namun semasa sistem Raja Berperlembagaan digubal untuk Persekutuan Tanah Melayu, yang ketika itu menuju kemerdekaan, penggubal-penggubal perlembagaan masih percaya raja-raja akan patuh bukan sahaja kepada yang tersirat di dalamnya - iaitu semangat yang terdapat dalam perlembagaan.

Di zaman penjajah British, oleh kerana mereka boleh menaik atau menurunkan raja, maka raja menerima nasihat pemerintah kolonial. Perkara ini dimasukkan dalam perjanjian di antara pihak British dan raja-raja Melayu di mana nasihat British Resident atau British Adviser mesti dipohon dan dipatuhi oleh raja melainkan berkenaan agama Islam dan adat istiadat Melayu. Bagi British, nasihat yang mesti dipatuhi oleh raja tidaklah ganjil kerana dalam sistem kerajaan di British, King atau Queen mereka mesti

menerima nasihat kerajaan. Jika tidak, raja akan diturunkan dari takhta. Oleh itu, apabila King Edward VIII berkeras untuk berkahwin dengan seorang janda, baginda terpaksa turun dari takhta atas nasihat kerajaan, walaupun tidak ada peruntukan khusus untuk tindakan ini. Yang dikuatkuasakan bukan undang-undang tetapi kepentingan politik negara, dan raja-raja British memang akur kepada politik negara. Sebab itulah sebelum pun Parlimen British memutuskan supaya Queen Elizabeth membayar cukai pendapatan, baginda sendiri baru-baru ini membuat keputusan untuk membayar cukai pendapatan. Perlembagaan British, walaupun tidak bertulis, dipatuhi dari segi semangat dan adat.

Oleh kerana raja-raja Melayu di zaman kolonial telah mematuhi nasihat, maka di percayai bahawa masalah raja bertindak di luar undang-undang tidak akan berlaku.

Penggubal undang-undang dan pengasas pemerintahan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka juga percaya peruntukan bahawa raja tidak boleh didakwa di mahkamah hanyalah sebagai petanda kemuliaan raja dan bukan sebagai hak untuk melakukan jenayah. Sudah tentu penggubal perlembagaan dan pengasas kemerdekaan negara tidak bermaksud peruntukan ini memberi hak kepada raja untuk membelakangkan undang-undang civil dan criminal. Raja Berperlembagaan atau Constitutional Monarchy tidak pernah memberi keistimewaan atau privilege kepada raja untuk melakukan jenayah.

Tetapi jika raja tersalah semasa menjalankan tugas rasmi, raja adalah bebas daripada tuduhan. Ini adalah kerana yang bertanggungjawab dan boleh didakwa ialah kerajaan.

Dalam usaha menentang Malayan Union dan mengembalikan negeri-negeri Melayu dan negeri-negeri

Selat kepada status quo ante iaitu keadaan sebelum Perang Dunia Kedua, rakyat telah memainkan peranan yang penting walaupun tidak diperuntukkan oleh undang-undang. Adalah jelas kepada rakyat pada masa itu bahawa raja tanpa sokongan rakyat mudah dikuasai oleh pihak penjajah dan pihak-pihak lain. Justeru itu, rakyat perlu diberikan hak dalam politik dan pentadbiran negara. Peranan rakyat mestilah ditentukan oleh undang-undang. Memandangkan hakikat ini dan sekali lagi dengan mengambil contoh dari Britain, Persekutaan Tanah Melayu yang merdeka memilih sistem Demokrasi Berparlimen. Rakyat akan melantik wakil mereka di Dewan Rakyat dan Dewan-Dewan Undangan Negeri yang menjadi penggubal utama undang-undang dan dasar-dasar negara. Ini menentukan rakyat boleh memainkan peranan mereka dengan tertib dan tersusun.

Tetapi sekali lagi mengikut sistem di Britain, undang-undang hanya menjadi sah setelah ditandatangani oleh raja. Di Britain, ini tidak menjadi masalah kerana raja tidak mungkin menolak nasihat Jemaah Menteri. Tetapi di Malaysia perkataan nasihat, yang penggubal perlembagaan percaya akan mempunyai makna yang sama seperti di Britain dan juga di zaman penjajah, tidak ditafsirkan dengan jelas. Oleh itu pihak raja boleh menolak nasihat kerajaan.

Jika kerajaan diakui terdiri daripada wakil-wakil yang dipilih oleh rakyat untuk menentukan rakyat berkuasa, tetapi nasihat kerajaan berkemungkinan tidak diterima, ini bererti Demokrasi Berparlimen tidak wujud dan rakyat tidak berkuasa sepenuhnya. Dalam perkara-perkara tertentu bukan sahaja persetujuan Yang diPertuan Agong diperlukan, tetapi juga persetujuan Majlis Raja-Raja.

Walaupun wakil rakyat bebas bercakap dalam Dewan Rakyat, dan Dewan-Dewan Undangan Negeri mengenai apa juga tajuk, tetapi mereka tidak boleh menyentuh diri

raja-raja kerana sebarang kritikan atau teguran terhadap raja boleh diiktiraf sebagai hasutan dan mereka boleh didakwa di bawah Akta Hasutan. Peruntukan ini adalah hasil pindaan yang dibuat pada tahun 1971. Sebelum ini, teguran terhadap raja boleh dibuat di dalam dewan. Di Britain dan di negara-negara lain, ahli-ahli parlimen bebas menegur atau mengkritik raja. Adalah jelas menegur dan mengkritik raja tidak menghapus kedaulatan raja.

Sementara halangan ke atas teguran ini dikatakan akan memelihara kemuliaan raja, tetapi apabila raja tidak ditegur, maka ia tidak akan sedar akan kesalahan yang telah dilakukannya. Dengan itu mungkin lebih banyak kesalahan akan dilakukan dan kesalahan ini mungkin akan menjadi lebih serius. Ini bukan sahaja akan mencemarkan kemuliaan raja, bahkan juga boleh menimbulkan kebencian rakyat terhadap raja. Tidaklah benar jika dikatakan larangan terhadap mengkritik raja akan memelihara kemuliaan raja. Sebenarnya kemuliaan raja akan tercemar kerana larangan ini.

Dengan kemungkinan raja menolak nasihat serta bebas daripada teguran dan sebarang tindakan keadilan, maka raja sebenarnya bukan Raja Berperlembagaan lagi tetapi menjadi raja mutlak. Sekali lagi Demokrasi Berparlimen tidak wujud kerana tidak ada tindakan undang-undang yang boleh diambil terhadap raja yang tidak menerima nasihat kerajaan rakyat dan melakukan kesalahan.

Pada tahun 1983, tindakan telah diambil untuk meminda perlembagaan supaya sekurang-kurangnya kuasa Yang di-Pertuan Agong menolak rang undang-undang yang dilulus oleh Parlimen dibatalkan. Usaha ini berjaya tetapi tidak sepenuhnya. Yang diluluskan akhirnya ialah kuasa Yang di-Pertuan Agong menolak rang undang-

undang Parlimen dikurangkan sedikit dengan mengadakan peruntukan baru bahawa baginda boleh merujukan balik kepada Parlimen jika baginda enggan menandatangani rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Parlimen. Jika Parlimen meluluskannya sekali lagi, Sama ada dengan pindaan atau tidak, maka rang undang-undang itu akan menjadi undang-undang yang sah dalam jangka masa 30 hari (Perkara 66(4) perlembagaan) walaupun tidak ditandatangani oleh Yang di-Pertuan Agong.

Tetapi kelulusan secara ini terhad kepada perkara-perkara yang tidak menyentuh hak-hak dan keistimewaan-keistimewaan raja-raja. Untuk meminda peruntukan perlembagaan yang menyentuh raja-raja, Majlis Raja-Raja perlu memberi persetujuan.

Di peringkat negeri, tidak ada pindaan dibuat kepada perlembagaan negeri. Dengan itu tidak ada undang-undang yang boleh diluluskan tanpa ditandatangani oleh raja. Ini bermakna kuasa raja-raja di negeri-negeri mengatasi kuasa Dewan-Dewan Undangan Negeri yang mewakili rakyat.

Peruntukan-peruntukan ini tidak menjadi masalah jika tidak ada tentangan pendapat di antara raja-raja dengan Dewan-Dewan Undangan, atau tidak ada perbuatan yang salah yang dilakukan oleh raja-raja, atau

tidak ada adat Melayu yang tidak suka memburukkan hubungan dengan raja-raja. Malangnya oleh kerana Menteri-Menteri Besar dan Perdana Menteri adalah orang Melayu yang enggan bermasam muka dengan raja, maka apabila raja membuat sesuatu yang tidak sepatutnya dilakukan, tidak ada teguran yang berkesan dibuat. Jika adapun, keengganan raja mengambil berat akan teguran penasihat-penasihat rasmi ini tidak mendatangkan apa-apa tindakan kepada raja.

Justeru itu, dalam sejarah Malaysia yang merdeka, tindakan raja-raja dan pihak yang berlindung di belakang raja yang melampaui hak dan keistimewaan raja, semakin lama semakin serius. Kemungkinannya ialah ia akan menjadi lebih serius lagi di masa-masa akan hadapan. Jika tidak ada pindaan undang-undang, seperti yang dicadangkan ini, tidak syak bahawa perkara-perkara yang lebih buruk akan berlaku yang mana ini akan menyebabkan institusi raja dibenci oleh rakyat. Bukanlah mustahil jika satu hari kelak tuntutan dibuat untuk menghapuskan sistem beraja sama sekali walau apa pun yang diperuntukkan oleh perlembagaan.

Justeru itu, pindaan yang dicadangkan ini bertujuan mengelak atau menghalang daripada meningkatnya perasaan benci kepada raja yang boleh membawa kepada tuntutan untuk menghapuskan sistem beraja.

Pindaan ini adalah untuk menyelamatkan raja-raja sendiri dan sistem Raja Berperlembagaan. Untuk memperkuat lagi peruntukan perlembagaan bagi mengekalkan sistem beraja, peruntukan dibuat supaya sebarang syor atau cadangan untuk menghapuskan sistem beraja akan ditakrif sebagai hasutan dan tertakluk kepada undang-undang hasutan.

Pindaan ini tidak menyentuh keistimewaan-keistimewaan yang diberi kepada raja-raja. Raja-raja akan terus bertaraf raja, dan kemudahan-kemudahan yang disediakan kepada raja dan keluarga diraja mengikut perlembagaan dan undang-undang akan diteruskan.

Untuk menentukan sistem Raja Berperlembagaan benar-benar berkesan, maka tiga pindaan perlu dibuat kepada Perlembagaan Persekutuan. Yang pertama ialah peruntukan perlembagaan berkenaan dengan kekebalan raja-raja daripada sebarang tindakan undang-undang seperti

dalam Fasal (1) Perkara 32 yang mana selepas perkataan "mahkamah" ditambah perkataan "tetapi" hanya berkenaan dengan apa-apa jua yang dilakukan atau ditinggal daripada dilakukan olehnya dalam perjalanan atau yang berupa sebagai perjalanan fungsi-fungsinya di bawah mana-mana undang-undang bertulis." ini bermakna tidak ada tindakan mahkamah yang boleh diambil terhadap raja dalam menjalankan tugas rasminya.

Kekebalan raja atau sovereign immunity adalah suatu prinsip feudal - satu konsep kononya "The King can do no Wrong". Mengikut Dr. Hogg dalam bukunya, *Liability of the Crown* konsep ini berasas kepada alasan bahawa seorang raja tidak boleh didakwa dalam mahkamahnyanya sendiri. Alasan ini sudah lama dipersoal dan ditolak oleh pakar-pakar undang-undang di Eropah seperti Adams yang merasakan tidak ada keraguan bahawa feudal lords diletak di bawah mahkamah mereka sendiri - "No doubt at all of the subjection of feudal lords to their own courts".

Di bawah *Government of India Act 1935*, Governor General atau Governor adalah kebal hanya semasa melakukan tugas rasmi. Di Amerika Syarikat, tuntutan Presiden Nixon supaya dianya dikecualikan daripada suatu peruntukan undang-undang telah ditolak oleh Supreme Court. Di England, Queen tidak boleh ditangkap dan penangkapan sesiapa tidak boleh dibuat dalam kawasan istana. Juga dakwaan terhadap Queen tidak boleh dibuat dalam mahkamah.

Tetapi dalam suatu kertas yang membincangkan *Constitutional Law of India*, di bawah *Crown Proceedings Act* bagi England peruntukan asal telah dipinda supaya "Civil proceedings by and against the Crown" boleh dibuat. Dengan ini, perbezaan "proceedings" terhadap "Crown" disamakan dengan rakyat.

Di dalam kertas yang sama disebutkan bahawa adalah menjadi "fundamental general rule" bahawa "His Majessty cannot sanction any act forbidden by the law". Apabila baginda tidak boleh sanction, baginda dengan sendirinya tidak boleh berbuat sesuatu yang salah. Dengan ini, maka "His Majesty is under and not above the laws, (and) that he is bound by them equally with his subjects".

Peruntukan dalam perlembagaan-perlembagaan Sepanyol, Belgium, Norway, Denmark, Sweden dan Luxembourg, semuanya memberi immunity kepada raja hanya dalam menjalankan tugas rasmi sebagai raja. Sebarang kesalahan dalam menjalankan tugas rasmi akan dipikul oleh kerajaan atau menteri.

Tidak ada peruntukan khusus dalam mana-mana perlembagaan negara Eropah yang memberi immunity kepada raja apabila melakukan perbuatan yang tidak rasmi. Namun raja-raja negara-negara berkenaan masih diiktiraf dan berdaulat. Mereka terus menjadi sovereign dan tidak hilang sovereignty mereka. Pendapat bahawa raja hanya berdaulat jika raja boleh melakukan jenayah dengan sewenang-wenangnya, tidak disokong oleh amalan-amalan di negara-negara lain di zaman ini. Bahkan di zaman dahulu pun raja kerap dihukum apabila melakukan kesalahan. Demikian dengan Charles I di England dan Louis XVI di France.

Hanya dalam Perlembagaan Malaysia sahaja yang diperuntukkan secara khusus bahawa di bawah Artikel 181(2) bahawa "no proceedings whatsoever shall be brought in any court against the Ruler of a State in his personel capacity".

Almarhum Tuanku Abdul Rahman Putra al-Haj, Perdana Menteri pertama negara ini, pernah menulis bahawa kekebalan atau immunity ini tidak "satisfactory" kerana

"raja boleh membunuh tanpa sebarang tindakan terhadapnya." Kesan peruntukan Artikel 181(2) ini amatlah luas. Oleh kerana Perlembagaan-Perlembagaan Persekutuan dan Negeri adalah juga undang-undang, Artikel 181(2) sebenarnya membenarkan raja melanggar perlembagaan, tidak ada apa-apa yang boleh dibuat oleh kerajaan. Yang di-Pertuan Agong juga tidak boleh didakwa dalam mana-mana mahkamah. Tetapi Majlis Raja-Raja boleh melucutkan jawatannya. Sebaliknya sebagai raja, Artikel 181(2) akan melindunginya.

Jika Malaysia ingin menjadi sebuah negara yang mengamalkan Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan, kekebalan yang diberikan kepada raja-raja perlulah dihapuskan. Oleh kerana perlembagaan di negara-negara yang mengamalkan sistem Raja Berperlembagaan tidak memberi kekebalan kepada raja-raja mereka, maka penghapusan kekebalan raja-raja Melayu tidak akan menjejaskan sovereignty atau kedaulatan mereka. Di zaman moden ini hanya kerana raja tidak boleh melakukan jenayah dengan sewenang-wenangnya tidak akan menjejaskan taraf raja, terutama di dalam sebuah negara yang mengamalkan sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan.

Untuk menentukan bahawa penghapusan kekebalan berkesan, dua lagi peruntukan dalam perlembagaan perlu dipinda. Yang pertama ialah berkenaan dengan peruntukan dalam Artikel 63 (2) yang melindungi seseorang yang mengambil bahagian dalam perbahasan di Parlimen atau Jawatankuasa Dewan daripada disoal dalam mahkamah, telah dipinda di bawah Artikel 63 (4) jika dianya menyentuh peruntukan Akta Hasutan. Peruntukan ini dibuat pada tahun 1971. Ini bermakna teguran terhadap raja boleh dibuat sebelum 1971 tanpa menjejaskan kedaulatan raja. Justeru itu, membenar semula wakil-wakil rakyat mengkritik raja

yang bermasalah tidaklah menidakkan hak atau ke-istimewaan asli raja-raja.

Pindaannya Perkara 63 selepas Fasal (4) berbunyi: “(5) Walau apa pun Fasal (4) tidak seorang pun boleh dikenakan apa-apa prosiding dalam mana-mana mahkamah berkenaan dengan apa-apa juga yang dikatakan olehnya tentang Yang di-Pertuan Agong atau seseorang raja semasa mengambil bahagian dalam apa-apa prosiding mana-mana satu Majlis

Parlimen atau mana-mana jawatankuasanya kecuali jika ia menganjurkan penghapusan kedudukan berperlembagaan Yang di-Pertuan Agong sebagai Kepala Utama Negara bagi Persekutuan atau kedaulatan berperlembagaan raja sesuatu negeri, mengikut yang mana-mana yang berkenaan.”

Perkara 72 Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda dengan memasukkan selepas Fasal (4), fasal yang berikut:

“(5) Walau apa pun Fasal (4) tiada seorang pun boleh dikenakan apa-apa prosiding dalam mana-mana mahkamah berkenaan dengan apa-apa jua yang dikatakan olehnya tentang raja mana-mana negeri semasa mengambil bahagian dalam apa-apa prosiding Dewan Undangan mana-mana negeri atau mana-mana jawatankuasanya kecuali jika dia menganjurkan penghapusan kedudukan raja itu sebagai Raja Berperlembagaan negeri itu.”

Tafsiran yang dibuat mengenai hasutan terhadap raja dalam perlembagaan adalah begitu luas sehingga tidak ada apa-apa pun teguran yang boleh dibuat di dalam Parlimen oleh ahli-ahli Dewan Rakyat atau Dewan Undangan. Dengan itu media juga tidak berpeluang untuk melapor. Teguran yang boleh dibuat hanyalah oleh penasihat raja secara tertutup. Jika teguran ini tidak berkesan tidak ada apa-apa lain yang boleh dibuat.

Sebenarnya ketiga-tiga Perdana Menteri dahulu, sebagai penasihat kepada raja-raja, telah pun menegur raja-raja berkali-kali semasa mereka berkhidmat. Saya tahu teguran ini dibuat kerana perkara ini telah dilaporkan dalam mesyuarat Jemaah Menteri dan juga Majlis Tertinggi UMNO berkali-kali.

Allahyarham Tun Hussein Onn, semasa menjadi Perdana Menteri, pernah dalam ucapan bertulis di suatu mesyuarat Majlis Raja-Raja yang dihadiri oleh Duli-Duli Yang Maha Mulia atau wakil-wakil mereka sahaja, menegur dengan kerasnya perbuatan raja-raja yang tidak harus dilakukan. Tetapi semua teguran ini tidak berkesan. Perkara-perkara yang disentuh terus dilakukan juga, bahkan ditingkatkan. Apa yang tidak pernah dibuat di zaman British dan pada tahun-tahun awalan Malaysia merdeka, dilakukan dengan semakin ketara dan meluas.

Walaupun hampir semua Perdana Menteri dan Menteri Besar melaporkan kepada Majlis Tertinggi UMNO akan masalah yang dihadapi oleh mereka tetapi orang ramai tidak diberitahu. Justeru itu, orang ramai tidak mengetahui masalah yang dihadapi oleh kerajaan. Sebahagian besar daripada mereka terus percaya bahawa sistem Raja Berperlembagaan berjalan dengan baik dengan raja menghormati segala peruntukan dalam perlembagaan. Hanya sebilangan kecil daripada rakyat yang mengetahui dan mereka ini memang tidak senang hati dapat menyuarakan pandangan dan perasaan mereka ini kerana adanya Akta Hasutan.

Akta Hasutan dan peruntukan berkenaan dengan hasutan terhadap raja-raja dalam Artikel 63(4) Perlembagaan menghalang rakyat daripada mendapatkan maklumat dan menyuarakan pendapat mereka. Mereka hanya dapat bercakap sesama sendiri sahaja. Pemimpin-pemimpin politik

termasuk pemimpin-pemimpin kerajaan memang mendengar dan menyedari akan pandangan dan kemarahan sebilangan rakyat yang mengetahui perbuatan raja. Demikianlah kemarahan mereka sehingga ada, terutama dikalangan generasi muda, yang menganggap sistem beraja sudah ketinggalan zaman.

Tetapi oleh kerana Akta Hasutan dan larangan terhadap mengkritik raja, raja tidak mendengar dan tidak percaya kepada penasihat mereka apabila maklumat disampaikan berkenaan kegelisahan rakyat. Raja dan keluarga-keluarga diraja nampaknya berpendapat bahawa semua ini adalah ciptaan penasihat-penasihat raja untuk menakutkan baginda atau untuk merebut hak raja. Dalam keadaan ini raja bukan sahaja akan meneruskan amalan-amalan yang tidak disenangi atau disukai oleh rakyat tetapi juga akan melakukan perkara-perkara yang dibenci oleh rakyat. Jika trend ini tidak disekat, perasaan rakyat meluap dan menjadi begitu buruk sehingga pada suatu masa nanti rakyat mungkin tidak lagi dapat membendung perasaan mereka. Perasaan yang diluahkan dalam surat-surat kepada akhbar sebenarnya sudah lama wujud.

Dengan izin Tuan Yang Dipertua, saya ingin membaca petikan daripada satu rencana yang dihantarkan kepada akhbar *The Straits Times* pada tahun 1946 oleh seorang tokoh Melayu yang terkemuka, apabila British mencadangkan penubuhan *Malayan Union*. Tokoh ini kemudian memegang jawatan yang tinggi dalam kerajaan. Rencana ini tidak disiarkan oleh akhbar *Straits Times* tetapi ia disampaikan kepada saya baru-baru ini oleh penulis.

Penulis ini menyatakan, dengan izin "all intelligent Malay leaders ought now seriously to give most profound and careful thought to the question whether the time has

not arrived when the Malay Royalty (I mean the sultan and raja) should gracefully withdraw themselves altogether."

Jika pandangan seperti ini sudah ada pada tahun 1946, apakah ia tidak mungkin wujud semula pada tahun 1993 jika raja-raja tidak dihalang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang tidak diingini?

Perlindungan dan keistimewaan yang diberi kepada raja bertujuan meletakkan raja di tempat yang tinggi dan mulia. Perlindungan dan keistimewaan ini bukanlah untuk membolehkan raja melakukan apa sahaja termasuk jenayah. Raja yang sedar dan faham akan maksud sebenar peruntukan ini akan sentiasa memelihara daripada mencemar diri dalam perbuatan atau perlakuan yang tidak baik dan tidak disukai oleh masyarakat. Raja yang sedar akan tahu bahawa perbuatan tidak menghiraukan perasaan dan pandangan masyarakat akan menyebabkan rakyat akhirnya menyingkirkan raja, bahkan menghapuskan sistem beraja. Inilah yang berlaku di negara-negara lain yang sekarang menjadi republik.

Di Malaysia, lindungan yang diberi amatlah tebal. Kekebalan raja daripada undang-undang dan larangan terhadap teguran, walaupun hanya oleh Ahli-Ahli Dewan Undangan yang dipertanggungjawabkan untuk mentadbir negara, mengasingkan raja daripada dunia sebenar. Dalam keadaan ini perbuatan dan tingkah laku raja akan menjadi lebih buruk sepanjang masa. Inilah yang berlaku di Malaysia sekarang.

Justeru itu, adalah penting Ahli-Ahli Dewan diberi semula hak menegur raja dalam perbahasan mereka. Tanpa hak ini ahli-ahli Dewan tidak akan berjaya mengamalkan sistem Demokrasi Berparlimen dan tidak akan dapat membuktikan bahawa rakyatlah yang berkuasa dalam

sistem ini. Tanpa hak, yang berkuasa ialah raja dan bukan rakyat.

Dengan adanya larangan terhadap menegur raja, ahli-ahli Dewan sebenarnya tidak dapat memelihara institusi raja dan sistem beraja. Justeru itu, kebebasan ahli-ahli Dewan berucap dalam Dewan tidak harus disekat oleh Akta Hasutan seperti yang diperuntukan di bawah Artikel 63 (4) dan 72 (4). Dengan ditambah Artikel 63 (4) dan 72 (5) ahli-ahli Dewan bukan sahaja boleh memelihara kedudukan raja, tetapi institusi Raja Berperlembagaan akan dilindungi oleh perlembagaan secara jelas kerana disebut di dalam Artikel 63 (5) dan 72 (5) bahawa pengecualian daripada Akta Hasutan tidak termasuk pengancuran "penghapusan kedudukan berperlembagaan Yang di-Pertuan Agong sebagai Kepala Utama Negara bagi Persekutuan atau kedudukan berperlembagaan raja sesuatu negeri."

Perkara yang kedua yang boleh menidakkan penghapusan kekebalan raja-raja apabila melakukan sesuatu yang melanggar undang-undang dalam suatu urusan yang tidak rasmi ialah hak pengampunan raja seperti yang diperuntukkan dalam Artikel 42. Dengan peruntukan ini, raja boleh mengampunkan dirinya sendiri jika ia dihukum salah oleh mahkamah setelah kekebalan daripada tindakan undang-undang ditarik balik. Ini bermakna penarikan kekebalan tidak bermakna dan tidak berkesan.

Juateru itu, kerajaan bercadang supaya perkara 38 dan 42 Perlembagaan Persekutuan dipinda seperti dalam Fasal (2) Perkara 38 dan Fasal (12) Perkara 42.

Fasal (2) Perkara 38 Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda:

- (a) dengan menggantikan koma di hujung perenggan
- (c) dengan koma bernoktah; dan
- (b) dengan memasukkan, selepas perenggan

- (c), perenggan yang berikut;
 "(d) memberi ampun, reprieve dan respite atau meremehkan, menggantung atau meringankan hukuman-hukuman di bawah Fasal (12) Perkara 42."

Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda dengan memasukkan, selepas Fasal (11), fasal-fasal yang berikut:

"(12) Walaupun apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam perlembagaan ini, jika kuasa-kuasa yang tersebut dalam perkara ini:

- (a) kena dijalankan oleh Yang Dipertuan Negeri sesuatu negeri dan dikehendaki dijalankan berkenaan dengan dirinya atau isterinya, anak lelakinya atau anak perempuannya, kuasa-kuasa itu hendaklah dijalankan oleh Ketua Menteri bagi negeri itu yang bertindak atas nasihat Lembaga Pengampunan yang ditubuhkan bagi negeri itu di bawah perkara ini dan yang hendaklah dipengerusikan olehnya;
- (b) dikehendaki dijalankan berkenaan dengan Yang di-Pertua Agong, raja sesuatu negeri atau konsortinya, mengikut mana-mana yang berkenaan, kuasa-kuasa itu hendaklah dijalankan oleh Majlis Raja-Raja dan peruntukan-peruntukan yang berikut hendak terpakai:
 - (i) apabila menghadiri mana-mana prosiding dibawah fasal ini, Yang di-Pertua Agong tidak boleh disertai oleh Perdana Menteri dan raja-raja lain tidak boleh disertai oleh Menteri-Menteri Besar mereka;
 - (ii) sebelum membuat keputusannya tentang apa-apa perkara di bawah fasal ini, Majlis

Raja-Raja hendaklah menimbangkan apa-apa pendapat bertulis yang mungkin telah diberikan oleh Peguam Negara tentang perkara itu;

- (c) dikehendaki dijalankan oleh Yang di-Pertuan Agong atau raja sesuatu negeri berkenaan dengan anak lelaki atau anak perempuannya, mengikut mana-mana yang berkenaan, kuasa-kuasa itu hendaklah dijalankan oleh Majlis Raja-Raja dan raja itu hendaklah bertindak mengikut nasihat Lembaga Pengampunan yang relevan yang ditubuhkan di bawah perkara ini.

(13) Bagi maksud perenggan (b) dan (c) Fasal (!2), Yang di-Pertuan Agong atau raja negeri yang berkenaan mengikut mana-mana yang berkenaan dan Yang di-Pertuan Agong, Yang Dipertua Negeri tidak boleh menjadi anggota Majlis Raja-Raja."

Dengan pindaan ini raja tidak boleh mendengar rayuan dan pengampun dirinya sendiri. Jika ada raja atau konsortnya yang merayu pengampunan, maka Majlis Raja-Raja akan mendengar dan memutuskan rayuan kes berkenaan.

Raja pun tidak boleh mendengar rayuan dan mengampun anaknya. Majlis Raja-Raja akan melantik seorang raja lain untuk mendengar dan memutuskan rayuan pengampunan anak raja.

Dengan pemansuhan kekebalan raja-raja daripada tindakan undang-undang, kecuali ketika menjalankan tugas rasminya, adalah dipercayai raja tidak akan melakukan perbuatan-perbuatan yang boleh didakwa di mahkamah. Dengan ini, raja akan dihormati rakyat.

Pemansuhan sekatan yang dikenakan terhadap ahli-ahli Parlimen dan Dewan-Dewan Undangan Negeri oleh

Akta Hasutan akan mengelakkan raja-raja daripada melakukan sebarang perbuatan yang mungkin menarik teguran ahli-ahli Dewan-Dewan berkenaan.

Pemansuhan kuasa mengampun diri sendiri akan menjadikan tindakan undang-undang lebih berkesan.

Tujuan sebenar pindaan-pindaan ini bukan kerana kerajaan ataupun rakyat ingin mengheret raja-raja ke mahkamah dengan sewenang-wenangnya. Tujuannya ialah supaya raja-raja akan menghindarkan diri daripada melakukan perbuatan yang boleh mengakibatkan tindakan undang-undang. Oleh itu, raja akan lebih dihormati.

Harus diingat bahawa penghormatan rakyat terhadap raja tidak boleh ditentukan oleh undang-undang. Dengan izin, "respect". Dengan kesedaran raja boleh dihadapkan ke mahkamah, raja tentu akan mengelak daripada melakukan perbuatan yang akan menyebabkan rakyat tidak menghormati raja. Dengan itu, institusi beraja akan lebih dihormati dan lebih berkekalan.

Bagi menguatkan usaha mengekalkan raja dan sistem beraja, sebarang syor atau desakan menghapuskan sistem beraja adalah ditafsirkan sebagai hasutan dan akan didakwa di bawah Akta Hasutan.

Saya berasa amat sedih kerana pada hari ini saya terpaksa mengemukakan kepada Dewan yang mulia ini satu rang undang-undang untuk meminda perlembagaan yang sedikit sebanyak mencemar nama baik raja dan institusi raja. Dengan hati yang berat saya telah mengemukakan dan mengulas pindaan-pindaan yang dicadangkan ini.

Kerajaan membuat keputusan untuk meminda perlembagaan bukannya tanpa sebab. Sebenarnya seperti yang telah saya katakan, kerajaan telah mengelak daripada membuat pindaan ini semenjak dari mula kita mencapai kemerdekaan. Tetapi pendekatan secara ini tidak

meredakan keadaan. Sebaliknya keadaan menjadi lebih buruk.

Akhirnya dengan berlakunya insiden raja memukul rakyat dan sebelum ini satu lagi insiden di mana anak raja juga memukul rakyat, kerajaan tidak dapat memandang ringan kejadian-kejadian ini tanpa menjejaskan kredibiliti kerajaan sebagai pemerintah yang bertanggungjawab. Kerajaan terpaksa membuat pendirian tegas untuk melindungi rakyat daripada dianiaya oleh raja. Sudah tentu pendirian ini tidak boleh dibuat kerana dua insiden ini sahaja. Sebelum ini, terdapat banyak insiden di mana raja menganiaya rakyat, raja menyalahi undang-undang civil dan criminal, raja menyalahgunakan wang serta harta kerajaan dan negara, raja menekan dan menganiaya pegawai-pegawai.

Insiden di Johor hanyalah dengan izin, "the straw that broke the camel's back". Reaksi rakyat terhadap insiden-insiden ini jelas menunjukkan bahawa rakyat tidak lagi dapat menerima dan "tolerate" perbuatan seperti ini.

Memang ada orang tertentu yang seolah-olah ingin memberi kuasa dan mempertahankan raja apabila raja melakukan jenayah. Mereka cuba memesongkan fikiran rakyat dengan menuduh bahawa kerajaan bercadang menghapuskan sistem beraja.

Saya ingin menegaskan bahawa kerajaan Barisan Nasional tidak bercadang sama sekali untuk menghapuskan sistem beraja. Ini jelas daripada pindaan yang dikemukakan. Sebarang cadangan untuk menghapuskan sistem beraja akan ditafsir sebagai hasutan dan kerajaan akan mengambil tindakan di bawah Akta Hasutan ke atas sesiapa sahaja yang mengesyorkan atau bertindak untuk menghapuskan sistem beraja.

Kerajaan sedar bahawa rakyat, khususnya orang

Melayu menerima dan menyokong institusi raja-raja Melayu. Tuduhan yang dibuat bahawa kerajaan bercadang untuk menghapuskan sistem beraja adalah kerana kepentingan politik semata-mata. Kerajaan yang mewakili majoriti orang Melayu dan kaum-kaum lain akan melakukan sesuatu yang tidak disukai.

Oleh kerana jelas majoriti rakyat berbilang kaum di negara ini masih menghendaki sistem beraja, khususnya sistem Raja Berperlembagaan, maka kerajaan akan menentukan sistem ini dilindungi oleh perlembagaan.

Ada pihak yang berpendapat bahawa raja Melayu diperlukan untuk melindungi orang Melayu. Peristiwa Perjanjian Mac Michael dan Malayan Union jelas membuktikan bahawa yang sanggup dan mampu melindungi orang Melayu ialah orang Melayu sendiri. Jika tidak kerana mereka bangun dan menentang Malayan Union, hari ini orang Melayu akan menjadi pengemis di negeri sendiri.

Percubaan pihak yang cuba menakutkan orang Melayu terhadap pindaan ini adalah kerana mereka ingin menggunakan sentimen kaum untuk kepentingan parti mereka. Sejarah mereka tidak boleh meyakinkan kita bahawa mereka ikhlas. Mereka inilah yang telah cuba melemahkan orang Melayu dengan memecahbelahkan UMNO dan mengadakan kerjasama dengan pihak-pihak tertentu yang diragui oleh orang Melayu.

Apakah hanya dengan menghalang raja daripada melakukan jenayah maka raja akan hilang kedaulatan dan tidak lagi menjadi raja? Pendapat bahawa raja hanya boleh menjadi raja jika ia berhak dan diberi keistimewaan melakukan jenayah adalah bertentangan dengan konsep raja sebagai punca undang-undang. Di zaman dahulu di Barat, raja memang mempunyai hak melakukan jenayah.

Umapamanya mengikut kepercayaan kepada konsep, dengan izin, "Droit du seigneur" (right of the Lord) atau Hak Yang Di-pertuan, raja berhak bermalam adahulu dengan semua pengantin baru.

Tetapi di Barat pun semua hak ini telah dihapuskan. Sebab itu negara-negara Barat yang mengekalkan sisitem beraja, tidak ada kekebalan secara khusus bagi raja.

Jika adapun sebutan bahawa raja tidak boleh dihadapkan ke mahkamah, ini hanyalah formaliti sahaja. Raja, kerajaan dan rakyat tahu bahawa jika raja melakukan jenayah, ia akan dihadapkan ke mahkamah, dan ia akan diturunkan dari takhtanya. Justeru itu, raja di negara Barat tidak akan dengan sengaja melakukan jenayah. Walaupun jelas raja-raja di Barat tidak kebal atau immune daripada tindakan undang-undang dan bukan undang-undang, raja masih tetap juga raja. Mereka masih dihormati dan disegani.

Di zaman British, raja-raja Melayu bukan sahaja tidak kebal tetapi juga berada di bawah telunjuk pegawai-pegawai British. Mereka boleh dinaikkan atau diturunkan dari takhta. Satu daripada ugutan Mac Midhael supaya raja menandatangani Perjanjian Malayan Union ialah mereka akan diturunkan dari takhta jika mereka tidak menandatangani perjanjian tersebut.

Dalam keadaan sebegini pun, raja masih terus menjadi raja. Rakyat tidak menuntut supaya raja-raja disingkir atau sistem beraja dihapuskan walaupun raja-raja telah menyerahkan negeri-negeri Melayu kepada penjajah. Sayugia diingatkan bahawa pada masa itu raja-raja di Indonesia, India dan Pasikatan telah ditolak oleh rakyat yang menuntut kemerdekaan. Sebaliknya rakyat Malaysia, terutama orang Melayu dan UMNO, telah berjuang untuk menyelamatkan raja-raja dan sistem beraja.

Dengan tindakan orang Melayu melawan Malayan

Union adalah jelas bahawa nasib orang Melayu berada ditangan rakyat Melayu. Keselamatan orang Melayu tidak terjejas dengan raja Melayu tidak memiliki hak untuk melakukan jenayah. Ada pihak yang berkata, dengan penghapusan hak raja melakukan jenayah, maka orang Melayu tidak lagi orang Melayu atau habislah keistimewaan kedudukan orang Melayu. Ini tidaklah benar. Ini adalah fitnah. Yang akan menjamin Melayu terus Melayu dan hak-hak orang Melayu terus terpelihara ialah orang Melayu sendiri. Merekalah melalui wakil-wakil dan kerajaan yang mereka pilih yang mencipta dan melaksanakan berbagai-bagai rancangan untuk memelihara dan menebus maruah bangsa Melayu.

Seorang raja telah menyoal kenapakah pindaan perlembagaan ini dikaitkan dengan agama Islam sedangkan kerajaan ini tidak bersetuju dengan pelaksanaan undang-undang syarak dan hudud. Menurut baginda, baginda sedia menerima hukum-hukum Islam tanpa immunity tetapi tidak sanggup menerima undang-undang negara yang dikatakan bukan undang-undang Islam. Sama ada direstui atau tidak oleh baginda, kedudukan raja-raja Melayu semenjak merdeka ditentukan oleh undang-undang, iaitu perlembagaan. Undang-undang inilah juga yang memberi keistimewaan-keistimewaan tertentu kepada raja. Di antara keistimewaan ini ialah imuniti daripada tindakan undang-undang. Jika raja sanggup menerima imuniti di bawah undang-undang yang bukan undang-undang Islam, kenapakah penghapusan imuniti dalam undang-undang yang sama tidak mahu diterima?

Dalam Islam ada dua prinsip yang dipegang kuat berkenaan dengan undang-undang. Yang pertamanya ialah tidak ada perbezaan antara umat Islam dari segi penguatkuasaan hukum-hukum Islam. Raja dan rakyat

adalah sama sahaja. Imuniti bagi raja adalah bertentangan dengan prinsip ini. Menolak penghapusan imuniti supaya dikekalkan perbezaan antara raja dan rakyat dalam undang-undang tidak mencerminkan pegangan yang kuat kepada prinsip Islam.

Menerima imuniti daripada undang-undang yang dikatakan bukan undang-undang Islam, tetapi menolak penghapusan imuniti ini dalam undang-undang yang sama bercanggah dengan dakwaan hanya sanggup menerima undang-undang Islam sahaja.

Islam memberi banyak kelonggaran. Islam mengambil kira segala faktor dan keadaan yang dihadapi oleh umatnya. Demikian dalam menunaikan ibadat pun keadaan alam sekeliling, kesihatan individu dan keadaan semasa diambil kira. Oleh itu, sembahyang boleh dilakukan tanpa gerak badan tertentu, tanpa menghadap kiblat, didahulukan, dikemudiankan atau dicantumkan, berjemaah atau berseorangan. Rakyat Palestin yang dihalau keluar oleh pemerintahan Zionis boleh sembahyang tanpa menanggalkan kasut. Dalam ibadat-ibadat lain, kelonggaran juga diberikan. Demikian juga dengan penguatkuasaan hukum hudud. Keadaan alam sekeliling dan masyarakat perlu diambil kira. Sebab itu tidak banyak negara yang majoriti penduduknya terdiri daripada orang Islam yang melaksanakannya pun tidak melaksanakan dengan sepenuhnya.

Kerajaan tidak menolak hukum hudud. Perlaksanaannya mestilah mengambil kira keadaan negara di mana penduduk Islamnya hanya merupakan 56 % dan mereka masih daif dalam berbagai-bagai bidang.

Pentadbiran yang menolak kelonggaran yang diberikan oleh Islam sebenarnya tidak mematuhi ajaran Islam. Islam tidak menyuruh orang Islam atau kerajaan

Islam melaksanakan hukum Islam secara membuta tuli sehingga boleh menbinasakan diri. Sebab itu Nabi berhijrah ke Madinah untuk menyelamatkan Islam dan perjuangan Islam.

Jika keadaan mengizinkan, kita akan menguatkuasakan hukum hudud. Tetapi janganlah sementara kita menunggu hukum hudud dilaksanakan, kita melakukan sesuatu yang bertentangan dengan ajaran Islam. Sebenarnya jenayah yang dilarang dalam undang-undang negara ini adalah juga dilarang oleh agama Islam. Apakah raja berkenaan mahu kebebasan melakukan jenayah ini hanya kerana kita belum boleh melaksanakan hukum hudud yang melarang jenayah yang sama? Prinsip kedua ialah tidak ada kekebalan dalam Islam. Semua hukum adalah untuk semua umat. Raja yang mahu dirinya kebal daripada undang-undang sudah tentu menentang Islam ini. Akhirnya saya ingin menyentuh mengenai masalah menasihati raja. Seperti yang telah saya sebutkan, raja dikehendaki menerima nasihat kerajaan. Di negara-negara lain di mana sistem beraja masih wujud walaupun tidak ada perutusan khusus bahawa raja bertindak mengikut nasihat kerajaan, namun raja tidak pernah bertindak bertentangan dengan nasihat kerajaan. Oleh itu, perhubungan diantara raja dengan kerajaan yang mewakili rakyat tetap baik. Lebih daripada itu, di negara-negara ini raja dihormati dan disanjung tinggi oleh masyarakat.

Malangnya, di Malaysia walaupun ada peruntukan bahawa raja harus bertindak mengikut nasihat kerajaan, tetapi pihak raja memegang kepada tafsiran nasihat yang diterima umum - iaitu nasihat boleh diterima atau ditolak. Tafsiran ini adalah salah. Dalam pada itu, ada pula perkara tertentu yang raja menganggap ia tidak perlu diberi nasihat.

Dengan ini, banyaklah perkara yang dilakukan yang

bertentangan dengan kerajaan yang mewakili rakyat. Masalah yang dihadapi hari ini berpunca daripada pendapat bahawa raja boleh membelakangkan kerajaan rakyat. Tindakan curang yang berlaku adalah kerana nasihat tidak dihiraukan. Tidak adanya persetujuan terhadap pindaan ini juga berpunca daripada keengganan raja menerima nasihat. Jika ini berterusan, maka kerajaan Demokrasi Berparlimen tidak dapat wujud sepenuhnya dan sebenarnya. Inilah sebabnya kerajaan membawa pindaan ini kepada Dewan. Jika proses ini dipertikaikan, maka keputusan boleh dibuat oleh mahkamah. Sebagai kerajaan yang berpegang teguh kepada, dengan izin rule of law kita akan patuh kepada keputusan mahkamah. Di masa yang sama, perkara ini tidak harus dilihat dari sudut undang-undang sahaja. Ia perlu dilihat dari sudut politik juga.

Di waktu saya menyerahkan negeri-negeri Melayu kepada British, rakyat mengambil tindakan politik untuk mendapatkan balik negeri-negeri Melayu dan mengekalkan institusi raja. Walaupun dari segi undang-undang rakyat tidak berhak kerana semua perjanjian dibuat antara British dan raja sahaja, pihak British menghormati tindakan politik rakyat.

Saya berharap raja-raja Melayu juga akan mengambil iktibar daripada sejarah negara, khususnya sejarah Malayan Union dan menerima kehendak politik negara. Walaupun tanda-tanda menunjukkan bahawa raja-raja tidak akan menerima pindaan ini, saya berharap selepas pindaan ini diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara, raja-raja Melayu akan menerima dan meluluskan undang-undang ini.

